



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 13 NOVEMBER 2015 (JUMAAT)

Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara
Encik Abdul Khalil bin Sabiis (Ketua)
Encik Ahmad Hafizan bin Yusof

Pelapor Perbahasan
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

(Dewan dimulakan jam 10.00 pagi)

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum WBT* dan salam sejahtera. Aturan Mesyuarat Urusan Mesyuarat Bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ke-13 pada 13 November 2015 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

II. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat.

1. Kertas Mesyuarat Bilangan 103 Tahun 2015

Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Amalan Terbaik Perancangan Bandar Susulan Daripada Lawatan ke *Urban Re-Development Authority* (URA) dan Majlis Perbandaran Ang Mo Kio Singapura.

III. PERTANYAAN-PERTANYAAN

Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Selamat pagi semua. Saya silakan Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 149.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)

TAJUK : KOMPAUN PBT

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan jumlah kompaun yang telah dikeluarkan oleh setiap PBT sejak tahun 2008 mengikut jenis kompaun dan nilainya.

- b) Nyatakan jumlah kompaun yang tidak berbayar dan yang telah dibatalkan berserta dengan sebabnya.
- c) Nyatakan jumlah kompaun tidak berbayar yang telah diambil tindakan pendakwaan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Balakong. Jumlah kompaun yang telah dikeluarkan oleh setiap PBT sejak tahun 2008 sehingga hari ini, saya akan bagi jumlah yang besar ya, yang maklumat terperinci yang saya akan serah jawapan lisan kepada Balakong sebentar nanti. Jumlah kompaun daripada 2008 hingga tahun ini adalah sebanyak RM7,490,513.00 kompaun yang telah dikeluarkan oleh semua PBT. Dan jumlah kompaun yang tidak berbayar ya, adalah RM3,833,835.00. Dan dibatalkan, kompaun yang dibatalkan adalah sebanyak RM51,315.00. Jumlah kompaun yang tidak berbayar dan telah mengambil tindakan pendakwaan adalah sebanyak 1,105,075 kes. Sekian.

TUAN SPEAKER : Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, jumlah kompaun yang tidak berbayar adalah RM3.8 juta lebih kurang. Dan jumlah yang telah didakwa ke mahkamah hanya satu perpuluhan .. sejuta lebih sahaja lah. Adakah ia disebabkan oleh Timbalan Pendakwa raya ataupun tindakan dari PBT masing-masing?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, ini adalah inisiatif daripada PBT supaya kompaun ini dapat dibayar oleh yang penerima kompaun itu. Selain daripada bagaimana kita, cara untuk kita memastikan ya, kompaun ini dibayar, salah satu cara yang sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri adalah kita akan mengadakan satu perbincangan di antara Kerajaan Negeri dan juga JPJ supaya kita dapat menyekat daripada *road tax*.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN : Tuan Speaker. Soalan No. 150.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : SKIM BANTUAN TADIKA SELANGOR

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Proses permohonan sekali setahun, apakah punca lewat bayaran kedua dan seterusnya manfaat tunas masih berlaku?
- b) Adakah skim bantuan sokongan pembangunan kepada tadika terlibat dalam tunas?
- c) Apakah ada peraturan dan syarat-syarat pembatalan kelayakan tadika di bawah skim ini?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih kepada Yang Berhormat Meru. Pertama, tentang mengapa walaupun proses permohonan untuk Skim Bantuan Tadika Selangor adalah sekali setahun tetapi berlaku lewat bayaran kedua dan seterusnya. Untuk makluman, permohonan Skim Tunas Selangor telah ditutup pada awal Mac 2015 dan jumlah permohonan diterima melebihi 10,000 permohonan ketika itu. Namun proses permohonan telah berjaya diselesaikan dalam tempoh yang telah ditetapkan untuk dihantar ke Unit Pendidikan Bahagian Sumber Manusia bagi proses kelulusan bayaran selanjutnya. Pembayaran dilaksanakan secara berperingkat seperti berikut:

- i) Bayaran Fasa I bagi Januari hingga Mac 2015 diserahkan pada April 2015.
- ii) Bayaran Fasa II bagi April hingga Jun 2015 diserahkan pada Ogos 2015.
- iii) Bayaran Fasa III bagi bulan Julai hingga Ogos 2015 diserahkan pada Oktober 2015.
- iv) Bayaran Fasa IV bagi bulan September hingga November 2015 diserahkan pada bulan November 2015.

(b) Adakah Skim Bantuan Sokongan Pembangunan kepada tadika terlibat di dalam Tunas? Bantuan sokongan yang diberikan kepada tadika yang terlibat dengan Skim Tunas ialah Pembangunan Kemahiran dan Peningkatan Profesionalisme seperti Kursus Jati diri guru-guru Tadika Selangor, Bengkel Pengajaran dan Pembelajaran, Bengkel Persediaan Konvokesyen, Bengkel Persijilan Kurikulum Bersepadu Pra Sekolah Kebangsaan (PSKK) kepada guru-guru tadika Selangor dan Program Pembangunan Pendidikan Awal Kanak-kanak Selangor seperti Program Simulasi Haji Celik Perdana, Sambutan Hari Tadika Selangor dan banyak lagi.

(c) Apakah ada peraturan dan syarat-syarat pembatalan kelayakan tadika di bawah skim ini? Tadika akan hilang kelayakan sekiranya didapati tadika yang terlibat telah menyalahi undang-undang di bawah Hak Akta Kanak-kanak mahupun Akta Pendidikan Negara.

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 151.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)

TAJUK : TEMPAT-TEMPAT PERNIAGAAN DI IJOK

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Tempat-tempat perniagaan seperti R&R di Kampung Harmoni, gerai terbiar di Bestari Jaya seperti 'hidup segan mati tak mahu'.
- b) Apakah langkah PBT untuk menghidupkan semula tempat perniagaan tersebut?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, terima kasih kepada Ijok. Pihak Majlis Daerah Kuala Selangor pernah membuka tawaran kepada mana-mana pihak yang berminat untuk menguruskan medan selera Bestari Jaya tersebut dengan pengecualian sewaan untuk tempoh tertentu. Walau bagaimanapun, maklum balas mendukacitakan dan tawaran masih dibuka sehingga kini. Pihak MDKS sedang dalam perancangan dan tindakan untuk mengumpulkan gerai-gerai haram sekitar Bestari Jaya dan akan ditempatkan di lokasi berkenaan. Pihak MDKS telah mengenal pasti punca suasana suram di *RnR* Ijok iaitu kurangnya pencahayaan pada waktu malam di kawasan tersebut dan hanya 2 unit gerai sahaja yang bermiaga pada waktu malam. Baki gerai hanya buka dan beroperasi pada waktu siang sahaja. Oleh yang demikian, pihak Majlis akan mengkaji semula faktor infrastruktur seperti taman permainan, pencahayaan dan papan tanda arah *RnR* berlampa pada waktu malam. Pihak MDKS akan memperbanyak lagi promosi sewaan premis kosong di dalam website MDKS dan *banner* di kawasan sekitar premis. Sekian.

TUAN SPEAKER : Jeram, tidak hadir. Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 153.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : DASAR DAN GARIS PANDUAN MENGENAI BAYARAN DIVIDEN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT KERAJAAN

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah syarikat-syarikat kerajaan telah mengikut peraturan bayaran dividen seperti yang tertakluk dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993?
- b) Jika ya, berapakah jumlah bayaran yang telah dikutip sejak tahun 2004?
- c) Jika tidak, nyatakan sebab dan penyelesaian yang akan diambil.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Kinrara, yang ingin mendapat maklum balas tentang Peraturan pembayaran dividen seperti yang tertakluk dalam Pekeliling Perbendaharaan. Untuk makluman Yang Berhormat Kinrara, saya merujuk kepada Para 5, Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 seperti berikut :

Pemakaian oleh Kerajaan Negeri. Semua Kerajaan Negeri adalah diminta untuk mematuhi Pekeliling ini selaras dengan keputusan Persidangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri Ke-69 pada 10 Jun 1993 yang telah menerima semua keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Jemaah Menteri mengenai Perusahaan Awam Bukan Kewangan.

Berdasarkan Para 5 pekeliling tersebut, Pihak Berkuasa Negeri diberikan opsyen sama ada untuk menerima pakai atau tidak menerima pakai pekeliling tersebut. Hasil semakan sehingga kini, Pihak Berkuasa Negeri memutuskan untuk tidak mengguna pakai Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, dividen adalah pengagihan sebahagian keuntungan syarikat kepada pemegang saham berdasarkan kepada peratusan saham yang dimiliki. Setiap pembayaran dividen dan bonus mestilah diisyiharkan. Walaupun Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 tidak diguna pakai oleh Kerajaan Negeri namun terdapat anak syarikat Kerajaan Negeri yang telah membayar dividen kepada Menteri Besar Selangor Pemerbadanan seperti berikut :

- i) PNSB, semenjak tahun 2004 sehingga tahun 2014 sejumlah RM14.22 juta. Ini adalah jumlah dividen yang dibayar.
- ii) Bagi Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. mulai tahun 2009 sehingga 2013 sejumlah RM44.5 juta.
- iii) Manakala bagi MSNS Holdings Sdn. Bhd. sebanyak RM83,000.

Bagi maklumat tambahan kepada Yang Berhormat Kinrara, badan berkanun biasanya tidak membuat bayaran dalam bentuk dividen kepada kerajaan kerana penubuhan badan berkanun bukan dalam bentuk pegangan saham. Namun, selain daripada pembayaran dividen, anak syarikat dan badan berkanun turut memberi

sumbangan kepada program-program rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Sukacita saya memberikan contoh sebahagian sumbangan anak syarikat dan badan berkanun dalam program-program anjuran Kerajaan Negeri bagi tahun 2015 iaitu MBI telah menyumbang sebanyak RM85.17 juta bagi tahun 2015, PKNS bagi tahun 2015 telah menyumbang sebanyak RM9.16 juta, PNSB menyumbang RM8.31 juta, KSSB menyumbang RM7.74 juta, PKPS menyumbang sebanyak RM1.83 juta dan KDEB RM500,000.00. Saya mempunyai perincian bagi setiap sumbangan tersebut sekiranya Yang Berhormat Kinrara perlukan perincian tersebut saya akan sampaikan secara bertulis. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Saya nak tanya, apakah sebab-sebab yang Kerajaan Negeri membuat keputusan tidak menerima dividen tetapi menggunakan apa yang kita gunakan sekarang?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Untuk makluman Yang Berhormat Damansara Utama, seperti yang saya nyatakan tadi dalam pekeliling tersebut selaras dengan keputusan Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri pada 10 Jun 1993, kerajaan-kerajaan Negeri diberikan opsyen sama ada untuk menerima pakai atau tidak. Di pihak Kerajaan Negeri, kita melihat sebahagian daripada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri ini tidak mempunyai keupayaan untuk membayar dividen kepada Kerajaan Negeri dan kita melihat perkara ini telah berlarutan sekian lama justeru itu, baru-baru ini seperti yang telah kita bincangkan berulang kali, ada cadangan untuk kita *consolidate* dan *rasionalized* anak-anak syarikat ini supaya kita dapat *create a value* dan potensi syarikat-syarikat berkenaan untuk membayar dividen kepada Kerajaan Negeri. Apa yang berlaku selama hari ini ialah Kerajaan Negeri yang terpaksa menanggung beban kewangan sebahagian daripada anak-anak syarikat tersebut maka ini adalah dasar yang telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri dan kita berharap dengan skim ataupun pendekatan yang baru ini kita dapat melihat potensi anak-anak syarikat itu untuk menyumbang kepada Kerajaan Negeri.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Terima kasih Tuan Speaker. Saya daripada jawapan yang Y.A.B. Dato' Menteri Besar bahawa kerajaan tidak menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil.11/1993 itu, jadi buat masa kini sama ada Kerajaan Negeri Selangor sendiri ada menetapkan satu dasar atau garis panduan yang jelas berkenaan dengan bayaran dividen oleh anak-anak syarikat-syarikat kerajaan? Terima kasih.

Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Y.B. Teratai. Seperti yang saya tegaskan tadi saya telah melihat kegagalan sebahagian besar daripada anak-anak syarikat ini untuk menyumbang kepada Kerajaan Negeri, kita melihat pendekatan yang terbaik ialah untuk *consolidate* dan *rationalized* kan asset-asset yang ada pada anak-anak syarikat yang berkenaan dan sudah tentulah garis panduan yang akan ditetapkan itu satu garis panduan yang ketat dan *transparent* supaya perjalanan dan pengurusan asset-asset yang berkenaan dapat diuruskan dengan lebih bertanggungjawab kerana ini adalah aset yang dimiliki oleh rakyat Negeri Selangor dan perlu diuruskan dengan baik.

TUAN SPEAKER : Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Soalan 154.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : PREMIS PERNIAGAAN TANPA KEBENARAN DI SEPANJANG JALAN-JALAN DI SELANGOR

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah faedah yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri. Jika tiada, apakah tindakan yang diambil.
- b) Nyatakan jumlah premis-premis tersebut mengikut PBT.
- c) Berapakah anggaran kerugian yang ditanggung oleh kerajaan dalam mengendalikan penyelenggaraan, contoh kutipan sampah.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, terima kasih kepada Lembah Jaya. Tiada faedah secara langsung yang diterima oleh Kerajaan Negeri apabila wujud premis perniagaan tanpa kebenaran di sepanjang jalan-jalan. Malah premis perniagaan tanpa kebenaran yang berada di sepanjang jalan ini boleh mendatangkan isu kesesakan trafik, keselamatan pengguna jalan dan masalah kebersihan. Sehubungan itu, PBT boleh mengenakan lesen premis perniagaan bagi tujuan pemutihan ataupun mengambil tindakan penguatkuasaan. Tiada satu angka yang tepat ya, tentang jumlah premis perniagaan tanpa kebenaran di seluruh Negeri Selangor tetapi anggaran kasar, anggaran kasar lebih kurang 2,000 hingga 3,000 ya premis, unit premis ataupun gerai-gerai di tepi jalan di negeri ini. Sekian.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, soalan 155.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : KEBAJIKAN WANITA

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Kedapatan peningkatan kes perceraian di Selangor, nyatakan kes bagi tahun 2013 – 2015 (Mahkamah Syariah dan Civil)?
- b) Berapakah kes tertunggak? Kenapakah ia tidak dapat ditangani?
- c) Apakah bantuan yang diberikan kepada wanita yang sedang dalam proses perceraian dan memastikan kes mereka diwakili?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Batu Tiga bertanyakan berkaitan kebajikan wanita. Yang berkaitan dengan kes perceraian di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri memandang serius dengan isu dan permasalah institusi kekeluargaan khususnya bagi rakyat di Negeri Selangor. Kes perceraian melibatkan dua institusi keluarga, penganut agama Islam dan bukan beragama Islam. Kes perceraian di kalangan orang Islam ataupun mahkamah syariah pada tahun 2013 hingga 2015 di Negeri Selangor adalah seperti di bawah. Dan saya sebutkan di sini beberapa jenis kes pembubaran perkahwinan yang didaftarkan. Satu, tuntutan fasakh, tuntutan pengesahan lafaz cerai, tuntutan perceraian, tuntutan khuluk atau tebus talak, tuntutan pengesahan cerai taklik, tuntutan sabitan nusyuz. Bagi tahun 2013, jumlah keseluruhan 10,303. Bagi 2014, jumlah keseluruhan 11,254. Setakat 17 Oktober 2015, jumlah keseluruhan 9,587.

Manakala kes perceraian di kalangan penganut bukan Islam yang berdaftar di Mahkamah Tinggi Shah Alam pada tahun 2013 hingga tahun 2015 adalah seperti berikut. Bagi tahun 2013, sejumlah 1,705, 2014 (1,642), 2015 sehingga kini 1,498. Bagi kes tertunggak yang direkodkan di mahkamah syariah Negeri Selangor setakat 17 Oktober 2015 adalah sebanyak 6,467 kes. Baki tersebut adalah baki kes semasa dan kes terdahulu. Antara punca peningkatan kes-kes tertunggak tersebut adalah disebabkan oleh masalah kekurangan hakim, pegawai penyelidik, pegawai, pendaftar dan pegawai-pegawai sokongan lain yang bertanggungjawab untuk membicarakan dan menguruskan kes-kes tersebut. Dalam hal ini pengendalian kes-kes mahkamah syariah yang tidak terhad kepada perbicaraan kes sahaja. Sebaliknya pengendalian kes, sesuatu kes secara umumnya akan melibatkan enam proses utama iaitu pendaftaran kes, penjadualan kes, sebutan, pengendalian majlis suh, perbicaraan dan keputusan. Kesemua proses ini adalah proses yang telah

ditetapkan oleh undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Negeri Selangor. Oleh yang demikian, proses-proses ini perlu dipatuhi oleh mahkamah dan tidak boleh diketepikan demi mengelakkan berlakunya ketidakadilan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan kes-kes tersebut. Seterusnya, masalah tunggakan kes ini juga berpunca daripada pelanggan dan juga peguam itu sendiri yang sering menangguhkan kes pada tarikh sebutan yang telah ditetapkan oleh mahkamah yang pada awalnya telah dipersejui sendiri oleh pihak-pihak yang terlibat. Tangguhan ini akan menyebabkan kes terpaksa diselesaikan dalam jangka masa yang lebih panjang akibat ketidakakuratan pihak-pihak dalam menghadiri prosiding yang telah ditetapkan.

Manakala punca kes tertunggak yang direkodkan di Mahkamah Tinggi Shah Alam bagi perceraian di kalangan pengikut bukan agama Islam mengikut tahun adalah seperti berikut. Kod 33, 33, 2013 (1), 2014 (20), 2015 (311) menjadikan jumlahnya 332. Setakat 30 September 2015, masih terdapat 332 kes perceraian yang masih tertunggak yang mana 311 daripadanya merupakan kes yang baharu didaftarkan bagi tahun 2015. Bagi satu kes yang didaftarkan bagi tahun 2013 dan 20 kes bagi tahun 2014 masih tertunggak adalah disebabkan kes-kes berkenaan merupakan kes yang dipertikaikan ataupun *contested* di mana terdapat pihak yang menentang permohonan perceraian tersebut. Oleh yang demikian, terdapat pelbagai isu yang rumit yang perlu dibicarakan. Bagi kes-kes perceraian pelanggan boleh mendapatkan maklumat nasihat dan pengendalian kes di Jabatan Guaman, Bantuan Guaman atau Pusat Bantuan Guaman, Majlis Peguam Malaysia dan Unit Guaman Syarie di Bahagian Undang-Undang Keluarga, Majlis Agama Islam Selangor. Bagi kes nafkah yang telah memperoleh perintah mahkamah daripada mana-mana pula, pelanggan boleh mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan perundangan bagi melaksanakan perintah di Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih kepada EXCO yang memberi jawapan tetapi kalau kita lihat angka-angka yang EXCO bagi, kita lihat besar betul apa ni, perbandingan antara kes-kes perceraian ataupun isu-isu yang berbangkit dengan isu kekeluargaan ini di mahkamah sivil dan syariah. Di sivil kita lihat ada 332 saja baki yang tertunggak tetapi di mahkamah syariah ada lebih kurang 6,462 kes yang tertunggak termasuk kes yang sedia ada iaitu 967. Jadi, bila saya cuba olahkan angka itu lebih kurang enam tahun lebih ya purata satu-satu kes itu dapat diselesaikan. Jadi, bila EXCO menjawab itu saya nampak apa yang disebut kekangan adalah di sudut kekurangan hakim, pegawai penyelidik dan lain-lain. Tetapi ada satu program yang baik sebenarnya badan di bawah badan sokongan keluarga telah pun meletakkan, meletakkan....

TUAN SPEAKER : Soalannya Batu Tiga?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Dia kena bagi latar belakang sikit ya.

TUAN SPEAKER : Soalan? Soalan?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Jadi, soalan saya tentang badan sokongan keluarga ini, kalau dibandingkan negeri-negeri lain sepatutnya pegawai yang dilantik di badan sokongan keluarga ini diberi tauliah oleh sebagai tauliah Peguam Syarie di mana ianya boleh diwakili ataupun boleh mewakili *client*. Tapi sekarang ini, hanya Selangor dan Wilayah Persekutuan saja tidak memberi tauliah. Jadi, kes-kes tertunggak ni terlalu banyak. Ya, terlalu banyak. Jadi, saya harap saya nak tanya pada EXCO sebenarnya apakah alasan yang tauliah ini tidak dapat diberikan kepada wakil ataupun tidak dapat diberikan kepada Peguam Syarie yang mewakili apa ni, pegawai-pegawai ini sehingga ianya tidak dapat menyelesaikan kes-kes tertunggak yang ada? Itu soalan saya. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Batu Tiga. Terima kasih atas makluman yang dimaklumkan tadi. Saya secara peribadinya pada masa ni saya tidak ada jawapan yang khusus, *Insya-Allah* saya akan dapatkan jawapan ini dan saya maklumkan kepada Batu Tiga kemudian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya pada Y.B. EXCO, 6,467 ini adalah tunggakan kes. Apakah kerajaan bersedia mengulang kaji prosedur ataupun undang-undang bertulis kerana apakah dia dianggap membebankan rakyat?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Sebenarnya jumlah kes adalah terlalu besar dan kita dapat menyelesaikan sebahagian besar daripada kes-kes yang tertunggak dengan adanya penambahan 60 jawatan kontrak dan bermulanya mahkamah rendah syariah di Ampang. Untuk soalan daripada Paya Jaras, saya akan lihat perkara yang sebenarnya dan saya akan berikan jawapan kemudian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Mengikut jawapan daripada Y.B. EXCO tadi, salah satu masalah tunggakan ni adalah kekurangan hakim. Ada berapa lagi cadangan untuk dilantik hakim yang baru dan adakah hakim wanita termasuk dalam cadangan tersebut?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Taman Medan. Buat masa ini dengan pertambahan 60 pegawai-pegawai yang juga melibatkan hakim-hakim yang telah kita mulakan pada 2014, dia memberikan impak yang baik dapat menyelesaikan kes yang saya boleh katakan ramai walaupun kalau kita lihat kes ini akan bertambah dengan semakin ramai juga dengan pembangunan yang pesat dan pelbagai permasalahan sosial pada hari ini. Dan, setakat ini kita merasa dan adanya infrastruktur yang kita ada mencukupi untuk kita jalankan semua kes-kes yang menjadi tanggungjawab mahkamah syariah pada hari ini dan *Insya-Allah* baru-baru ni pun kita dapat meneruskan jumlah bilangan 60 pegawai itu termasuk hakim-hakim untuk kita teruskan perkhidmatan mereka untuk tahun hadapan. Jadi, saya kira kita akan lihat bagaimana pencapaian setakat ini kalau ada keperluannya mungkin kita akan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk penambahan jumlah-jumlah hakim dan set kepada pegawai-pegawai yang perlu sebab dia bukan datang sekadar hakim tetapi kesemua penjawat-penjawat yang perlu ada, khidmat sokongan yang perlu ada untuk melengkapkan dalam proses pengurusan di peringkat mahkamah. Dan setakat ini tidak ada hakim wanita yang dilaporkan dalam institusi kehakiman syariah itu sendiri. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Saya masih tak berpuas hati dengan....

TUAN SPEAKER : Ijok, Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker. Ini kita tumpukan pada wanita. Ada tak saya nak tanya Kerajaan Negeri Selangor ada skim untuk kebajikan lelaki? Sebab bapa tunggal pun ada masalah dalam negeri ni.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya ingat ia tak berkaitan Tuan Speaker. Saya rasa saya tak perlu jawab.

TUAN SPEAKER : Bukit Melawati tidak hadir. Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Tuan Speaker, soalan 157.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : DASAR BARU LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (TOL)

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Kenapakah rakyat masih tidak boleh memohon TOL di Pejabat Tanah Petaling untuk lima tujuan yang dibenarkan seperti yang diumumkan oleh Dato' Menteri Besar pada 7 April 2014 di Dewan Negeri Selangor?
- b) Apakah sebab percanggahan antara pengumuman dasar baru dan pelaksanaannya?

Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Y.B. Damansara Utama. Untuk makluman Y.B. Tuan Speaker, saya kira saya telah menjawab soalan ini dalam sesi beberapa hari yang lalu. Namun, untuk makluman Y.B. Damansara Utama seperti yang telah saya nyatakan sebarang pengumuman ataupun kelulusan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi sebarang dasar perlu disusuli dengan arahan ataupun pekeliling yang jelas mengenai garis panduan oleh pihak berkaitan supaya proses permohonan, prosedur dan syarat-syarat kelulusan yang ditetapkan dapat diselaraskan dengan baik dan sama di kesemua sembilan daerah di Negeri Selangor. Namun, apa yang berlaku sebelum ini ialah ada percanggahan pendapat di antara Pejabat Tanah dan Daerah dengan pihak PBT tentang keseragaman garis panduan yang perlu ditetapkan. Maka, beberapa siri perbincangan telah diadakan untuk maksud menerima pakai satu garis panduan yang lebih jelas dan seragam dan pihak yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan arahan dan pekeliling yang dimaksudkan ini adalah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor. Maka, untuk makluman Yang Berhormat pekeliling berkenaan Garis Panduan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) ini di atas tanah reserve Kerajaan Negeri Selangor bagi tujuan lima aktiviti yang telah dipersetujui telah pun dikeluarkan oleh PTGS melalui Pekeliling PTGS Bil.4/2015 pada 23 September 2015. Namun, saya mengambil serius harapan Y.B. Damansara Utama supaya perkara-perkara ini perlu disegerakan sebaik saja kerajaan mengambil keputusan untuk melaksanakan sebarang dasar-dasar yang baru. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sabak tidak hadir. Rawang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, saya nak ambil 24-2.

TUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya 159.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan jumlah sisa pepejal yang dikutip bagi tahun 2005-2015 mengikut pecahan PBT.
- b) Apakah strategi Kerajaan Negeri Selangor bagi mengurangkan pembuangan sisa pepejal dan meningkatkan keefisienan pengurusan sisa pepejal di Selangor?
- c) Apakah strategi dan status Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Rawang. Senarai jumlah sisa pepejal yang dikutip bagi tahun 2005-2015 iaitu sepanjang 10 tahun mengikut pecahan PBT saya akan serahkan maklumat ini kepada Rawang dengan secara lisan. Strategi untuk mengurangkan sisa pepejal di Negeri Selangor adalah satu melaksanakan kajian pengasingan semula isi rumah melalui projek perintis kitar semula bermula pada 28 September tahun ini hingga 31 Disember tahun ini di empat PBT berstatus bandar raya, perbandaran dan daerah bagi melihat *trend* masyarakat dalam pengasingan semula isi rumah secara *real time* dan mencadangkan pengurusan kitar semula di samping melihat kemampuan PBT. Dua, menggalakkan PBT melaksanakan program pengasingan semula isi rumah dan kempen kitar semula kepada penduduk di lokasi-lokasi yang terpilih contohnya yang telah dilaksanakan oleh MBSA dan juga MDKL. Tiga, menyalurkan maklumat aktiviti kitar semula melalui media seperti akbar tempatan, laman web PBT dan sebagainya. Kerajaan Negeri melalui pihak Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Undang-Undang PBT dan Pegawai Teknikal PBT telah mengadakan sesi untuk mendrafkan dan juga semakan terhadapan Enakmen Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor supaya Enakmen tersebut tidak bercanggah dan bertindih dengan akta yang digunakan masa ini iaitu Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 iaitu Akta 672. Status terkini tentang Enakmen ini adalah Kerajaan Negeri telah menerima maklum balas yang terkini daripada Kamar Peguam Negara pada 5 Oktober 2015 dan maklum balas adalah saya bacakan ;

“Bahawa Kamar ini masih menunggu pandangan kedua daripada Jabatan Peguam Negara berkenaan kebolehpelaksanaan Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor. Kamar ini telah menyemak status pandangan berkenaan dan telah dimaklumkan bahawa pandangan tersebut sedang dimuktamadkan dan akan diangkat kepada Timbalan Peguam Cara Negara Tiga untuk kelulusan dalam sedikit masa”.

Itu bermakna masih tidak ada keputusan daripada Kamar Peguam Negara dan kita masih tidak tahu apakah pendirian daripada Kamar tersebut. Sekian.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Soalan tambahan.

Y.B. TUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Sementara menunggu Enakmen ini untuk mendapat ulasan dan diluluskan dalam dewan jadi apakah pendekatan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mengatasi isu pengurusan sisa pepejal di Selangor ini?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih Rawang. Kita akan memberi sedikit masa kepada Kamar Peguam Negara sehingga hujung tahun ini. Kalau sampai hujung tahun ini masih tidak ada maklum balas kita akan mempertimbangkan untuk menjadikan Enakmen ini sebagai salah satu undang-undang kecil di peringkat PBT.

TUAN SPEAKER : Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Minta maaf ya, soalan 106 telah dijawab bersekali dengan 142. Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Terima kasih Tuan Speaker, soalan 161.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA AIR SELANGOR

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah bajet yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk projek penstrukturran air semula?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan terus memberi air percuma lagi dalam tempoh 5 tahun?

TUAN SPEAKER : Pihak Kerajaan? 161.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Minta maaf Tuan Speaker. Yang Berhormat Teratai ingin mendapatkan penjelasan tentang projek penstrukturran semula air di Negeri Selangor dan apakah Kerajaan akan terus memberikan air percuma seperti yang telah dilaksanakan seperti sebelum ini. Untuk makluman Yang Berhormat Teratai Kerajaan Negeri tidak menyediakan sebarang bajet bagi melaksanakan penstrukturran semula. Dalam membayai kos pengambilalihan 100% kepentingan ekuiti di dalam syarikat-syarikat pemegang konsesi air iaitu SYABAS, Puncak Niaga,

ABBAS dan juga SPLASH, ianya ditanggung oleh Air Selangor dengan memindahkan aset-aset air dan tanah yang bernilai sehingga 2 bilion ringgit kepada PAP dan proses ini telah pun disempurnakan untuk SYABAS, Puncak Niaga dan ABBAS dan seperti yang telah saya jelaskan secara terperinci baru-baru ini SPLASH diberi tempoh selama setahun sehingga September 2016 bagi memuktamadkan perjanjian di antara Kerajaan Negeri dengan pihak-pihak yang berkenaan. Berhubung dengan pandangan ataupun pertanyaan Yang Berhormat Teratai sama ada Program Air Percuma ini akan diteruskan, seperti kita sedia maklum yang telah pun diumumkan dalam Belanjawan 2016 Program Air Percuma akan diteruskan dan untuk tahun 2016 telah pun dibajetkan sejumlah RM170 juta bagi maksud yang berkenaan kerana kita merasakan program ini telah memberikan manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya namun ianya sedang dipertingkatkan keberkesanannya seupaya seluruh rakyat di Negeri Selangor khususnya yang berpendapatan rendah dan sederhana dapat memanfaatkan daripada program ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Ya Tuan Speaker, saya ingat tanya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar berkenaan dengan perancangan Kerajaan Negeri sama ada Kerajaan Negeri akan mengarahkan syarikat-syarikat yang berkenaan supaya menetapkan satu jadual untuk menggantikan *part-part* secara berkala memandangkan masalah-masalah paip air bocor selalunya berlaku di kawasan-kawasan kita dan soalan saya adalah berkenaan Program Air Percuma yang dilaksanakan oleh Kerajaan Selangor sama ada dilaksanakan dalam tempoh masa 5 tahun dan bukan sahaja tahun 2016, terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Perancangan ya.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Teratai. Yang pertama tidak ada keperluan untuk Kerajaan Negeri untuk memberi arahan kepada syarikat-syarikat SYABAS dan Puncak Niaga kerana kedua-dua syarikat ini telah menjadi hak milik Kerajaan sepenuhnya pada hari ini dan dikendalikan oleh Air Selangor. Seperti yang telah saya nyatakan pada beberapa hari yang lalu ketika taklimat pengurusan baru diberikan kepada saya dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mereka telah pun mempunyai *business* pelan dan strategi yang cukup jelas untuk menguruskan industri air ini dengan cukup berkesan, efektif dan juga secara holistik bagi menjamin satu industri yang dapat memberikan manfaat kepada pengguna-pengguna di Negeri Selangor dan di antara langkah-langkah yang sedang diteliti ialah untuk mengurangkan NRW dan dalam usaha ini salah satu

inisiatif yang sedang diteliti ialah keperluan untuk mengganti paip-paip lama supaya masalah *burst* ataupun bocor ini dapat dielakkan dan saya juga telah tegaskan dalam dewan ini oleh kerana kita baru masuk Air Selangor lebih kurang sebulan maka pengurusan baru sedang meneliti sejauh mana keperluan paip-paip itu diganti untuk melihat kos yang akan terlibat bagi menggantikan paip-paip yang berkenaan dan saya juga telah jelaskan dalam penjelasan baru-baru ini. Aset-aset air yang diserahkan kepada PAP akan diuruskan oleh PAP manakala aset-aset air yang masih dalam milikan Kerajaan Negeri akan ditanggung oleh Air Selangor. Berhubung dengan Program Air Percuma saya telah umumkan bagi 2016 akan diteruskan. Bagi tahun-tahun yang berikutnya kita akan melihat kemampuan kewangan Kerajaan Negeri dan kedua kita juga telah membincangkan baru-baru ini bagaimana Program Air Percuma yang menelan kos begitu besar sejumlah RM 170 juta setahun dapat dimanfaatkan oleh kumpulan sasar yang benar-benar memerlukan air percuma tersebut dan di antara langkah awal yang kita mulakan hari ini ialah untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada pengguna-pengguna di Negeri Selangor tentang Program Konsvensi Air kerana banyak air-air yang terawat yang diberikan secara percuma ini telah tidak dimanfaatkan secara bertanggungjawab dan ini memberikan kesan dan implikasi kewangan yang cukup besar kepada Kerajaan Negeri. Jadi program ini akan tetap diteruskan dan ianya memerlukan satu usaha daripada Kerajaan Negeri dan juga pengguna untuk sama-sama menggunakan air yang diberikan ini secara bertanggungjawab. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN : Terima kasih Tuan Speaker, soalan 162.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA AIR SELANGOR

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah penempatan setinggan yang direkodkan di Selangor dan jumlah kawasan penempatan setinggan yang telah diselesaikan sejak 2010-2015?
- b) Berapakah jumlah kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan sehingga 2015?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih kepada Tanjung Sepat. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, selamat pagi. *Bismillahi*

rahmani rahim. Pada tahun 2008 sebanyak 88 penempatan peneroka bandar iaitu dengan 3,289 keluarga yang telah dilaporkan wujud di Negeri Selangor. Sejak itu Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa inisiatif di antaranya ialah berusaha untuk memberi milikan tanah kepada mereka iaitu kalau melibatkan tanah kerajaan. Yang kedua iaitu menawarkan tapak-tapak baru, yang ketiga menawarkan rumah-rumah alternatif atau gantian sama ada rumah kos rendah ataupun rumah Selangorku. Di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat bahawa peneroka bandar atau setinggan ini tidak dinamakan sebagai peneroka bandar sebagai setinggan tetapi telah dinamakan dijenamakan semula sebagai peneroka bandar kerana ianya adalah pengiktirafan usaha mereka berhijrah ke bandar-bandar untuk sama-sama membangunkan Negeri Selangor yang telah diselesaikan sejak 2010 adalah 9 kes penempatan iaitu dengan 747 keluarga maaf 10 penempatan iaitu dengan 776 keluarga yang telah dapat diselesaikan sejak 2010. Oleh kerana itu buat masa ini yang masih tinggal adalah sebanyak 2,413 keluarga yang masih lagi berada di tapak yang melibatkan 78 keluarga. Berkaitan dengan kos yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah setinggan atau masalah peneroka bandar ini saya tidak mempunyai maklumat yang terperinci oleh kerana kebanyakan daripada kos-kos ini ditanggung oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan kos-kos sejak 2010 adalah kos-kos bincian atau pemilihan dan juga dalam usaha untuk menawarkan peneroka-peneroka ini rumah-rumah kos rendah atau rumah-rumah Selangorku ini adalah inisiatif pemaju-pemaju di antaranya seperti mana baru-baru ini yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu di Kampung Seri Temenggung di mana 29 peneroka bandar telah menerima satu pakej untuk membeli rumah Selangorku dengan harga yang istimewa, ada 29 di situ mereka ditawarkan untuk membeli rumah Selangorku yang harga di pasarannya atau harga yang dijual kepada bukan peneroka bandar adalah sebanyak RM180,000.00 tetapi ianya dijual kepada peneroka bandar dengan harga RM65,000.00 sahaja. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Adakah 2,000 lebih peneroka bandar yang belum dipindahkan itu termasuk mereka yang terlibat dalam pemindahan setinggan yang tinggal di PPR sekarang ini.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Di PPR yang tinggal di PPR yang masih menunggu lagi akan rumah mereka, contohnya di PJS 1 di mana kita buat keputusan bahawa sehingga rumah ataupun pangsapuri di PJS itu siap mereka boleh tinggal di sana secara percuma. Yang ini adalah keputusan kita.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Tapi sebenarnya bilangannya bukan itu sahaja, adas yang tidak terlibat dalam yang flat yang di PJS 1 sebenarnya.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Dia menurut kajian atau apabila saya turun kepada PPR di Lembah Subang ada di antara mereka yang kita tanya bahawa adakah mereka pernah yang ini yang berbeza daripada di PJS 1. Ada yang kita tanya bahawa mereka pindah di situ tapi telah dijanjikan bahawa mereka akan diberikan rumah tetapi masalah nya tidak ada perjanjian yang bertulis yang dibuat oleh mana-mana pihak maknanya zaman semasa pentadbiran yang lepas mereka dipindahkan kepada PPR tetapi tidak ada spesifik secara khusus dimanakah rumah-rumah mereka yang akan duduklah dan apa yang telah dilakukan oleh pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor yang apa saya telah arahkan kepada mereka untuk sesiapa yang mahukan rumah kos rendah di situ supaya mendaftar bersama dengan pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Speaker, soalan 163.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PUSAT JAGAAN WARGA EMAS

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah pusat-pusat Jagaan Warga Emas yang beroperasi seluruh Selangor berdaftar dan memenuhi piawaian yang ditetapkan?
- b) Senaraikan bilangan pusat yang sedia ada mengikut daerah.
- c) Nyatakan pelan jangka panjang Negeri Selangor berkaitan pembangunan pusat jagaan bagi warga emas di Selangor.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : a) Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam memastikan pengoperasian pusat-pusat jagaan khususnya Pusat Jagaan Warga Emas adalah mematuhi garis panduan seperti mana yang ditetapkan di dalam Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994 [P.U.(A) 248/1994].

Untuk makluman, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, berdasarkan kepada rekod pendaftaran pusat jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, sehingga September 2015 terdapat sebanyak 64 buah pusat jagaan kategori warga emas yang telah berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 daripada sejumlah 463 pusat jagaan yang berdaftar. Semua pusat jagaan yang telah berdaftar ini telah

disyaratkan untuk memenuhi piawaian dan ‘*standard*’ minimum yang ditetapkan oleh JKM serta mendapat sokongan dan kelulusan daripada agensi teknikal iaitu Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Kesihatan sebelum perakuan pendaftaran dikeluarkan kepada mereka.

Dalam memastikan pengendali-pengendali pusat jagaan ini sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan, pihak JKM menerusi Pegawai Diberi Kuasa Pusat Jagaan (PDBK) Daerah dengan dibantu oleh agensi teknikal akan melakukan pemeriksaan berkala ke premis sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun. Tindakan penguatkuasaan seperti kompaun, arahan bertulis, arahan tutup, pendakwaan serta pembatalan pendaftaran akan dikenakan kepada pengendali pusat jagaan yang didapati melanggar peraturan yang ditetapkan seperti mana yang termaktub di dalam Akta Pusat Jagaan 1993.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada pemerhatian dan pemantauan yang dijalankan mendapati masih terdapat pusat-pusat jagaan termasuk Pusat Jagaan Warga Emas yang belum berdaftar dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sehingga September 2015, dianggarkan sebanyak 152 buah pusat jagaan di Negeri Selangor masih belum berdaftar atas pelbagai sebab. Antara sebab-sebab utama yang dikenal pasti adalah kerana tidak mendapat sokongan kelulusan daripada agensi teknikal disebabkan oleh status tanah atau bangunan, mendapat bantahan daripada jiran-jiran bagi pusat jagaan yang dibuka di kawasan kediaman dan tidak memenuhi kriteria untuk didaftarkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993.

Dalam menangani isu kewujudan pusat-pusat jagaan tidak berdaftar ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi memastikan pengendali-pengendali pusat jagaan mendaftarkan premis mereka. Antara usaha yang dibuat adalah melaksanakan program pemutihan pusat-pusat jagaan tidak berdaftar yang dilaksanakan di daerah-daerah yang telah dikenal pasti mempunyai bilangan pusat jagaan tidak berdaftar yang tinggi. Hasil daripada program pemutihan ini, bilangan pusat jagaan tidak berdaftar telah berjaya diturunkan sebanyak 53% iaitu daripada 323 buah pusat jagaan tidak berdaftar pada Januari 2015 kepada 152 buah pusat jagaan yang tidak berdaftar sehingga September 2015. Menerusi program pemutihan ini, semua pengendali pusat jagaan yang tidak berdaftar telah dipanggil dan diberikan penerangan berkenaan keperluan untuk mendaftarkan premis mereka.

- a) Senarai pusat jagaan berdaftar dan tidak berdaftar secara keseluruhan. Bagi daerah Petaling, pusat jagaan adalah..... minta maaf. Terdapat dua (2) kategori pusat jagaan yang perlu didaftarkan di bawah Akta 506 iaitu kategori berkediaman dan harian. Bilangan Pusat Jagaan Warga Emas yang telah berdaftar mengikut kategori dan daerah adalah seperti berikut :-

BIL.	DAERAH	HARIAN	BERKEDIAMAN	JUMLAH
1.	Petaling	4	29	33
2.	Hulu Langat	1	21	22
3.	Klang	0	3	3
4.	Gombak	0	3	3
5.	Kuala Selangor	0	1	1
6.	Hulu Selangor	0	1	1
7.	Sepang	0	1	1
8.	Kuala Langat	0	0	0
9.	Sabak Bernam	0	0	0
JUMLAH		5	59	64

TUAN SPEAKER : Sementa, tolong ringkaskan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : b) Menyedari akan keperluan yang meningkat terhadap sektor perkhidmatan penjagaan warga emas di Negeri Selangor, Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Kesihatan, Wanita dan Pembangunan Keluarga menerusi Unit Sektoral, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah merangka beberapa pelan yang bersesuaian bagi menangani keperluan tersebut. Perancangan yang dibuat adalah dengan mengambil kira peningkatan permintaan orang ramai terhadap sektor perkhidmatan ini serta peningkatan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan agar kebajikan warga emas sentiasa terjamin.

Antara perancangan jangka panjang yang dibuat adalah seperti berikut :-

- i. Menjalankan kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi mewujudkan sistem STAR Rating Pusat Jagaan Negeri Selangor. Menerusi pewujudan sistem ini, semua pusat jagaan yang berdaftar di Negeri Selangor akan diberikan bintang berdasarkan penilaian yang akan dibuat oleh Jawatankuasa Panel Penilaian terdiri daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan dan agensi-agensi lain yang berkaitan.
- ii. Seterusnya, memperkemaskan struktur pelaksanaan pendaftaran pusat jagaan menerusi Mesyuarat “One Stop Centre” Pusat Jagaan dengan penglibatan agensi-agensi teknikal di peringkat negeri dan daerah.
- iii. Mengenal pasti rakan kongsi strategik terdiri daripada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, Lembaga Zakat Selangor dan pertubuhan sukarela kebajikan peringkat Negeri Selangor yang boleh membantu menyediakan perkhidmatan penjagaan yang berkualiti kepada warga emas.

- iv. Melaksanakan kursus-kursus berkaitan penjagaan warga emas kepada pengendali dan pekerja pusat jagaan warga emas.

Terima kasih.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Adakah Kerajaan bersedia untuk membina *Retirement Home* khas untuk warga emas khususnya bagi mereka yang tidak berkeluarga. *Retirement Home?* Membina *Retirement Home* khas untuk warga emas khususnya bagi mereka yang tidak berkeluarga.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih, Kota Anggerik. Cadangan Kota Anggerik, adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk membina *Retirement Home* kepada warga emas.

Buat masa sekarang, Kerajaan Negeri belum lagi bercadang untuk membina pusat tersebut. Tetapi memandangkan cadangan Kota Anggerik tadi adalah kepada warga emas yang tidak berkeluarga, jadi mungkin ada kaedah-kaedah lain yang boleh kita laksanakan selain daripada membina atau pun mewujudkan *Retirement Home* ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Merujukkan kepada jawapan EXCO tadi, saya nak tanya sudah wujud ke? Tadi dah jawab mewujudkan Skim Insentif menerusi pemberian geran kepada individu atau pertubuhan. Sudah wujud ke skim ini dan berapakah geran yang diberi untuk individu atau pertubuhan yang buat apa ini?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih, Selat Klang. Sebab itulah, saya tidak menjawab atau pun saya tidak membacakan tentang nombor 4 iaitu mewujudkan Skim Insentif ini kerana ia belum lagi diwujudkan dan belum pasti lagi untuk dilaksanakan. Jadi ia tidak ada dalam jawapan saya tadi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Tuan Speaker, soalan 164.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : SUKAN RENANG

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan prasarana sukan renang di Selangor mengikut daerah?
- b) Apakah usaha bagi meningkatkan prasarana sukan renang di Selangor?
- c) Apakah perancangan bagi memastikan sukan renang diminati hingga ke akar umbi?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : a) Daerah-daerah yang mempunyai prasarana sukan renang di Selangor adalah daerah Petaling, di dua (2) PBT iaitu di Majlis Bandaraya Shah Alam yang dipanggil sebagai Pusat Akuatik Shah Alam dan satu (1) lagi di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Bagi daerah Klang, di Majlis Perbandaran Klang ada satu (1) kemudahan sukan renang dan bagi daerah Gombak ada dibina berhampiran Kompleks Sukan Sri Siantan yang di bawah kelolaan Majlis Perbandaran Selayang. Ini tidak termasuk beberapa prasarana kolam renang swasta yang ada jumlahnya di Negeri Selangor terutamanya di daerah-daerah yang disebutkan tadi.

- a) Kita sentiasa komited untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan ini. Kali terakhir, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah kewangan ialah sejumlah RM100,000.00 pada tahun 2012 untuk membaiki papan anjal di Pusat Akuatik Shah Alam. Kita ada satu (1) lagi papan anjal yang kita ingin perbaiki iaitu pada anggaran sekitar RM40,000.00 yang *Insya-Allah* akan dilaksanakan pada tahun ini atau pada awal tahun depan. Kita baru sahaja menerima laporan minggu lalu daripada pihak Persatuan Renang Amatur Selangor yang mengendalikan Pusat Latihan di Pusat Akuatik Shah Alam, ada beberapa isu seperti kerosakan *trampoline*, tempat *training visual* untuk atlet-atlet lompatan yang sedang kita uruskan di masa hadapan.
- b) Majlis Sukan Negeri Selangor melalui Persatuan Renang Amatur Selangor sentiasa merancang program dan aktiviti tahunan bukan sahaja untuk pasukan negeri malah pasukan di peringkat kelab-kelab di seluruh Negeri Selangor. Terdapat banyak kelab-kelab yang ditubuhkan untuk merancakkan lagi pembangunan sukan renang di peringkat akar umbi. Antara program dan aktiviti yang dijalankan secara tahunan adalah seperti penganjuran kejohanan, penyertaan ke kejohanan-kejohanan lain, program latihan dan sebagainya. *Insya-Allah* pada Disember nanti di Pusat Akuatik Shah Alam akan berlangsung *Malaysian International Master Swimming*

Competition. *Insya-Allah* kita hantar wakil juga iaitu dari Bukit Lanjan untuk menyertai acara tersebut.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Kalau melihat kepada jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat EXCO itu sepertinya dua (2) daerah di Kuala Selangor dan juga Sabak Bernam tidak ada kemudahan sukan untuk akuatik ini. Adakah perancangan daripada pihak Kerajaan Negeri sebab di daerah Sabak Bernam yang kami ada ini cuma parit dengan terusan utama sahaja.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Ia berdasarkan daripada permintaanlah Yang Berhormat Sungai Panjang. *Insya-Allah* kalau boleh dipanjangkan daripada Sungai Panjang, kita akan boleh menilai. Sebagaimana yang saya maklumkan, dalam tempoh satu (1), dua (2) tahun ini, fokus kita ialah kepada proses untuk naik taraf yang sedia ada sebab ada beberapa kemudahan-kemudahan itu berada dalam keadaan yang agak uzur antaranya di Petaling Jaya. Keadaannya juga agak uzur, *Insya-Allah* kita akan perbaiki. Namun, saya percaya juga bahawa di daerah-daerah lain juga harus ada keadilan untuk pastikan perkara ini. Paling tidak kalau tidak ada yang milik Kerajaan, kita boleh mengenal pasti mana-mana milik swasta yang boleh digunakan. Saya rasa pihak Persatuan Renang Amatur Selangor (PRAS) sangat berbesar hati untuk memanfaatkan kemudahan yang sedia ada untuk pembangunan sukan di peringkat akar umbi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POH SHYONG : Dengan izin, Tuan Speaker. Soalan saya 165.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : STATUS TERKINI TENTANG MASALAH PEMINDAHAN PENGHUNI-PENGHUNI DI JALAN PAPAN DAN JALAN BUKIT KERAYONG

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status terkini tentang masalah pemindahan penghuni-penghuni di Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong selepas keputusan MMKN Bil. 15/2015 bertarikh 29 April 2015 untuk meminta Melati Ehsan Consolidated Sdn. Bhd. menerima 181 penama telah dimaklumkan kepada mereka pada 30 Jun 2015.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih kepada Pandamaran. Berkaitan dengan status terkini dengan penghuni-penghuni Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong. Terdapat satu pertelingkahan atau *dispute*, perbezaan pandangan antara pihak pemaju dan Kerajaan Negeri. Sebagaimana yang kita tahu bahawa pihak pemaju menetapkan bahawa mereka hanya menerima 117 keluarga sebagai peneroka bandar. Tetapi seperti mana yang telah kita mesyuaratkan dalam Mesyuarat MTES di mana Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa pemaju perlu menerima 181 keluarga yang boleh mendapat tawaran pembinaan rumah dua (2) tingkat dengan pembelian harga RM99,000.00.

Sekarang ini masih lagi perbincangan di antara, perlu ada perbincangan yang berterusan antara pihak Kerajaan Negeri dan juga dengan pihak pemaju. Sekiranya perkara ini masih lagi *date lock* ataupun tidak ada sebarang keputusan, maka Kerajaan Negeri perlu melihat cara-cara untuk kita memastikan pemaju dapat menerima keputusan MTES tersebut. Jadi status sekarang adalah bahawa ada rundingan, kalau rundingan itu masih lagi gagal, perlu ada satu tindakan daripada Kerajaan Negeri untuk memaksa pihak pemaju menerima akan keputusan Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Boleh saya tahu apakah, apa pilihan yang ada oleh Kerajaan Negeri untuk memaksa pihak pemaju?.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Pemaju ini juga ada perjanjian ataupun projek bersama dengan syarikat-syarikat GLC.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Tuan Speaker, Soalan saya 166.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : KILANG HARAM DI KG. DESA AMAN

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapa banyakkah kah lagi kilang haram yang masih beroperasi yang belum diputihkan?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mewujudkan zon penampang untuk aktiviti pengeluaran yang melibatkan penggunaan bahan kimia yang dekat dengan kawasan penempatan?
- c) Apakah hasil kajian yang dilakukan oleh penyelidik UIAM?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, terima kasih kepada Paya Jaras. Mengikut data yang sedia ada sebanyak 20 buah kilang tanpa kebenaran di sekitar Kg. Desa Aman. Sebahagiannya berada di zon perumahan dan sebahagiannya berada di zon industri. Pewujudan zon penampang bagi aktiviti kilang yang melibatkan bahan kimia adalah tertakluk kepada Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancang Negeri Selangor (Edisi Ke-2) yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) dan juga garis panduan oleh Jabatan Alam Sekitar. Mengikut hasil kajian dilakukan oleh penyelidik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, pihak (UIAM) telah mengesyorkan agar Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran ini ditamatkan dan tindakan penguatkuasaan perlu dilaksanakan memandangkan program ini telah pun dilaksanakan selama 9 tahun. Akan tetapi Kerajaan Negeri sedang dalam proses menyemak semula program ini supaya ia lebih berkesan untuk menangani masalah ini. Sekian, Tuan Speaker.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Saya ingin bertanya kepada Y.B. EXCO bagi kilang-kilang yang melanggar syarat sebagaimana dalam *guideline* itu, apakah hanya denda dikenakan dan tidak ada perobohan dilakukan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih kepada Paya Jaras, apakah yang dimaksudkan oleh Y.B. adalah kilang yang tidak mengikut garis panduan daripada Jabatan Perancang Bandar yang tidak...

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Yang berkait dengan *Chemical* tadi.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Oh *Chemical*. Biasanya kilang yang membuat bahan-bahan *Chemical* ataupun kimia perlu mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar ataupun Jabatan Perancang Bandar. Tapi kalau, jikalau kilang tersebut tidak mengikuti garis panduan tersebut ataupun peraturan yang ditetapkan oleh PBT, maka PBT boleh melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kilang tersebut.

TUAN SPEAKER : Kajang. Ya, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, saya menggunakan Peraturan Tetap 24 (2) untuk mengambil soalan 167, Kajang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : EKONOMI

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri dalam mengatasi isu kesenjangan pendapatan di Selangor dan langkah-langkah menuju ke arah peluang saksama (*equal opportunity*) untuk memastikan peluang pekerjaan terbuka kepada semua?

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Tuan Speaker, Isu Kesenjangan pendapatan menjadi isu yang amat penting lebih-lebih lagi apabila rakyat perlu berhadapan dengan keadaan kenaikan kos sara hidup. Kesenjangan pendapatan dilihat sebagai salah satu tanda ketidakadilan sosial di sebuah negara. Kesedaran terhadap masalah kesenjangan ini mendapat lonjakan setelah terbitnya buku Thomas Piketty "Capital In The 21st Century" yang berpengaruh. Thomas Piketty menegaskan sekiranya kesenjangan ini tidak ditangani, ia boleh menggugat demokrasi. Justeru, persoalan kesenjangan pendapatan adalah masalah ekonomi, masalah sosial dan masalah politik. Bahkan adalah ditegaskan bahawa kesenjangan pendapatan akan turut menyumbang kepada masalah moral. Kerajaan berpandangan sekiranya tidak di atasi segera, perkara ini akan membawa kepada masalah ekonomi, masalah sosial dan masalah politik yang seterusnya menggugat kestabilan demokrasi.

Di Malaysia sendiri, kesenjangan ini dapat dilihat daripada Pekali Gini Malaysia. Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014, Jabatan Statistik Malaysia menunjukkan bahawa pengagihan pendapatan di kalangan isi rumah adalah bertambah baik iaitu Pekali Gini pada tahun 2009 ialah 0.441, diikuti 0.431 pada tahun 2012 dan 0.401 pada tahun 2014. Walaupun terdapat perubahan, maklumat ini menunjukkan bahawa tiada usaha yang serius dilaksanakan bagi mengatasi masalah kesenjangan pendapatan.

Menyedari perkara itu, Kerajaan berpandangan terdapat keperluan untuk membina ekonomi yang lebih seimbang dengan pekerjaan yang lebih berkualiti dan pertumbuhan seimbang dalam pelbagai sektor. Pengurangan jurang pendapatan kaya dan miskin telah menjadi agenda utama dalam Belanjawan Selangor 2015.

Mengambi kira kepada realiti ketidakmampuan keluarga dan isi rumah untuk memenuhi keperluan harian, pengukuran garis kemiskinan kebangsaan pada ketika ini perlu disemak semula agar lebih bersesuaian. Pada ketika ini, Kerajaan Persekutuan menetapkan garis kemiskinan adalah RM760 sebulan seisi rumah, manakala miskin tegar ialah RM460 sebulan bagi seisi rumah. Garis pengukuran kemiskinan yang ditetapkan tidak menggambarkan keadaan sebenar.

Atas kesedaran ini, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan Institusi Pendidikan di Negeri Selangor iaitu UNISEL dan UTAR untuk menyediakan Data Statistik Pendapatan Isi Rumah (HIS) sehingga ke peringkat daerah dan kawasan Ahli Dewan Negeri dengan mengambil kira pelbagai aspek iaitu *Multi-Dimensional Index* (MD) sebagai *indicator* kepada penentuan indeks kemiskinan Negeri Selangor iaitu *Selangor Poverty Index* (SPI). Apabila indeks ini diperkenalkan dan diguna pakai kelak, Kerajaan Negeri akan mendapat menentukan indeks kemiskinan yang relevan yang seterusnya akan digunakan untuk menggubal dasar-dasar serta program-program yang lebih berkesan dalam menangani masalah berkaitan kemiskinan daripada pelbagai peringkat masyarakat.

Kerajaan amat tegas dalam menangani isu kesenjangan ini dengan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut :

- i) Penjenamaan semula pelbagai program bantuan dan promosi perniagaan bagi membantu usahawan baru dan melonjakkan usahawan sedia ada ke tahap yang lebih tinggi;
- ii) Meningkatkan keupayaan rakyat Selangor kepada pekerja berkemahiran tinggi (*skilled worker*) melalui pembangunan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET);
- iii) Meningkatkan sumbangan bantuan pendidikan bagi memperkasa generasi muda Selangor atau dengan izin (*2nd Generation*);
- iv) Meningkatkan keupayaan rakyat luar bandar melalui program pembangunan keusahawanan dan peningkatan kemahiran;
- v) Program bantuan *Blueprint* pembasmian kemiskinan;
- vi) Program bantuan perumahan dan;
- vii) Penyediaan kemudahan pengangkutan awam percuma.

Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker, berkaitan dengan kesenjangan masyarakat dan ekonomi ini, berkaitan dengan *skilled worker* Y.B. EXCO terangkan tadi, saya nak minta sedikit penjelasan apakah perkembangan terkini di Selangor berkaitan dengan *skilled worker* yang Kerajaan Negeri galakkan, bagaimana perkembangan sekarang? Makin baik ataupun apa perkembangan yang terkinilah di mana *skilled worker* yang kita tekankan sambutannya bagaimana?.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Setakat ini ada 2 program yang dilaksanakan untuk meningkatkan *skilled worker* ini. Satunya program yang dijalankan bersama dengan UNISEL dan juga SHRDC iaitu (*Selangor Human Resource Development Center*) di mana program-program untuk mempertingkatkan kemahiran graduan untuk khususnya daripada UNISEL dan satunya adalah Selangor *Inisiatif* yang dilancarkan oleh Invest Selangor dan juga program ini menampakkan perkembangan yang amat menggalakkan dan bagi program yang di laksanakan oleh Invest Selangor ia mendapat sambutan daripada IPTS di dalam negeri Selangor ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker, Soalan saya 168.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PEMBINAAN MASJID DI SELANGOR

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan secara terperinci perancangan pembinaan masjid di Selangor dan tahun pelaksanaan?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap masjid yang dirancang dapat dibina mengikut jadual?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker, Permatang bertanyakan berkaitan perancangan pembinaan masjid di Selangor dan tahun pelaksanaan. Saya menganggapkan adalah untuk perancangan RMK 2011, sementara anggaran perbelanjaan kita pun telah diluluskan bolehlah saya menyentuh berkaitan dengan perancangan bagi tahun 2011. Sebagaimana yang kita sedia maklum, kita merujuk kepada Vot P14, Pecahan Kepala PK3 ya, di dalam buku belanjawan kita bahawa pada tahun 2016, maka *Insya-Allah* kita akan membina 8 buah masjid dan 6 masjid yang projeknya akan diteruskan bagi tahun

2016 dengan peruntukan yang telah diperuntukkan. Buat masa ini ya, Kerajaan Negeri melihat bahawa antara perkara yang perlu untuk memastikan bahawa setiap masjid yang akan dibina dirancang mengikut jadual adalah isunya berkaitan isu tanah, kita selesaikan bermakna masjid-masjid yang kita jangka akan dibina pada tahun 2016 bermakna isu tanah tidak ada mempunyai perkara-perkara yang berkaitan dengan isu tanah. Yang kedua, kita melihat *Insya-Allah* dengan perancangan ini di peringkat STANDCO Hal Ehwal Agama Islam, kita merancang bersama-sama JAIS dan juga JKR untuk mengadakan perbincangan untuk melihat perancangan kita bagi pembinaan masjid bagi tahun hadapan supaya dia lebih baik daripada segi perancangan dan kita akan cuba bersama-sama dalam segi memantau projek-projek yang akan dijalankan pada tahun hadapan. Selain daripada itu, kita melihat antara yang berlaku kelewatan ataupun tidak mengikut jadual dan ada kontraktor-kontraktor yang memulangkan semula projek pembinaan masjid sebelum ini ya mungkin disebabkan oleh harga terendah yang kita amalkan dan kita mengharapkan dengan konsep tender *modified cut-off* dengan izin pada hari ini mungkin dia akan mengurangkan permasalahan-permasalahan seperti ini. Terima kasih.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sekiranya pihak komuniti nak memohon untuk mendapatkan sebuah masjid di sesuatu kawasan , apa prosedur yang perlu mereka lalui dan yang kedua dan seterusnya bagaimana penilaian Kerajaan Negeri untuk menaik taraf daripada sebuah surau menjadi mendapat taraf Masjid sekiranya tidak ada peruntukan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Sekiranya Jawatankuasa di peringkat sesuatu kariah itu memerlukan ataupun melihat bahawa ada keperluannya maka mereka boleh membuat permohonan sama ada melalui Pejabat Agama Islam Daerah ataupun terus ke JAIS untuk kita lihat perkara-perkara asas yang perlu termasuklah tanah. Seperti mana yang saya sebut sebelum ini, sekurang-kurangnya keluasannya 3 ekar untuk pembinaan baru dan kita juga akan melihat daripada perkara-perkara lain daripada segi justifikasi pembangunan masjid itu sendiri. Jumlah pendudukan di kawasan tersebut mungkin juga mempertimbangkan surau-surau yang ada di kawasan yang berdekatan dan akhirnya keutamaan ini juga bergantung kepada mungkin ada surau yang dah dibenarkan untuk mengadakan Solat Jumaat sebagai contoh. Mungkin ia tidak menjadi suatu keutamaan untuk dibina pada tahun semasa. Jadi, apa pun saya kira permohonan itu boleh diutarakan kepada pihak JAIS untuk kita melihat keperluan dan kita juga melihat kepada peruntukan semasa yang ada dan kita melihat kepada keutamaan untuk seluruh negeri Selangor mengikut perancangan kita. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Apakah Kerajaan Negeri bersedia untuk mewujudkan wakaf seperti di Singapura kepada kakitangan awam di Negeri Selangor khusus untuk menampung pembinaan masjid, surau di Negeri Selangor.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Sekiranya perkara ini sudah dimulakan oleh beberapa masjid dan sebahagiannya berjaya, sebahagiannya memulangkan projek itu kepada Kerajaan Negeri kerana sekiranya ada sesuatu Jawatankuasa Pembinaan Masjid atau merancang, mendapat kebenaran daripada JAIS ada sebagainya yang memulakan kutipan awam daripada masyarakat ataupun membuat tabung amanah wakaf pembinaan masjid yang mana kita juga dekat Majlis Agama Islam membenarkan, tetapi isunya mereka kadang-kadang tidak cukup pendapatan untuk memulakan projek tersebut kerana antara syarat yang kita tetapkan adalah sekurang-kurangnya 70 peratus daripada kos pembinaan telah sedia ada barulah mereka boleh memulakan, kalau tidak biasanya dia akan mengalami kegagalan dan akhirnya akan dipulangkan kepada Kerajaan Negeri dan ini menjadi permasalahan apabila sudah ada berlaku pelantikan kontraktor dan Kerajaan Negeri sudah tentunya lah, prosedur-prosedur ini akan melalui JKR dan kontraktor yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Teluk Datuk.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG : Terima kasih Tuan Speaker, Soalan saya 169.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : SEKTOR PERTANIAN NEGERI

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Bagaimanakah Kerajaan memajukan Sektor pertanian dalam pertumbuhan ekonomi negeri supaya tidak bergantung sepenuhnya dalam bidang perindustrian?
- b) Apakah langkah pemutihan diambil oleh kerajaan untuk memastikan petani menjalankan aktiviti pertanian di tanah kerajaan dapat meneruskan kerjaya mereka tanpa dihalau oleh PBT?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan salam sejahtera. Tuan Speaker dan terima kasih kepada Teluk Datuk yang bertanya berkenaan dengan sektor pertanian negeri Selangor.

- (a) Walaupun negeri Selangor merupakan sebuah negeri yang maju berteraskan industri dan perkhidmatan, Kerajaan Negeri tetap memberi keutamaan kepada sektor pertanian. Bilamana kalau kita lihat pada belanjawan 2016 sahaja sejumlah RM26 juta telah diperuntukkan kepada sektor ini dan dari sudut unjuran juga pada ketika ini sumbangan sektor pertanian kepada KDNK Selangor sebanyak 1.7 peratus iaitu kurang lebih RM2.8 bilion. Kerajaan Negeri mensasarkan kepada 2 peratus sumbangan ini menjelang 2020. Dan dalam hal ini kerajaan negeri akan memastikan kawasan pertanian sedia ada dikekalkan dan meningkatkan pengeluaran makanan dan Kerajaan Negeri akan terus berusaha meningkatkan produktiviti bagi tanaman-tanaman padi, buah-buahan dan sayuran dan sebagainya.
- (b) Bagi menjawab soalan yang kedua tentang aktiviti pertanian di tanah kerajaan. Pihak Kerajaan Berkuasa Negeri akan meneliti kesesuaian tanah kerajaan yang diteroka secara tidak sah oleh peneroka bagi tujuan pertanian. Ada beberapa kaedah penyelesaian. Antaranya:
- (i) Bagi tanah-tanah yang telah pun diusahakan sekurang-kurangnya lebih daripada 3 tahun sebelum 1 Januari 2008 termasuk diusahakan sebelum 2008 atau kurang lebih 3 tahun sebelum 1 Januari 2008 peneroka bolehlah memohon untuk pemberimilikan tanah tersebut di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara (KTN) kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi dipertimbangkan bagi pengeluaran hak milik. Ataupun bagi peneroka tanah yang telah pun mengusahakan pertanian di atas tanah-tanah rizab kerajaan, peneroka boleh juga memohon Lesen Pendudukan Sementara (LPS) untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan Pekeliling PTGS Bilangan 4/2015 dan tertakluk kepada kesesuaian tanah-tanah rizab yang dimaksudkan.
 - (ii) Bagi peneroka tanah yang mengusahakan tanah secara berkelompok di atas tanah yang mungkin berskala besar antara opsyen yang lain adalah Kerajaan Negeri boleh mewartakan tanah tersebut di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara dalam program Ladang Agro Selangorku dengan melantik Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pegawai Pengawal dan diselenggarakan oleh Jabatan Pertanian. Peneroka tanah boleh terus mengusahakan tanah tersebut secara Pajakan di bawah Seksyen 63 Kanun Tanah Negara dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri melalui Jabatan Pertanian. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Tuan Speaker, soalan 170.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK: PEMBINAAN PROJEK KOMPLEKS BERSEPADU PENTADBIRAN ISLAM GOMBAK

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembinaan projek Kompleks Bersepadu Pentadbiran Islam Gombak?
- b) Bilakah jangkaan projek tersebut akan siap?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker. Gombak Setia bertanyakan pembinaan Kompleks Bersepadu Pentadbiran Islam Gombak. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa projek ini telah dimulakan pada 19 Mac 2013 dan dijangka siap pada 15 September 2014. Pun begitu 2 tempoh lanjutan masa telah berlaku. Pertama, pada 22 Mei 2015, yang kedua, pada 19 November 2015. Keadaan fizikal pada hari ini, mengikut jadual sepatutnya 94% tetapi sebenarnya masih lagi dalam peringkat pada tahap 52%. Berlaku kelewatan selama 107 hari disebabkan tanah runtuh dan juga tapak yang agak berlembah menyebabkan tapak banjir kerap berlaku banjir ataupun air daripada atas bukit turun di situ dan menyebabkan permasalah untuk pembinaan. Buat masa ini surat amaran telah dikeluarkan dan dalam tempoh terdekat pihak kerajaan akan berbincang dengan pihak kontraktor untuk kaji semula kerana saya kira, kita kira harus ada sesuatu tindakan yang perlu diambil supaya projek ini dapat disiapkan dengan segera dapat digunakan untuk keperluan pihak awam. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Speaker, soalan saya 171.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: PROGRAM KEBAJIKAN UNTUK ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)
NEGERI SELANGOR**

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah dasar Kerajaan untuk membantu OKU?
- b) Apakah ada peluang-peluang pekerjaan disediakan khas untuk OKU?
- c) Berapakah peruntukan disediakan untuk membantu OKU?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Kota Anggerik, Tuan Speaker.

- a) Kerajaan Negeri telah menetapkan beberapa dasar OKU bagi memastikan mereka mendapat manfaat yang sama rata di dalam kehidupan bermasyarakat. Dasar-dasar berkenaan adalah seperti berikut:-
 - i) *Accessibility For All* dengan izin:
Dasar ini adalah untuk memastikan golongan Orang Kurang Upaya dapat menjalani kehidupan harian dengan lebih baik melalui akses kepada kemudahan infrastruktur yang mesra OKU. Kemudahan infrastruktur ini disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) agar dapat digunakan oleh semua kategori golongan OKU dalam menjalankan urusan harian.
 - ii) *Job Placement:*
Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan dan memberi peluang untuk menempatkan golongan Orang Kurang Upaya lepasan sekolah menengah yang layak di sektor pekerjaan yang bersesuaian. Mereka akan diberi bimbingan dan latihan oleh agensi terpilih selama enam (6) bulan. Ini akan memberi peluang kepada mereka untuk mempunyai pendapatan sendiri dengan berdikari untuk tempoh jangka panjang.
 - iii) Kebajikan:
Dasar ini adalah merupakan bentuk pemberian bantuan sara hidup melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada golongan OKU yang layak sama ada bekerja atau terlantar. Bagi OKU yang tidak bekerja sebanyak RM150.00 sehingga RM200.00 sebulan diberikan. Manakala bagi OKU yang bekerja sebanyak RM300.00 sehingga RM350.00 sebulan.
 - iv) Dasar Satu Peratus (1%) Pekerja OKU:
Kerajaan Negeri menggunakan pakai dasar yang memperuntukkan satu peratus (1%) peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada Golongan OKU seperti yang terkandung dalam Pekeling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008.
- b) Selaras dengan polisi Kerajaan Negeri Selangor iaitu Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipeduli, Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai program yang

dapat membantu golongan OKU mendapatkan pekerjaan seterusnya dapat menjana pendapatan mereka.

Melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Program *Job Placement* bagi golongan OKU telah dilaksanakan dengan memberi penajaan kepada 20 orang yang terdiri daripada golongan istimewa ini. Mereka diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kulinari selama enam (6) bulan dan setelah tamah pengajian, pelajar-pelajar ini akan disalurkan ke majikan di dalam industri perhotelan, restoran atau katering yang telah dikenal pasti dan akan dipantau secara berkala oleh pihak yang bertanggungjawab memberikan pembelajaran kepada mereka.

Begitu juga dengan program yang dilaksanakan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor iaitu Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan *Job Coach*. Kedua-dua program ini disediakan bagi membolehkan golongan OKU mempelajari, menerima latihan kemahiran asas dan pemulihan bagi membantu mereka menjalani kehidupan dan seterusnya mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan mengikut pasaran kerja.

- c) Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai program bagi semua golongan dan lapisan masyarakat di negeri Selangor termasuk golongan istimewa ini. Pada tahun 2015, sebanyak RM270,000.00 telah diperuntukkan oleh Jawatankuasa Tetap Kebajikan untuk melaksanakan program-program yang bertujuan untuk membantu golongan OKU mendapatkan kemahiran dan pembelajaran bagi memberi peluang kepada mereka mempelajari menguruskan kehidupan dengan lebih baik.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan pelbagai bantuan melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Pertanian dan sebagainya. Walaupun bantuan-bantuan ini terbuka kepada semua golongan dan lapisan masyarakat, namun sekiranya terdapat permohonan daripada golongan OKU, mereka akan diberikan keutamaan setelah dinilai mengikut kesesuaian bantuan.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Apakah Kerajaan bersedia menyediakan *post tertentu* untuk diisi oleh golongan OKU dalam kerajaan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Kota Anggerik. Seperti yang disebutkan tadi bahawa mana-mana golongan OKU yang layak dan memenuhi kriteria mereka boleh diterima untuk bekerja dalam sektor kerajaan. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya ingin bertanya kepada EXCO, apakah Dasar Satu Peratus (1%) yang telah dilaksanakan di perkhidmatan awam itu telah dipanjangkan kepada pihak-pihak besar swasta, dan jika ada apakah insentif yang sebenarnya diberikan kepada mereka supaya dasar ini dapat dibuat secara meluas, bukan sahaja di perkhidmatan awam tetapi pada semua peringkat dapat mengambil OKU sebagai pekerja mereka.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Batu Tiga. Soalan Batu Tiga saya perlu dapatkan maklumat lebih lanjut daripada pihak Jabatan Masyarakat dan saya akan memberikan jawapan bertulis kepada Batu Tiga. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya berkaitan dengan OKU ini, adakah kerajaan bercadang mengadakan satu mekanisme, memastikan pelantikan Ahli Majlis di setiap PBT, mesti ada seorang daripada OKU. Orang OKU yang berkemampuan, Ketua Komuniti di kampung dan juga di kampung baru dan juga di kampung tradisional. Kita mesti pastikan satu garis panduan, ada tak?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Sekinchan. Buat masa ini kerajaan negeri telah pun melaksanakan iaitu memberikan peluang kepada OKU untuk menjadi Ahli Majlis dan juga berkemungkinan masa akan datang kita akan memper... akan melibatkan golong OKU ini untuk menjadi ketua kampung ataupun ketua komuniti dan juga lain-lain pelantikan daripada pihak Kerajaan Negeri tetapi ianya haruslah dibincangkan dahulu di peringkat kerajaan negeri. Buat masa ini belum lagi menyeluruh. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 172

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK: PROJEK PEMBANGUNAN DESA

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk projek pembangunan desa dan pada tahun 2015 mengikut daerah?
- b) Senaraikan projek-projek pembangunan desa yang telah, semasa dan akan dilaksanakan pada tahun 2015 mengikut daerah?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker. Sungai Air Tawar bertanyakan berkaitan dengan Projek Pembangunan Desa.

- a) Kerajaan Negeri sentiasa komited terhadap perkembangan bagi projek pembangunan desa di Selangor. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM12 juta di bawah **Vot Menteri Besar dan SUK – P01/02007 – Penyelenggaraan Jalan Kampung** khas untuk menaik taraf jalan-jalan luar bandar di semua daerah di Negeri Selangor, serta peruntukan berjumlah RM4 juta di bawah **Vot Menteri Besar dan SUK – P01/02004 – Kemudahan Asas Desa** untuk kemudahan asas desa yang boleh digunakan bagi projek menaik taraf balai raya mengikut keperluan.

Sehingga September 2015, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk Vot Penyelenggaraan Jalan Kampung dan Kemudahan Asas Desa mengikut daerah adalah seperti berikut:

Suka juga saya katakan bahawa selain daripada baik pulih atau menaik taraf balai raya, peruntukan ini juga diguna untuk membaik pulih ataupun membina jambatan ataupun infrastruktur sukan. Bagi penyelenggaraan jalan kampung:

BIL.	DAERAH	VOT – PENYELENGGARAAN JALAN KAMPUNG			VOT – KEMUDAHAN ASAS DESA		
		BIL PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	STATUS BELANJA	BIL PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	STATUS BELANJA
				RM			RM
1	Petaling	7	815,015.00	618,055.00	5	256,955.00	261,455.00
2	Klang	8	834,412.00	602,360.00	3	332,440.24	0
3	Gombak	11	1,383,458.00	470,245.00	10	456,532.50	423,418.00

4	Kuala Selangor	18	1,459,350.30	1,088,009.60	9	856,744.20	398,727.43
5	Kuala Langat	17	798,186.00	612,408.00	6	187,021.00	120,333.60
6	Hulu Selangor	19	606,041.48	565,659.99	8	173,554.10	175,634.36
7	Hulu Langat	66	2,852,115.00	1,331,992.00	21	988,135.00	178,926.00
8	Sepang	10	815,344.00	0	14	216,978.40	189,936.40
9	Sabak Bernam	18	1,483,654.00	164,600.00	-	-	0
JUMLAH			11,047,575.78	5,453,329.59		3,468,360.44	1,748,430.79

Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat semua.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Jam telah menunjukkan pukul 11 pagi. Maka saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Usul No.40 Tahun 2015, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh YB Balakong.

TUAN SPEAKER : Baiklah, saya jemput Ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas. Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak ambil bahagian dalam penyata yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa di mana saya nak pada pandangan dan juga sedikit cadangan kepada kerajaan negeri untuk atasi masalah sampah di dalam negeri Selangor.

Masalahnya yang saya nampak ialah lepas mengadakan mesyuarat dengan ahli-ahli di PBT-PBT masing-masing dengan ahli majlis, isu pokoknya ialah harga yang diberikan kepada kontraktor-kontraktor tempatan untuk mengadakan satu sistem di mana boleh diguna pakai. Kerajaan Pakatan telah mulakan dengan harga terendah

(*the lowest tender*), lepas itu kita tukarkan kepada *cut off* yang katakan mengatasi masalahnya. Tetapi malangnya saya nampak bahawa *cut off* ini pun ada beberapa perkara penting yang kita kena faham bahawa kontraktor-kontraktor tempatan yang membawa kontrak-kontrak ini diikut apa yang telah ditentukan dalam kontrak. Sebagai contoh mereka kena ada 2 lori dan 15 orang pekerja untuk satu kawasan. Tetapi realitinya ialah lepas mereka dapat kontrak, dia ada satu lori dan 5 orang pekerja saja di bawah. Dan ini adalah masalah-masalah tertentu yang mengakibatkan sampah teruskan dengan keadaan di dalam negeri Selangor.

Saya minta kerajaan negeri untuk buat satu audit ke dalaman di dalam PBT-PBT untuk atasi masalah ini di dalam tahun yang akan datang. Saya ingat kerja Adun ini bukanlah untuk jaga sampah, longkang dan sebagainya. Kita ialah pemimpin yang terpilih dari rakyat untuk kita duduk di dalam Dewan yang mulia ini dan buat undang-undang dan atasi masalah-masalah di dalam kawasan. So, saya minta EXCO berkenaan untuk buat sesuatu atas masalah ini, ambillah tindakan yang sewajarnya dan cuba untuk atasi masalah dengan proaktif, input yang kita boleh dapat dari semua orang yang terlibat dalam isu ini.

So, saya minta ini dikaji dan mengadakan satu *result* yang,yang, yang boleh digunakan untuk masa depan, untuk atasi masalah ini di dalam negeri Selangor. Kita sudah capai banyak dah ya. Jalan tak ada masalah sekarang, lampu pun tak ada masalah, beberapa masalah dan sebagainya tetapi saya ingat kita ada peluang untuk majukan ataupun atasi masalah sampah yang kita hadapi di dalam beberapa PBT di dalam negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Sekinchan juga ingin turut serta dalam membahaskan Usul No.40 berkaitan dengan pengurusan pengambilan sisa pepejal ini yang akan dilakukan oleh pihak kerajaan ya seperti yang dicadangkan oleh pihak Jawatankuasa PBT.

Setelah meneliti pernyata (apa yang dinyatakan dalam pernyata ini), saya nampak dalam konteks pengurusan sisa pepejal ini kerajaan kena mengambil beberapa langkah. Beberapa langkah yang perlu dilakukan selain daripada menggunakan kaedah yang kita gunakan di PBT diamalkan pada masa kini, kerajaan juga harus memikirkan ya. Kita menggunakan kaedah yang kerajaan ada iaitu kekuatan daripada Hebat Abadi (Syarikat Hebat Abadi) yang dimiliki oleh KDEB supaya peranannya diperbesarkan. Mana-mana PBT yang mempunyai masalah dari segi sampah tersebut (pengurusan sisa pepejal), kita boleh masukkan Hebat Abadi ini untuk membantu dan pastikan pengurusannya lebih baik kerana kita nampak rekod Hebat Abadi menguruskan sisa pepejal di Wilayah Persekutuan nampaknya begitu baik. Kenapa dia tidak dapat membantu kerajaan negeri di negeri Selangor (saya tidak nampak ya). Dan saya tidak mahu Hebat Abadi ini kita dibiarkan begitu saja

kerana dia ada *compactor*, ada modal, ada sumber manusia yang cukup. Jadi, sudah sampai masanya kita beri peranan yang lebih. Kena lebih beri peranan dan saya yakin kalau kita bagi syarikat yang seperti milik kerajaan negeri, kita tak rasa was-was kerana dia milik kerajaan negeri. Itu satu.

Yang kedua, kalau milik kerajaan negeri tidak semestinya kita melalui tender terbuka. Kita terus bagi kepada anak syarikat Hebat Abadi, bagi mereka uruskan. Setahun, satu PBT berapa bagi satu jumlah peruntukan supaya mereka ada peruntukan yang besar, ada modal, mereka boleh beli *compactor* yang baru. Sekarang apa yang kita nampak di setengah-setengah kawasan, pengurusan sisa pepejal apabila kontraktor memperolehi tender, mereka kadang-kadang menggunakan *compactor* yang saya nampak terlalu daif. Terlalu daif, usang dan kadang-kadang pekerjaannya pun sikapnya kita rasa agak kecewa di sesetengah tempat dan pekerja-pekerjaannya mereka selalu mengumpul plastik-plastik *recycle* yang boleh mereka jual dan sebagainya. Mereka gantung di *compactor* di atas sampai penuh tingkat. Kadang-kadang saya ikut di belakang *compactor*. Ikut belakang sampai jatuh dua tiga paket di tengah jalan. Inilah sikapnya yang ada dan bertahap bertaburan sampah-sampah sisa pepejal ya di jalan. Ini berbau busuk dan sebagainya. Ini menjelaskan imej kita sedangkan kita dah bayar. Kenapa pihak pengurusan syarikat itu tidak dapat buat? Inilah antara perkara yang saya harap pihak kerajaan kena ambil maklum ya. Kita nak pastikan setiap *compactor* dengan pekerjaannya kalau nak ambil kitar semula kita setuju. Dia nak cari pendapatan tambahan tak ada masalah. Tapi ikat itu kena betul. Jangan sampai bertaburan di tepi jalan. Ini satu. Kalau nampak dua kali, kita senarai hitamkan pekerja yang sedemikian ya.

Dan seterusnya, seperti pengurusan sisa pepejal di kawasan luar bandar macam di Sekinchan ya. Saya nampak pengurusannya masih tak di tahap yang boleh diperbaiki lagi lah. Masih belum memuaskan lagi. Terutamanya dalam konteks kutipan sampah ini. Di mana kontraktor yang dilantik seminggu dua kali kadang-kadang kalau hari cuti umum mereka lebih pula hari yang lebih tidak datang. Jadi ini menyebabkan sampah-sampah khususnya di kawasan Sekinchan (di bagan) kawasan tumpuan pelancongan. Sampah bertambah oleh kerana *tourist* yang masuk ramai. Jadi *business* baik, sampah pun bertambah, akhirnya sampah-sampah yang dilonggok lebih daripada dua hari, tiga hari jadi busuk. Dan ada sesetengah pengusaha mereka tak boleh tahan, menggunakan cara tradisi cina. Mereka gunakan tradisi cina diam-diam bawa masuk ke dalam, campak ke dalam sungai. Ini cara tradisi cina. Ini sikap yang kita nampak kadang-kadang sedih juga. Campak dalam sungai. Jadi, perkara sedemikian juga kita harap dapat dielakkan memandangkan kalau kutipan jadual itu lebih kerap, saya rasa perkara ini dapat dielakkan.

Dan saya juga harap YB EXCO dalam konteks ini dapat memberi bantuan dalam konteks di luar bandar ini di mana pembersihan awam. Pembersihan awam ini saya nampak sekarang ini Majlis yang menyapu pekerja-pekerja yang dilantik oleh Majlis

seperti sudah kurang tenagalah pekerja-pekerja mereka. Kita nak kata dia tak boleh kerja, kesian juga kalau mereka tak diberi kerja. Kalau diberi kerja, mereka tak begitu bertenaga seolah-olah sudah sampai mereka tak begitu proaktif. Jadi saya harap kita ada satu pasukan seperti unit bersih, unit tindak bersih dan sebagainya yang ditubuhkan oleh mungkin boleh dicadangkan kepada JKJKK dan sebagainya diberikan peruntukan tahunan atau bulanan untuk kita bantu mengerapkan lagi pembersihannya selepas pembersihan yang dilakukan oleh Majlis (pekerja-pekerja Majlis). Mungkin mereka tak pagi mereka bersih sekali, sebelah petang dah kotor balik. Jadi, mungkin sebelah petang mungkin kita dapat mengisi menggunakan pasukan unit bersih ini, unit tindak bersih ini untuk membersihkan bagi kita pastikan 24 jam sentiasa dalam keadaan kering, bersih. Bersih untuk semua. Semangat itu yang kita hendak.

Ini antara cadangan saya dalam konteks pengurusan sisa pepejal dan saya juga setuju dengan Seri Andalas di mana mengatakan sistem yang kita gunakan *cut off* ke dan sebagainya ada kebaikan, ada penambah baik tapi pun ada kelemahan juga. Jadi, kita kena ada jawatankuasa yang betul kita teliti *special task force* kita teliti apa sebenarnya kelemahan yang ada di PBT ini.

Satu lagi perkara yang ingin saya nyatakan ialah peranan ahli majlis. Peranan ahli majlis di setiap PBT untuk memantau kontraktor. Ini cukup penting. Ahli majlis yang kita lantik adalah untuk membantu PBT memberi perkhidmatan yang terbaik termasuklah dalam pengurusan sisa pepejal. Kita tidak mahu ahli majlis yang kita lantik *handphone* pun tak sambut, balas pun tidak. Ini kalau ada perkara yang semacam ini saya memang dapat ada aduan-aduan sedemikian. Mana ada kawasan sampai di belakang lorong, sampah dah penuh di belakang lorong, tapi ahli majlis pun tak tahu mana kawasan dia. Di zon mana pun dia tak tahu. Kita tidak mahu nanti ahli majlis yang tak tahu mana zon dia. Ini ada berlaku. Jadi kita mahu bagi latihan kepada mereka. Kita nak marah mereka saja tak guna. Kita bagi latihan. Suruh pejabat PBT kita adakan kursus bukan saja kursus oleh kakitangan kerajaan saja, kita kena kursus untuk ahli majlis kita bagi tahu di mana peranan kita, di mana kawasan yang kita nak jaga, di mana lorong ahli majlis supaya dia tahu mana kawasan saya betul-betul. Jangan sampai duduk dua tahun, kawasan dia pun tidak begitu biasa. Ini kalau belum lagi tambah baik dalam konteks ini kita perlu tambah baik. Saya harap ini antara perkara.

Yang kedua, kontraktor yang menjalankan kerja pembersihan, potong rumput dan sebagainya. Kita setiap tahun (setiap bulan sekali atau dua kali), kita kena ada *report card*. *Report card* itu perlu di tandatangan oleh ketua kampung ataupun ahli majlis di kawasan tersebut supaya betul-betul dia lakukan kerja. Kadang-kadang dia buat dua kali, tulis dua kali tapi buat sekali. Saya tahu ada ‘kong kali kong’ macam itu. Ada kerja-kerja sedemikian. Saya mahu pastikan ahli majlis boleh bantu kita ketua kampung ataupun atau pun ketua komuniti boleh bantu kita dan kita wajibkan kontraktor yang berkenaan bila jadualnya kena pergi bagi kad ahli majlis datang

tengok dulu. Wah dan buat hari ini ya kerja bagus ambil gambar sikit. Sain *report card*.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Minta celah Yang Berhormat terima kasih. Setuju ke Yang berhormat Sekinchan kalau terdapat ada kalanya kontraktor sebenarnya sesuatu pokok hanya perlu dicantas tapi akhir telah ditebang pula yang mana bukan dicantas telah ditebang itu yang menjadi masalah, jadi adakah itu berlaku di kawasan-kawasan Sekinchan? Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Yang Berhormat Teratai yang mengungkitkan masalah tentang cantas pokok dan tebang pokok. Ya memang ada juga perkara-perkara sedemikian, mungkin kontraktor tersebut dia suka cantas pokok atau dia suka tebang pokok, tak perlah, kalau adapun kita kena pantau juga. Ini soal pemantauan ya sekarang kita perlukan mesra alam, alam sekitar dan kita perlukan penanaman pokok yang lebih, kita jangan suka-suka tebang pokok ya, kalau kecuali dia menghalang, kalau tidak menghalang perlukan pokok supaya Selangor ini dalam kehijauan. Kita nak Selangor bersih dan hijau, sentiasa tenang jangan kacau bilau macam Barisan Nasional. Jangan macam tu kita kena tenang ya, kita kena bersihkan belah sana, kita dapat lebih tenang. Sebelah sana macam yang apa Sungai Panjang tu yang sekarang kurang buat bising, jangan buat bising kat luar kalau tak buat hal kat dalam. Saya nak cuba. Kena bahas kat dalam Dewan, dapat jawapan, kalau tak dapat jawapan baru lah buat bising. Itu cara yang terbaik, saya nak tunjukkan kepada Sungai Panjang ya, kalau Sungai Panjang tak faham kita bagi kursus lain. Tak faham ya, kena faham ya.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Nak tanya yang ini bergurau ke atau betul-betul?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ha bab ini, bab soal di ini betul, *pc* ini penting sebab *pc* ini kita kena jangan macam Pelabuhan Klang. Tak datang buat *tweet* sahaja *tweet* tak datang. Sejak Dewan saya datang hari kedua ke hari pertama, datang sekali sahaja bahas sekali, kemudian terus bawa beg, semua balik. Balik kemudian keluar kenyataan, semalam keluar hari ini keluar semalam *tweet*. Ini tidak bertanggungjawab ini bukan peranan sebagai ahli dewan. Saya minta nanti Ketua Speaker kemudian kena beri kursus untuk ADUN semua. Bagi tahu apa sebenarnya peranan sebagai ADUN ini, jangan sampai *confuse* sebab dia duduk situ dengan Sungai Burong jadi dia sudah *confuse*. Sekarang Sungai Panjang sudah beransur pulih. Hari tu tiap-tiap hari dia *busy*, tiap hari dia *busy*, sekarang dia dah kurang sebab dia pulih *confuse* dia dah kurang, dia dah makan ubat ya. Beransur pulih.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Ini betul ke bergurau lagi yang makan ubat ni?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Soal ini *confuse* nya betul. Betul ya. Jadi saya baliklah kepada isu pokok ya, isu pengurusan sisa pepejal ini. Saya mahu Ahli Majlis

ataupun Ketua Kampung diberi kuasa untuk memantau, memantau ya kontraktor-kontrak. Bagi satu *report* untuk dia sain, ini penting selama ini kita.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Minta penjelasan, saya setuju dengan cadangan yang Berhormat Sekinchan bahawa pemantau sistem pemantau yang lebih berkesan perlu diwujudkan. Dan dengan cadangan daripada Yang Berhormat Sekinchan adakah ia lebih baik sekiranya pemantauan itu dibuat oleh Jawatankuasa Penduduk atau pun wakil-wakil daripada Persatuan Penduduk, jika di berbanding dengan Ahli Majlis kerana pada saya Ahli Majlis sekiranya boleh Ahli Majlis perlu lebih pada dasar-dasar yang akan ditetapkan dalam majlis terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Yang Berhormat dari Balakong, saya setuju dengan pandangan tapi kita cuma buat langkah yang pertama kita bagi Ahli Majlis dahulu kalau kita buka terus kepada semua jawatankuasa penduduk, sebab jawatankuasa penduduk ini, bukan tak bagus, bagus, tapi saya kadang-kadang pantau. Jawatankuasa penduduk ini kadang-kadang satu orang sahaja, dia tak ada komuniti dia, satu orang pun dia mengatakan jawatankuasa penduduk pelik juga. Dalam surat khabar kita tanya adakah jawatankuasa kamu ini sudah didaftar, tak ada, dia seorang. Itu bertindak, jawatankuasa bertindak tapi seorang, tak ada daftar pun dia kata dalam surat khabar dia kata sebagai aktivis sosial dan sebagainya. (Bahasa cina) sebagainya. Ini kadang-kadang dengan izin, dengan izin, jadi kita *confuse*. Dalam surat khabar kita baca, wah seolah-olah dia mewakili seluruh penduduk di kawasan tersebut, tetapi, apabila kita *check*, dia seorang sahaja *alone*. Kadang-kadang yang lebih pelik dia bukan duduk di kawasan situ, jadi ini kalau kita nak bagi persatuan penduduk kita kena cari penduduk yang betul-betul berorganisasi dan mempunyai pengurus dan berdaftar, ini mungkin boleh ya ini antara respons kepada Yang Berhormat Balakong.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Saya ingin minta penjelasan, saya ingin bertanya YB Sekinchan adakah bukan kerja pemantau ini kerja pegawai pemantau yang dapat gaji daripada PBT, kalau kita menyerahkan kerja ini kepada Ahli Majlis dan sebagainya, apakah tak ada kerja mereka, makan gaji tak ada kerja nak buat ataupun nak pecahkan mereka semua.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pandamaran tentang pegawai-pegawai ini. Kita sedia maklum pegawai-pegawai kita di PBT ini dia, jaga kawasan besar. Kalau Ahli Majlis tak bantu mungkin kekuatan dia tak boleh kawal seluruh dengan kawasan yang seperti Klang cukup besar mungkin *main power* masa tak berapa cukup. Tapi sikap mereka kena ubahlah, sikap pegawai kena ubah. Saya tahu sesetengah pegawai mereka bukan mereka tak boleh pantau mereka tahu kadang-kadang kawan-kawan ramai sangat, kawan-kawan terlalu ramai, yang dipantau kawan, jadi susah pantaullah. Saya tahu perkara itu, saya lama lah dalam politik, pegawai-pegawai pun kawan saya ramai, tapi saya tak nak lah cakap dengan terlalu apa, tapi saya nak bagi tahu kawan-

kawan ramailah. Kawan-kawan boleh tapi kerja kena jaga. Dia kawan boleh tapi kerja tu kena jangan kawan kerja satu bulan buat dua kali, tapi dia buat sekali. Sebab kawan itu tak baguslah. Tu yang saya nak tegaskan ya dalam konteks pengurusan sisa pepejal ini, saya harap dengan usaha gigih kita untuk cari kaedah yang terbaik untuk mengatasi mencari kelemahan kita dalam pengurusan sisa pejal. Saya yakin sekiranya kerja kita kuat dan kita dapat dibantu oleh Ahli Majlis semua pegawai PBT dan juga ADUN-ADUN pun kita cuba bagi pandangannya saya yakin kebersihan di negeri Selangor ini dapat dicapai pada tahap yang semaksimumnya, ini saya yakin ya. Pada masa yang sama juga saya harap penumpuan itu kepada luar bandar, PBT-PBT yang daif macam Majlis Daerah Sabak Bernam ini, yang kutipannya hasilnya begitu kecil kita harap Yang Berhormat daripada Kerajaan Yang Berhormat EXCO dapat memberi tumpuan yang lebihlah, kalau tidak nanti akan dituduh Permatang pula. Kononnya kita tak jaga dan Yang Berhormat pegawai negeri juga kena bagi kelonggaran sikit untuk, untuk bantuan luar bandar khususnya untuk PBT-PBT macam Sabak Bernam masih ada hutang 4 juta lebih. 4 juta atau 6 juta hutang dia lama kalau boleh saya cadangkan hutang Sabak Bernam ini dilupuskanlah, dilupuskan kalau tidak tak mampu pun nak bayar, dilupuskan supaya kita dapat ringankan bebanan untuk PBT di luar bandar. Jadi saya menyokong penuhlah penyata yang disampaikan oleh yang dibentangkan oleh Yang Berhormat daripada Balakong ini terima kasih.

TUAN SPEAKER : Meru

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN : Terima kasih Tuan Speaker, saya nak bahagian dalam menyokong usul nombor 40 ini. Sikit saja pendek *Insya-Allah*, orangnya pun pendek. Pertama nak bagi tahu saya nak menyokong penuh apa yang disebut oleh Sekinchan dan juga apa tadi Andalas, cuma sikit saya nak bagi tahu pertamanya tentang Hebat Abadi tadi, saya tak berapa nak setujulah, mintak maaf Sekinchan. Hebat Abadi sebenarnya, ia telah dia beroperasi di Selat Klang dan saya dapati mungkin Selat Klang boleh respons lepas ini bahawa pun tidak berapa memuaskan, itu satu. Yang keduanya saya cukup setuju bahawa kita,

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Nak tanya sikit

Y.B. TUAN DR ABD RANI BIN OSMAN : Nanti kejap saya belum habis lagi. Nanti bagi Selat Kelang respons sikit. Yang keduanya saya setuju supaya ada tindakan bersepada, ini penting sebab itu, apa yang dibuat oleh YB EXCO itu sendiri untuk MPK contohnya, kita ada satu *whatsapp* yang semua orang dalam, ini cukup ini, cuma saya dapat saya juga dapat 2 *complain*. Pertamanya kepada kenapa kontraktor yang sama bila diberhentikan kemudian *next* punya dapat juga orang yang sama dia bagi nama-nama lain, itu satu. Kita kena tengok balik sebagai mana pernah disebut oleh YB sini. Bukan sahaja mereka itu, nama mereka dan sebagainya tetapi juga sebagai apa nama tu ...ni dia punya saya pun lupa ... apa dia sebut sebagai orang yang duduk dalam jawatan juga tapi makna kita kena tahu siapa

di belakang, *other wise they get the same thing*. Yang kedua dia bagi tahu saya kata bagi tahu pada saya bahawa zon tu terlampau luas. Dia orang tak boleh buat, minta maaf YB, zon terlalu luas. *Its behind our skop* katanya dengan izin. Maknanya kalau boleh zon tu dipendekkan sikit supaya mereka boleh buat kerja-kerja. *Then* apa nama disebut tadi tentang pemantau, saya cukup setuju. Pemantau ini sepatutnya memantau tetapi seolah *they working office hours*. Sepatutnya pegawai pemantau dia kena kalau boleh pun malam pun ada sebahagian PBT bukan di Klang saya difahamkan, tapi ada PBT lain yang memang dia ada buat kerja malam, maknanya dia tengok kat mana orang buang sampah dia tahu. Dan kalau ini di dapat diamalkan di seluruh PBT cukup baik. Apa yang nak saya hairan bila saya pergi ke Nepal, pergi ke pergi ke apa namanya Vietnam cukup baik, sebab apa penguatkuasaan. *This is what relax*, di sini penguatkuasaan tak ada penguatkuasaan cuma ok kita ambil tindakan besok lori apa nama sakit dan sebagainya, tapi apa nama kenapa kita kena tengok baliklah. *Other wise we go heat* kita buat *back to square* balik. *Insya-Allah*.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta penjelasan sikit Yang Berhormat Meru tak setuju dengan Hebat Abadi sebab saya nak tanya Hebat Abadi dan masuk Meru untuk buat pembersihan belum? Belum lagi kan. Belum lagi kepada kenapa tak setuju?

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN : Sebab saya juga dapat *whatsapp* daripada Selat Klang, kalau boleh respons Hebat Abadi ini sebab dia ada saya difahamkan dia dah di beroperasi di Selat Klang, tetapi Selat Klang bagi kami *fed back* bagi dalam *whatsapp* mengatakan bahawa pihak Hebat Abadi pun taklah sehebat tak seabadi begitu. *Walallahualam*.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : YB Speaker, seperti yang disebutkan oleh Meru tadi di mana di antara yang apa yang masalah yang sepatutnya agak boleh selesai ialah pembersihan dan pengutipan sampah ini dan memang ini antara masalah yang saya hadapi, setiap minggu nak kata setiap hari mungkin taklah berapa tepat, tapi setiap minggu ini di mana masalah ini masih lagi tidak apa tidak macam tak ada pencerahan tak de sinar lagi untuk diberhentikan jadi memang kita mengharapkan kerajaan negeri memberikan mencarikan ada *political will* bagaimana nak merubahkan keadaan supaya cara pengutipan sampah pembersihan ini boleh dibuatkan dengan cara berkesan. Jadi saya memang bersetuju dengan usul ini.

TUAN SPEAKER : Baiklah saya jemput pihak kerajaan jika ingin memberi sebarang penjelasan, Seri Kembangan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, saya ingin ucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Dewan Negeri yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dengan laporan tersebut dan saya juga ingin mengucapkan terima

kepada jawatankuasa JPPBT yang telah berusaha untuk membuat siasatan dan mengemukakan beberapa saranan dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada Hulu Kelang, Pandamaran, Sri Andalas, Sekinchan dan juga Meru yang telah memberi pandangan khususnya Sekinchan yang banyak yang agak memang prihatin tentang isu pengurusan sisa pepejal di negeri Selangor dan kerajaan negeri Selangor dalam proses untuk menstrukturkan semula atau pun merombak sistem pengurusan sisa pepejal Negeri Selangor dan juga kita akan mengemukakan satu mekanisme yang baru tentang isu ini dan saya juga akan memberi penjelasan secara bertulis di dalam sidang akan datang. Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : Baiklah Ahli Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi, bahwasanya menurut Peraturan 76.5 Peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulai ini menerima Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT). Bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Pengambilalihan Pengurusan Sisa Pepejal oleh Kerajaan Negeri yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini bagi Kertas Mesyuarat Bil. 85 Tahun 2015. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Usul ini dipersetujui**.

PENOLONG SETIAUSAHA : Usul nombor 41, Tahun 2015. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut, Bahwasanya menurut Peraturan Tetap 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi / Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP-Abas bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Saranan Penambahbaikan Struktur Tadbir Urus Korporat Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) dan Anak-anak Syarikat yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 87 Tahun 2015.

Tuan Speaker, Jawatankuasa telah membentangkan satu kertas kerja, Kertas Mesyuarat Bilangan 87 iaitu saranan yang kita buat untuk menambah baik tadbir urus MBI, Anak-anak Syarikat dan juga berkaitan dengan Badan-badang Berkanun. Ini adalah kerana kita mendapati bahawa ada banyak perkara yang kita boleh menambahbaikkan lagi untuk menambahkan ketelusan Anak-anak Syarikat di Selangor. Rujukan utama yang cadangan-cadangan ini adalah daripada *Malaysian Cod on Cooperate Governance (OECD) Guides Line On Cooperate Governance of State Own Enterprise Drafts For Public Comment May 2014 and The State as Chair holders The Case of Singapore* seperti di Lampiran yang kita ada.

Dewan yang mulia ini tidak perlu takut atas ketebalan kertas bilangan ini sebab ada banyak ialah Lampiran tetapi kita ada tiga muka surat sahaja dalam saranan kita. Ini

adalah terutamanya selepas penubuhan DIG kita berasa bahawa adalah perlu Jawatankuasa memberi sikit, membuat sikit pengajian dan seterusnya dengan pengalaman kita yang sedia ada selepas pendengaran yang kita buat selama ini kita membuat tiga cadangan utama sahaja iaitu, 5.1, 5.2 dan 5.3. Izinkan saya huraikan sikit cadangan-cadangan kita. Saranan pertama ialah 5.1 iaitu Struktur Pembayaran Dividen yang sedia ada sekarang tentang Anak-anak syarikat MBI. Kita mencadangkan bahawa kita sedia tahu bahawa penubuhan DIG adalah supaya MBI boleh memfokuskan peranannya dalam melaksanakan tanggungjawab sosial Kerajaan Negeri, manakala DIG menumpukan fokus kepada objektif komersial. Kita Jawatankuasa memang setuju bahawa kita kena mengasingkan objektif, sosial dan komersial. Ini adalah baik tetapi struktur ini timbul situasi di mana MBI akan membelanjakan di luar bajet. Iaitu *Off Budget Spending*. Dividen yang dikutip oleh MBI sekarang walaupun dengan DIG dikutip oleh MBI akan terus di belanja *thru* MBI. Ia bermaksud bahawa ada banyak dividen-dividen yang akan dikutip tidak dapat dibentangkan di Dewan dan bajet-bajet ini adalah luar *Off Budget Spending*. Kita berasa bahawa kalau ketelusan struktur ketelusan yang lebih baik adalah semua Anak-anak Syarikat boleh membayar dividen kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri mengambil ini sebagai pendapatan negeri dan seterusnya dibajetkan di bajet belanjawan setiap tahun dan kita boleh, kita boleh bincang di Dewan, kita bentang di Dewan, kita boleh bahas di Dewan dengan perbelanjaan sedemikian, ketelusan adalah lebih baik so kita cadangkan supaya bukan melalui *CSR Corporate Social Responsibility* MBI tetapi melalui Dewan. Dengan ini kita boleh memantau perbelanjaan dengan lebih baik. Ini adalah struktur yang kita rasa nak memberi cadangan kepada Kerajaan Negeri untuk menimbangkannya.

Kita tahu bahawa dividen MBI akan menjadi satu sumber pendapatan Kerajaan Negeri dan dengan penstruktur semula dengan *rationalization of* Anak-anak Syarikat kita yakin bahawa kita akan dapat lebih banyak dividen lagi tetapi kita harap bahawa dividen-dividen ini akan dibayar kepada Kerajaan Negeri dan bukannya MBI. Dengan struktur seperti berikut kita boleh mengasingkan objektif, sosial dan komersial tanpa kewujudan DIG. Ini adalah untuk pertimbangan sahaja untuk Kerajaan Negeri dan kita juga rasa bahawa Kerajaan Negeri hendaklah memberi satu garis panduan yang lebih baik tentang perbelanjaan CSR ataupun tajaan yang dibuat oleh Anak-anak Syarikat. Ini adalah kerana bahawa kita berasa bahawa kalau kita belanja CSR, belanja CSR Anak-anak Syarikat belanja dia beri sesiapa sahaja ataupun beri sesiapa sahaja yang mereka ingat *suitable* tetapi ini mungkin tidak sejajar dengan polisi Dasar Kerajaan. So, saya berasa Jawatankuasa berasa bahawa kena ada satu garis panduan dan garis panduan ini kena menetapkan bahawa sesiapa yang boleh manfaat daripada CSR ini dan sebagai contoh tahun depan apakah *priority* keutamaan yang Kerajaan Dasar Kerajaan ingin mengutamakan. So, yang inilah yang Anak-anak Syarikat perlu menaja ataupun memberi CSR kepada mereka. Dengan ini, saya juga Jawatankuasa juga berasa bahawa ini adalah lebih telus dan sejajar dengan Dasar dan Polisi yang telah diluluskan di Dewan ini.

Yang cadangan yang kedua, yang Jawatankuasa ingin memberi kepada Kerajaan Negeri ialah kita rasa bahawa Lembaga Pengarah yang bebas dan berkeupayaan adalah sangat penting untuk Anak-anak syarikat di Negeri Selangor. Sebelum saya menghuraikan *point-point* di sini, saya ingin memberikan sedikit latar belakang ataupun sikit kes senario. Kes senario yang akan *display* kenapa pentingnya kita ada Lembaga Pengarah yang bebas dan berkeupayaan. Izinkan saya memetik satu kita meng...Jawatankuasa membuat empat pendengaran dengan PJ Central berkaitan dengan kes PJ Central, MRCB, Nursagapurna untuk mendapatkan kenapa PJ Central untuk menyiasat kes PJ Central. Dan salah satu *fit back* yang kita terima kita dapat daripada rakan sekerja ataupun *partner* PKNS ialah bahawa PKNS sentiasa mengubah *business decision*.

Izinkan saya memetik satu *verbartim* daripada saksi di pendengaran bertutup. *In every area of negotiation there was different side of people that we would deal with. That is the interesting part of PKNS, because all the time we will end up dealing with different side of people with different ideas so things change very repeatedly every few years.* Ini adalah akibat daripada Lembaga Pengarah adalah tidak bertujuan komersial. Lembaga Pengarah adalah orang yang bukan terlalu bebas dan Lembaga Pengarah tidak dapat membuat *business discussion* yang boleh *sustainable* untuk *long term* dan ini PKNS ke ini bukan kes pertama yang Jawatankuasa melalui, mendengari bahawa *business discussion was change all the time*. Ini adalah sangat *common*, sangat *common* di antara semua Anak-anak Syarikat. Oleh demikian, kita berasa bahawa daripada *there is a need to prevent the way we deal with the director ship of GLC* dengan izin. Dan... dan...

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Yang Berhormat.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Ya

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Saya ada sedikit pertanyaan / teguran.. tahu tak Yang Berhormat bahawa PKNS itu bukan satu *business entity*? Dia adalah satu Badan Berkanun di mana peranannya berlainan. Jadi sudah tentu Lembaga Pengarahnya adalah berlainan dengan GLC yang lain. Sepatutnya PKNS tidak boleh dianggap sebagai GLC. *It is statute body it is very different from business entity* dengan izin.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Erhm... saya hanya memberi satu *example*, contoh dan

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: *Than it is a wrong example, you shouldn't cod PKNS.* Sepatutnya PKNS tidak diambil sebagai contoh kerana dia bukan satu *business entity* seperti GLC yang lain. Setuju?

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Ya. Tapi JP-ABAS adalah memantau Anak-anak Syarikat dan Badan Berkanun.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Saya setuju tapi contoh tu silap, tak boleh ambil contoh PKNS.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: tetapi ini adalah satu *common* antara Anak-anak Syarikat dan Badan-badan Berkanun.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: *but* berlainan. GLC dengan Badan Berkanun adalah berlainan.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker, apa *point* yang saya nak membentangkan disini adalah bahawa *business discussion was change all the time in many situation* dan termasuk di Badan-badan Berkanun.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh penjelasan. Terima kasih apa ni Tuan Speaker. Saya nak minta penjelasan daripada Kota Damansara apa Damansara Utama walaupun Sungai Pinang kata itu bukan Badan Berkanun tapi saya berpandangan bahawa saya boleh bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat kerana Badan Berkanun seperti PKNS juga membuat dasar-dasar yang besar. Perkara-perkara dasar dan ada juga melibatkan kepentingan rakyat negeri Selangor yang di bawah Jawatankuasa ABAS jadi pun Lembaga PKNS juga mempunyai Lembaga-lembaga Pengarah yang boleh di apa... di *cross check* lah dengan izin oleh Ahli Lembaga yang bebas jadi pada saya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Terima kasih.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Ini JP-ABAS memantau Anak-anak Syarikat dan Badan-badan Berkanun dan saya berharap bahawa Kerajaan Negeri tidak *you are not so critical on the surface of it* pada *substance of it* dengan izin.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya Yang Berhormat, kalau sebut tentang Ahli Lembaga yang bebas dalam PKNS diperuntukkan dalam Enakmen itu sendiri wakil daripada Kementerian Kewangan. Bukankah mereka orang yang bebas? Termasuk jugak wakil-wakil daripada Badan Berkanun yang lain termasuk JKR..

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Tuan Speaker, saya berasa bahawa Kerajaan Negeri boleh memberi *feed back* selepas

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tak... tak... saya tanya, *no you are creating, you are creating confusion that I would clarified now before its coated by the press.* Itu Bebas ada yang bebas dan itu peruntukan dan itu Badan Berkanun dan keduanya yang disebut adalah *business discussion* yang disebut oleh Permatang adalah Dasar. Dasar dengan *business discussion is two different things. Business is you do*

it everyday not Dasar. You don't do Dasar everyday so jangan confuse termasuk Permatang. Don't confuse and you confuse the people.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat kita tak confuse tetapi Jawatankuasa ini menyiasat untuk kedua-duanya.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya, tapi cadangan tu

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Saya boleh memberi contoh yang lain

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Kena... kena jelas. Jangan campur, jangan campur aduk itu yang saya maksudkan. Boleh PKNS boleh dipantau, GLC boleh pantau tapi jangan campur aduk. Ok.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Boleh saya teruskan, meneruskan memberi contoh yang lain adalah Anak-anak Syarikat MBI supaya tidak memberi tetapi *spirit should be the same* dengan izin dan saya berasa bahawa satu contoh lagi Yayasan Selangor. Ini tidak kita belum lagi bentang, kita akan bentangkan di Sidang selepas ini dan saya berasa bahawa kena memastikan bahawa Lembaga Pengarah di Anak-anak Syarikat MBI adalah bebas dan kebebasan ini adalah bukan *executive*. Bermaksud bahawa ini adalah *the best practice* yang disaran oleh OECD *Guides Line* dan saya di sini kita hanya memberi sikit saranan sahaja untuk Kerajaan Negeri dan saya berasa bahawa Kerajaan Negeri hendaklah lebih terbuka untuk saranansaran kita dan apa yang kita dapat ialah bahawa sentiasa kita dapat mendengar daripada maklum balas daripada kakitangan-kakitangan GLC bahawa mereka mendengar apa yang dikata oleh Bos. Bos itu siapa bukan Lembaga Pengarah tetapi Pengerusi Lembaga Pengarah yang budaya ini saya berasa bahawa kita kena tukar, kita kena ada satu *guide line* lebih baik untuk Anak-anak Syarikat dan izinkan saya memberi sikit saranan untuk Anak-anak Syarikat MBI. Jikalau Badan-badan Berkanun berasa bahawa tidak perlu ada, tidak perlu ada pembaikan izinkan saya membuat sikit saranan untuk Anak-anak Syarikat. Yang pertama, komposisi Lembaga Pengarah Anak-anak Syarikat hendaklah mampu membuat keputusan secara objektif dan berdikari. Semua Ahli Lembaga termasuk mana-mana pegawai awam seharusnya dicalonkan berdasarkan kelayakan dan memikul tanggungjawab perundangan yang seiras.

Penubuhan-penubuhan Jawatankuasa yang khusus dalam Lembaga Pengarah seperti Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pencalonan Lembaga Pengarah hendaklah mandatori dan dipengerusikan oleh Pengarah bukan *executive* yang bebas.

Saya ingin jelaskan sikit, apakah Pengarah bukan *executive*. Dalam Anak-anak Syarikat ia bermaksud bahawa bukan sahaja bukan *executive* dalam korporat tetapi

bukan *executive* Kerajaan. Iaitu seseorang yang tiada penglibatan dalam Kerajaan ataupun dalam Anak Syarikat.

Penubuhan Jawatankuasa yang lain yang boleh dipertimbangkan termasuk Jawatankuasa Ganjaran dan Pengajian, Jawatankuasa Perolehan dan lain-lain.

Satu proses pencalonan Ahli Lembaga Pengarah yang jelas, saksama dan telus serta diumumkan kepada orang awam hendaklah diwujudkan. Proses pencalonan hendaklah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pencalonan di Lembaga Pengarah. Ahli-ahli Lembaga hendaklah terdiri daripada lebih ramai Ahli Pengarah bukan *Executive* yang bebas.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah hendaklah bebas daripada apa-apa kepentingan pengurusan ataupun pegangan dengan Anak-anak Syarikat yang ditadbir supaya tidak menjelaskan penilaian objektif budi bicara mereka.

Satu huraian yang terperinci hendaklah menjelaskan proses penilaian kebebasan Ahli Lembaga Pengarah. Anak-anak Syarikat oleh Ahli Lembaga sendiri.

Yang seterusnya kita berasa bahawa prestasi Lembaga Pengarah Anak-anak Syarikat hendaklah dinilai oleh pihak ketiga setiap tahun. Ini adalah selaras dengan apa yang dibuat oleh Anak-anak Syarikat di *Singapore under Temasek* sama ada Badan Berkanun ataupun Anak-anak Syarikat. Laporan penilaian tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Dewan dan diumumkan kepada orang awam. Keputusan penilaian Lembaga Pengarah hendaklah diambil kira sebagai maklum balas

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Yang Berhormat, saya nak tanya pertanyaan juga. Yang Berhormat merujuk kepada Temasek sebagai satu contoh. Sebagai satu model. Jadi saya nak tanya tahu tak yang Temaseknya, yang CEOnya adalah isteri kepada Perdana Menteri. *So what is your comment on that?* Apakah *comment* Yang Berhormat terhadap isteri Perdana Menteri duduk dalam GLC?

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker, saya sekarang membentangkan saranan

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Saranan? *So I'm, I tanya you* pertanyaanlah.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Penyata, so, izinkan saya teruskan dengan tidak menjawab yang untuk menilai sama ada kebebasan tersebut tetapi proses-proses adalah diambil oleh, oleh apa yang saya berasa bahawa Kerajaan Negeri perlu mendengar sahaja saranan. Jikalau boleh *feedback* selepas ini *before lunch time you can give a feedback already*, dengan izin. Dan so, kita berasa bahawa penilaian Lembaga Pengarah adalah sangat penting. Dan penilaian Lembaga Pengarah oleh

pihak ketiga adalah sangat penting. Setiap tahun penilaian ini, laporan penilaian ini perlu dibentangkan di Dewan supaya kita tahu setiap ahli lembaga pengarah, berapa mereka pergi *meeting*, samada mereka memberi cadangan yang baik ataupun tidak. So, penilaian ini perlu dibuat oleh pihak yang ketiga. Dan saya berasa bahawa memang kita cukup wang untuk, untuk *hire* untuk pihak yang ni untuk membuat penilaian yang betul supaya pelantikan Ahli Lembaga Pengarah di GLC-GLC adalah, adalah baik *for two things*. Yang pertama mereka adalah yang bebas adalah bebas, yang tidak bebas adalah membuat pengarah, membuat kerja-kerja sendiri. Pemantauan yang perlu dibuat. Yang kedua adalah prestasi mereka.

Dasar ketiga, cadangan ketiga oleh JP ABASS adalah dasar *transparency* kepada Dewan Negeri dan orang awam. Ini adalah di bawah 5.3. Kita berasa bahawa anak-anak syarikat perlu mematuhi piawaian *transparency* yang tertinggi dan tertakluk kepada prinsip perakaunan dan pengauditan yang sama dengan piawaian diguna pakai.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Speaker, saya nak celah sikit.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Yes.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya nak minta Damansara Utama sikit. Ini saya nak, saya dengar lama dah. Damansara Utama ini tentang GLC dan sebagainya. Saya nak tanya Damansara Utama, adakah Jawatankuasa atau ABASS sekarang katakan pengarah-pengarah yang ada di dalam GLC kita itu salah, cara kita memilih pengarah ini salah, cara kita buat salah. Adakah ini perasaan JP ABASS ini , apa masalah dia dengan GLC kita? Saya nampak sebagai tuduhan-tuduhan yang dibawa di dalam Dewan ini sebagai *personal* dan juga ada, ada motif yang lain. Bukan sahaja untuk pujikan mereka buat kerja dengan baik, untuk dapatkan 1 tamakan. *The important is to see the end result*. Bawa Temasek, bawa *New York Times* bawa semua ini buat apa? Untuk apa? Saya tak tahu *what is the reason* untuk buat, bawa perkara ini?

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Y.B. Seri Andalas, jangan tersinggung. Saya rasa apa yang kita ada sekarang di Negeri Selangor adalah sama dengan negeri-negeri yang lain. Termasuk negeri-negeri di bawah UMNO dan Barisan Nasional termasuk dalam GLC Persekutuan. Saya, tetapi saya yakin bahawa Kerajaan Negeri Selangor adalah, adalah lebih

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya minta Damansara Utama ambil contohlah Pulau Pinang kalau boleh. Ambil contoh Pulau Pinang. Bagi *detail* Pulau Pinang dulu sebelum masuk kepada Temasek ataupun negeri-negeri lain, Pulau Pinang bagi berapa jawatankuasa mereka ada? Adakah

mereka lantik Jawatankuasa sebagai SELCAT dan sebagainya? Bawa contoh tu dulu.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Y.B. Seri Andalas, kalau saya Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya akan membuat demikian

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya ingat lebih baik Damansara pergi sebagai Ahli Dewan Undangan Pulau Pinang. Betulkan Pulau Pinang

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Minta celah. Saya rasa Yang Berhormat Damansara Utama sebagai salah seorang Ahli dalam Jawatankuasa ABASS. Memang membentangkan penyata dengan sistem ataupun saranan iaitu hasil yang didapati daripada jawatankuasa berkenaan. Dan saya rasa apa yang dibentangkan itu seperti mana yang dinyatakan tersebut bukan kepada seseorang. Tapi ialah untuk mekanisme macam mana kita dapat 1 GLC yang lebih *transparency*, akauntabiliti dan semua itu ialah salah satu amanah yang diberikan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Celah sikit. Saya nak minta tanya sikit

Y.B. PUAN TIEW WAN KENG: Jadi saya, bagi saya.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya nak tanya sikit

Y.B. PUAN TIEW WAN KENG: Bagi saya, bagi saya habiskan dulu.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Boleh?

Y.B. PUAN TIEW WAN KENG: Bagi saya habis dulu. Seri Andalas, bagi saya habis dulu

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Boleh saya celah sikit? Saya nak tanya juga

Y.B. PUAN TIEW WAN KENG: Bagi saya habis dulu ya? Sebab ini ialah Negeri Selangor. Jadi apa yang kita fokus ialah kita ambil saranan-saranan jawatankuasa berkenaan dan saya sesungguhnya percaya bahawa pihak Kerajaan Negeri Selangor dapat membalas ataupun ambil maklum saranan-saranan yang telah dikemukakan itu. Dan bukannya rujuk ke Negeri Pulau Pinang ataupun minta Yang Berhormat Damansara Utama untuk membetulkan

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya, saya, saya nak tanya dulu.

Y.B. PUAN TIEW WAN KENG: Keadaan di negeri-negeri lain tak kira negeri yang mana.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya tanya

Y.B. PUAN TIEW WAN KENG: Jadi sekian saja. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Boleh saya celah sikit?

TUAN SPEAKER: Ya, Seri Andalas

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Apa masalahnya kalau kita ambil contoh Pulau Pinang kalau kita ambil contoh Singapore, Temasek dan sebagainya?

Y.B. PUAN TIEW WAN KENG: Bukan. Tadi Yang Berhormat Seri Andalas ada minta Yang Berhormat Damansara Utama untuk betulkan keadaan Pulau Pinang yang mana sini ialah Negeri Selangor kan? Jadi apakah kaitan keadaan Pulau Pinang dengan Negeri Selangor? Jadi memang saya rasa tidak salahnya kalau ambil contoh di negeri lain sama ada di Negeri Pulau Pinang, Kelantan, Johor, Pahang dan selainnya? Tapai kalau minta Yang Berhormat Damansara Utama untuk membetulkan keadaan Pulau Pinang, ia memang saya juga dalam kegelapan. Jadi saya rasa itu bukanlah yang betul.

TUAN SPEAKER: Baiklah Teratai sila duduk. Damansara Utama duduk. Jadi, ini adalah penyata Jawatankuasa. Jawatankuasa ada 7 orang anggota dan ini telah pun dipersetujui oleh jawatankuasa sebelum penyata ini dibentangkan dan ini adalah masa perbahasan. Jadi saya rasa tak payah terlalu *personal* Seri Andalas terhadap Damansara Utama kerana ini bukan cadangan *personal opinion* beliau. Ini adalah saranan daripada seluruh jawatankuasa yang mempunyai 7 anggota. Damansara Utama silakan teruskan perbahasan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Speaker

TUAN SPEAKER: Ia, Seri Andalas. Nanti Seri Andalas boleh bahas selepas Damansara Utama. Damansara Utama teruskan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh mencelah Tuan Speaker?

TUAN SPEAKER: Ia Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak mencelah daripada Damansara Utama. Boleh? Terima kasih Damansara Utama. Saya pun mengikuti perbahasan rakan-rakan yang lain. Saya, secara, saya juga sebagai salah seorang ahli jawatankuasa dan saya amat menghargai apa yang di, apa yang dihasilkan oleh Jawatankuasa JP ABAS mengenai saranan-saranan dan contoh-contoh yang diberi. Ini satu tindakan yang saya boleh puji. Kami di peringkat Barisan Nasional pun kita boleh terima jawatankuasa ini terhadap apa-apa juga saranan yang dikemukakan. Cuma satu saya nak tanya kepada Damansara Utama. Saya nak lihat kepada bil.92/2015 ini. Ni kertas maklum balas yang sudah diberikan oleh pihak kerajaan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan oleh jawatankuasa ini pada sidang Ogos yang lepas. Jadi, dalam pernyataan ini saya dah baca, dah semak, apa yang dikemukakan oleh jawatankuasa, oleh apa ni saranan ataupun ulasan daripada tindakan MMKN menjelaskan bahawa apa juga usul-usul sebagai yang pernah dibawa oleh jawatankuasa ini pada sidang yang lepas, maklum balasnya sudah penjelasan yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam sidang yang lepas itu sudah memadai dan dianggap itu ialah mencukupi dan *sufficient* dengan maklum balas daripada Kerajaan Negeri. Ini bermakna, kalau saya mengikut kepada apa yang Menteri Besar bagi jawapan dalam sidang yang lepas, apa juga saranan jawatankuasa ini tetap juga tidak diterima oleh pada Kerajaan Negeri oleh sebab Kerajaan Negeri memang ada kuasalah untuk menerima ataupun menolak. Jadi, hari ni Yang Berhormat bawa lagi penambah baikkan, saya tak pasti sama ada Kerajaan Negeri boleh terima atau tidak sebab ulasan sudah diberi oleh Kerajaan Negeri. Jadi saya tak mahu jawatankuasa ini ia dibentangkan ambil masa yang panjang. Akhirnya Kerajaan Negeri tetap juga tolak dah tak terima kerana sudah diberi maklum balas ini. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker, pertama sekali saya ingin mengatakan bahawa hanyalah di Dewan Negeri kita ada maklum balas daripada kerajaan untuk penyata. Ini adalah Kerajaan Negeri yang lebih telus dan dia memberi maklum balas kepada penyata di negeri hanya di Dewan Negeri Selangor. Ini memang satu praktis yang baik. Saya ingin memuji Kerajaan Negeri yang mengambil inisiatif sedemikian, yang, yang *willing to reply*. Yang ini satu praktis yang saya berasa bahawa Barisan Nasional juga kena, kena, kena ambil itu pertama. Yang kedua...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tak, saya jelas sikit. Praktis saya boleh terimalah kalau ada penambah baikan itu baik. Tapi *result*, hasilnya tak ada juga. Tetap juga ditolak

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Yang tu pertama.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tetap ditolak.

TUAN SPEAKER: Baiklah Permatang duduk. Damansara Utama sila teruskan. Saya nak betulkan ya. Penyata jawatankuasa ini hanya tugas kita memberikan saranan. Kerajaan tidak, tidak dipaksa untuk menunaikan ataupun melaksanakan saranan tersebut. Dan kalau kerajaan tidak mahu melaksanakan saranan, itu kuasa mereka juga sebagai pihak eksekutif. Dan ini tidak bermakna jawatankuasa tidak perlu buat kerja lagi. Selagi ADUN menerima elauan untuk membuat kerja kita harus teruskan kerja. Dan saya rasa tidak salah kalau jawatankuasa terus memberikan cadangan untuk penambah baikkan. Damansara Utama teruskan.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker, saya hanya nak menambah sikit. Kita hormat kepada pengasingan antara eksekutif dan *legislative*. *Legislative* adalah untuk pemantauan tetapi eksekutif adalah yang membuat keputusan. So, kita hormat yang kepada itu dan kita akan terus membuat saranan dan sama ada dia akan mengambil saranan itu ke tidak, terpulang kepada Kerajaan Negeri.

Cadangan ketiga yang JP-ABASS ingin memberi kepada Kerajaan Negeri adalah dasar yang lebih *transparency* daripada segi prosedur-prosedur audit dalaman. Kita berasa bahawa kita hendaklah, semua anak-anak syarikat hendaklah ada satu audit dalaman yang mewujudkan 1 fungsi audit dalaman yang melapur terus bukan kepada CEO. Audit dalaman ini akan melapur terus kepada Jawatankuasa Audit di Lembaga Pengarah.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama boleh ringkaskan tak?

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Yap. Yang, sudah, sudah nak habis. Yang di pengurus oleh Pengarah bukan Eksekutif yang bebas. Dan 3.3 adalah kita saya pun telah bentangkan ini di Dewan di mana pakej pampasan, bonus dan apa-apa untuk Lembaga Pengarah di MBI dan anak syarikat hendak diisyiharkan. Dan kita juga berasa bahawa laporan maklumat kewangan dan bukan kewangan MBI dan anak-anak syarikat hendaklah selaras dengan piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa serta piawaian penzahiran korporat yang melibatkan kepentingan pihak Kerajaan Negeri dan orang awam. Yang *the spirit must be open* dan sama ada manakah ketelusan itu terpulang kepada kerajaan untuk menimbangkannya.

Sebagai penutup, jawatankuasa berharap bahawa kita perlu selepas menimbang semua saranan-saranan, jika boleh menerima saranan tersebut perlulah menginstitusikan di undang-undang yang sedia ada seperti meminda Enakmen MBI 1994 ataupun adakan enakmen yang lain untuk memantau supaya kita ada institusi ketelusan yang memantau MBI, anak-anak syarikat dan juga jika boleh Badan-badan berkanun dengan lebih telus. Ini bukan adalah sebagai penutup, saya ingin berkata bahawa *I am not with the Barisan Nasional side, I am for the Kerajaan Selangor*. Dan apa yang kita nak ialah menginstitusikan ketelusan supaya generasi akan datang boleh mendapatkan satu kerajaan yang lebih telus melalui institusi yang

kita sediakan. So saya berasa bahawa Kerajaan Negeri boleh menimbang dan mereka akan menimbang. Dan melalui pengalaman saya, saya berasa bahawa Kerajaan Negeri adalah terbuka kepada saranan-saranan seperti apa saranan yang diambil oleh Kerajaan Negeri di atas jawatankuasa air dan sebagainya. Saya berasa bahawa dengan sistem sedemikian, Kerajaan Negeri ataupun Selangor, rakyat Selangorlah yang boleh mendapat manfaat-manfaat tersebut. Sekian sahaja, Damansara Utama mohon mencadang.

TUAN SPEAKER: Penyokong?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Baiklah usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Sungai Panjang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kalau nak bagi Sungai Panjang saya boleh bagi.

TUAN SPEAKER : Siapakah nak bahas? Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya terima apa pandangan yang Berhormat Speaker mengenai jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan dalam Dewan ini,. Dan saya juga pernah berhujah dalam Dewan ini dalam sidang bajet yang lalu mengenai integriti dan juga jawatankuasa yang ditubuhkan. Apa maknanya kita tubuhkan jawatankuasa

TUAN SPEAKER: Permatang tolong duduk dulu. Jam telah menunjukkan pukul 12.00 tengah hari. Maka saya tangguhkan sesi Dewan sehingga jam 3.00 petang nanti. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER: Baiklah Dewan disambung semula. Permatang

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih YB Speaker. YAB dan rakan-rakan YB sekalian. Saya ingin menyambung sedikit lagi perbahasan saya mengenai usul yang dibawa oleh Damansara Utama yang mana komen awal saya ini ialah mengenai apa yang saya membuat pencelahan tadi mengenai maklum balas ya yang saya dah perolehi, saya rasa semua Ahli Dewan pun dapat maklum balas daripada Kerajaan Negeri berhubung dengan usul yang dibawa pada sidang yang lepas dan usul yang dibawa pada hari ini juga membawa maksud dan tujuan yang sama. Isi dan *contents* nya juga sama. Maka saya percaya YAB Menteri Besar mewakili negeri sudah memberikan penjelasan bahawa apa yang dibentangkan jawapan Menteri Besar ataupun penyata yang dulu sudah dijawab dan itu dianggap sebagai jawapan maklum balas daripada Kerajaan Negeri.

Jadi walau bagaimanapun saya ingin menyentuh dalam Dewan ini mengenai kembali semula kepada tujuan asal kenapa Jawatankuasa ditubuhkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat pada 2008 sehingga sekarang. Hasrat dan tujuannya sudah tentulah dengan jelas untuk menambahkan lagi...apa ni....kebaikan kepada Pentadbiran Kerajaan Negeri yang mana jawatankuasa ini akan diberikan ruang untuk membuat penilaian menyemak dan sebagai semak dan imbang untuk perjalanan negeri. Itu saya yakin sudah pun diperjelaskan. Jadi untuk tujuan yang berkenaan saya nak mengharapkan supaya kerajaan boleh mempertimbangkan melihat kembali usul-usul yang dibawa oleh jawatankuasa-jawatankuasa di dalam Dewan ini semua jawatankuasa yang kita cadangkan mempunyai merit, mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi bukan saja dibawa oleh dibincangkan oleh 7 orang jawatankuasa tetapi juga melibatkan saksi yang dipanggil, melibatkan profesional, dipanggil juga beberapa kepakaran untuk memberikan pandangan dalam perkara-perkara yang berkaitan. Jadi saya mengharapkan supaya kerajaan negeri dapat mempertimbangkan. Saya pun mengharapkan kalau jawatankuasa ini punya laporan ditolak sepenuhnya maka saya nak lihat sebagai contoh dulu pernah jawatankuasa SELCAT bawa usul ataupun membawa penyata mengenai kelemahan pentadbiran YAYASAN Selangor. Dibawa dalam SELCAT dibentangkan, kita ada dapat penemuan pengurusan sendiri mengakui kelemahan mereka kesalahan salah laku dari segi penyalahgunaan, dari segi peraturan kewangan dan sebagainya. Tetapi oleh sebab tidak ada respons, tidak ada tindakan maka pegawai yang sama terus berterusan menjadi pegawai dan Pengurus Besar, tidak ada tindakan sedangkan itu jelas sekali ada berlaku kelemahan dan penyelewengan. Jadi saya nak jelas supaya.....

TUAN SPEAKER: Permatang balik kepada 3 saranan....

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Jadi saya mencadangkan supaya saya boleh menyokong usul daripada pihak Damansara Utama mengenai usul yang dia bawa ini kerana saya melihat banyak perkara-perkara yang boleh menambahbaikkan dari segi DEIG dari segi MBI yang disarankan oleh jawatankuasa ini saya rasa amat wajar supaya Kerajaan Negeri pertimbangkan semula melihat semula apa-apa juga usul yang dibawa ini agar dia boleh menjadi kebaikan dan mendatangkan manfaat kepada tindakan-tindakan yang akan datang.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Mohon mencelah

TUAN SPEAKER: Ya Kinrara

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Permatang. Saya ingin nak ucapkan terima kasih kepada Permatang kerana UMNO sokong pernyata yang dibentangkan oleh JP ABAS. Dan saya ingin nak tanya Permatang adakah Permatang sedia untuk bawa pernyata ni ke negeri-negeri yang lain dan kami di JP ABASS sedia membantu Permatang untuk memberi maklumat kepada negeri-negeri UMNO yang lain. Terima kasih.

Y.B. DATO' SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Negeri lain tu tunggu saya jadi ahli parlimen lah boleh bawak kat parlimen. YB kena tahu saya percaya negeri-negeri lain juga ada jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuh. Tetapi saya tak taulah bagaimana negeri-negeri berkenaan bagaimana strukturnya dibuat, parlimen pun ada tubuh jawatankuasa, ada PAC ada bagai-bagai jawatankuasa. Itu kita tak boleh pertikaikan sebab kita tak ada di negeri berkenaan. Saya nak komen negeri-negeri yang lain. Saya tak boleh, tidak adil kepada saya sebab saya tak ada maklumat mengenai perkara yang berkenaan dan saya boleh sokong pernyata ini secara peribadi bukan UMNO. Saya secara peribadi sebagai ahli Dewan. Sebab saya juga turut jawatankuasa-jawatankuasa yang lain. Sebab saya nak balik kepada perkara asal kenapa jawatankuasa ini ditubuhkan. Saya nak sebut beberapa kelemahan. Ada juga jawatankuasa menimbulkan kelemahan seperti yang dibentangkan oleh YB Pandamaran dalam isu mengenai Ketua Pembangkang sebagai pengerusi PAC. Saya dah berdebat dalam Dewan juga kenapa kita tak boleh terima. Bukan kita takut nak jadi Pengerusi PAC tapi isunya bagaimana satu jawatan diberi kepada satu jawatan yang tidak diwujud yang tidak dienakmenkan pun. Tidak ada dalam peraturan ada ketua pembangkang, undang-undang ditubuh tak ada ketua pembangkang, tiba-tiba Ketua Pembangkang yang ada itu diberi jawatan sebagai Pengerusi PAC. Jadi sebagai pengamal undang-undang saya percaya sepatut dilihat dahulu dibawa dan diluluskan dalam Dewan. Kalau Dewan membawa usul mewujudkan jawatan Ketua Pembangkang, saya bersetuju. Lepas tu diberi jawatan sebagai Pengerusi PAC. Barulah berpadanan dengan usul yang berkenaan. Jadi saya.....

TUAN SPEAKER: Ini dah mula memesong ke jawatankuasa lain saya bagi rumus...

Y.B. DATO' SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya bagi dasar la ya....Tuan Speakerdasarnya saya nak minta supaya semangat ditubuhkan jawatankuasa ini supaya tidak dilihat sebagai doktoral rakyat di luar melihat bahawa jawatankuasa yang dibawa ini bawa usul bawa jawatankuasa debat dalam Dewan tetapi akhirnya kerajaan menolak. Jadi saya mengharapkan rakyat nak lihat. Contohnya macam DEIG ni jadi isu. Jadi isu besar, rakyat pun bercakap. Jadi saya mengharapkan supaya bolehlah dipertimbangkan untuk dilihat oleh kerajaan negeri sebagai satu pertimbangan yang wajar. Sekiranya ada kebaikan bolehlah diterima. Saya ingat itu sajalah YB.

TUAN SPEAKER: Tapi Permatang memang konsep *Supression of Power* ini executive tak terikat dengan saranan cadangan legislatif.

Y.B. DATO' SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya terima. Jadi YB Speaker saya tak *argue* lah dari segi itu. Saya terima *Supression of Power*. Tapi apa maknanya jawatankuasa yang kita tubuh. Akhirnya rakyat akan tengok ini ialah retori Kerajaan Pakatan Rakyat. Terima kasih. Itu sahaja.

TUAN SPEAKER: Bahas 5 minit seorang ya. Sri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER A/L ARLANANDUM: Terima kasih Speaker. Sri Andalas nak ambil bahagian dalam penyata ini. Dan saya nak bawa beberapa cadangan ataupun nak tanya juga kepada jawatankuasa. Saya nampak bila kita katakan tentang pengarah-pengarah dalam GLC-GLC di mana katakan kena telus kena *transparence* kena jadi *independent* kena adakan kualifikasi dia dan sebagainya saya terima tak ada masalah dengan kenyataan itu. Tetapi kalau di bawah oleh jawatankuasa untuk di dalam Dewan dan katakan di sekarang di GLC-GLC Kerajaan Negeri Selangor kita kena faham bahawa Dato Menteri Besar ialah *Chairman* kepada semua GLC. Dato SUK ialah di dalam sebagai Pengarah di dalam semua GLC. Pegawai Kewangan ialah seorang di dalam semua GLC. Ada beberapa ahli-ahli Exco di dalam GLC. Adakah orang-orang ini tidak layak untuk jadi pengarah-pengarah di dalam GLC. Seolah-olahnya nampak-nampaknya kita kena pilih *independent* orang-orang yang bijak sekali dan semua sekali. Takkan orang-orang ini bijak rakyat yang pilih Dato Menteri Besar jadi ADUN. Berapa ribu orang pilih. So saya haraplah bila kita buat sesuatu kalaualah adakan situasi korupsi ada satu salah guna kuasa, ada penyelewengan kewangan dan sebagainya di dalam mana-mana GLC memang saya pun boleh bangkit dan saya pun *defence* untuk kuasa-kuasa yang tetap ini ada di dalam GLC dan saya pun katakan ini kena buat sesuatu. Tengok contohnya PKPS, ya, selalu selama-lama ini mereka punya akaun kalau kita tengok negatif. Dalam tempoh tiga tahun ini dia bayar dividen 1.5 bilion kepada Negeri Selangor. Adakah ini masalah dengan pengarah-pengarah GLC negeri Selangor. Semester yang bawa sampai RM89 bilion kepada negeri adakah masalah

dengan satunya pengarahnya ialah Paya Jaras. Pengarah yang lepas ialah apa tu, Taman Sri Muda dengan Kota Alam Shah yang duduk sebagai Pengarah. Tapi *deliver* juga. Kita dapat dividen. Apa masalah dengan pengarah. Apa masalah dengan GLC yang berkenaan dengan itu. So saya punya harapan ialah bila kita bawa satu kenyataan....

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Dengan izin Tuan Speaker saya ingin memberitahu Pengarah saya telah pun tamatkan 2014.

Y.B. TUAN DR. XAVIER A/L ARLANANDUM: Saya katakan sebagai contoh. Sebelum beliau jadi EXCO ialah Pengarah di dalam SEMESTA. Itu tak ada masalah. Saya katakan saya pujikanlah. Saya katakan dia bawa dividen *you* buat kerja di dalam apa tu, GLC tu. So saya punya harapan ialah kita faham apa yang kita nak bawa kepada Dewan Yang Mulia ini. Dan kita sokong bawa kalau ada sesuatu yang kita kena bahas dan ucap dan sebagainya saya sokong penuh atas isu ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin mengambil bahagian dalam usul yang dibentangkan oleh Damansara Utama yang berkait rapat dengan anak syarikat di bawah MBI. Sebelum saya pergi panjang, saya juga ingin bertanyakan kepada jawatankuasa kalau jawatankuasa ini menjadi sebagai *check and balance* ataupun memberi cadangan kepada Kerajaan Negeri saya juga tertanya-tanya siapakah yang mensahihkan fakta-fakta yang berada dalam jawatankuasa ini. Sebab saya sebagai contoh. Penggal yang lalu saya berucap tentang DEIG. Berdasarkan sepenuhnya kepada fakta yang dibentangkan oleh jawatankuasa. Bila kita bertanya dan bertemu dengan kepimpinan utama Kerajaan Negeri, saya bertemu dengan CEO anak syarikat, kita bertemu Pengurus Besar Syarikat kita bertemu dengan orang-orang Lembaga Pengarah, rupanya fakta yang diberi oleh Jawatankuasa itu tidak menepati sebagaimana keadaan yang sebenar. Menyebabkan kita berbahas berdasarkan fakta yang tidak berapa tepat. Dengan sebab itulah hari ini apabila timbul soal keraguan tentang pernyata ini betapa kita masih menerima pernyata ini sebagai saranan jawatankuasa. Cuma saya nak sebut kalau kita dengar daripada usul, kalau kita dengar secara umum usul yang dibentang oleh Damansara Utama itu mungkin berbunyi secara biasa. Tetapi bila kita baca pernyata, bila disebut DEIG di sini tarik minat perhatian dan orang ramai. YB menarik perhatian orang di luar wartawan semua mendengar. Bermakna usul ini meletakkan petikan yang besar itu atas DEIG. Kalau tidak ada perkataan DEIG saya ingat tidak ada tidak ramai wakil rakyat yang berminat. Waimah kita tengok dalam pernyata yang dulu, Sungai Panjang tujuh hari tujuh malam dalam TV3 wirid tentang DEIG ini tanpa putus. Saya nak menarik perhatian bahawa anak syarikat duduk di bawah MBI 1994. Menteri Besar silih berganti. Kalau dahulu Pelabuhan Klang menjadi Menteri Besar tumpuan

pemerkasaan tu adalah pada MBI. Tetapi di bawah YAB Bukit Antarabangsa kita lihat pemerkasaan adalah di bawah anak-anak syarikat. Kerana dengan sebab itu bila jawatankuasa menggunakan perkataan penambahbaikan kepada siapa? Pada DEIG. Saya tertanya-tanya bagaimana kita nak tambah baik kalau DEIG ni belum beroperasi lagi. Kalau dia beroperasi tahun depan, lima tahun, sepuluh tahun, bawak contohlah, Temasek ke, siapa saja dalam tempoh yang lama, kita boleh menambah baik. Tapi kalau belum beroperasi bagaimana kita nak tambahbaik perkara yang belum beroperasi. Persepsi yang kita terima daripada penyata ini adalah seolah-olah ada perkara yang tidak, yang menghambat perjalanan MBI ini. Paya Jaras, pada saya kita bagi peluang. Kita sempat mengenali tokoh-tokoh di dalam MBI. Saya memuji bahawa pasukan ini diambil secara profesional. Mengikut temu duga secara profesional dan mempunyai kelayakan yang selayaknya untuk duduk di situ. Kerana itulah apabila jawatankuasa ini pertamanya menyatakan dalam 513 dan 514, memberi 2 pilihan; pilihan yang pertama iaitu tutup DEIG ini. 513 itu ataupun 514 kalau nak wujudkan mesti mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan. Saya cenderung bahawa DEIG ini mesti dipertahankan. Kerana apa, kerana hujah yang mengatakan *CSR vs Commercial* ini saya lihat tidak begitu tepat. Kerana fahaman saya setelah saya mendapat maklumat daripada Pegawai Tertinggi Kerajaan DEIG ini adalah untuk menstrukturkan balik anak-anak syarikat yang tidak mencatatkan keuntungan. Ada di kalangan anak syarikat ini yang bersaing di antara satu sama lain. Ada dikalangan anak syarikat ini yang fokusnya telah lari daripada matlamat asal. Kerana itu kalau Damansara Utama atau jawatankuasa ini mahu memperkasakan balik anak-anak syarikat kita kena pertahankan DEIG ini. DEIG ini mesti beroperasi.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Nak minta penjelasan.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDIN BIN OTHMAN: Macam mana usul Damansara Utama nak minta penjelasan pula.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Ya saya nak minta penjelasan apa yang dikatakan. Adakah YB Paya Jaras tengok kalau tiada wujud DEIG penstruktur semula tidak boleh dibuat di bawah MBI. Adakah halangan JP ABASS tidak menghalang tetapi *why....kenapa kena ada DEIG*. Kenapa tidak dibuat penstruktur semula di bawah MBI. Ya, itu persoalannya.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDIN BIN OTHMAN: Ini kena tanya kepada YAB Dato Menteri Besar.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Dan saya rasa dia akan *explain later*.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDIN BIN OTHMAN: Dia akan *explain*, tak apa

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: So, bukan, saya faham.....

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDIN BIN OTHMAN: Tapi saya berhujah, hujah saya adalah berdasarkan pernyata yang dibentangkan pada Dewan hari ini, yang menyebut DEIG, menyebut yang menyebut bahawa seolah-olah MBI hanya menentukan masalah sosial sementara komersial itu telah ditentukan oleh DEIG, itu tidak betul. Saya rasa tujuan asalnya adalah untuk nak selaraskan anak-anak syarikat ini dan saya berpendapat dengan Andalas adalah bahawa kita memberi gambaran seolah-olah anak syarikat kita ini berada di dalam keadaan sangat tidak teratur. Itu gambaran yang kita terima sebab itulah saya melihat kejayaan kita pada hari ini, kejayaan kita itu dividen yang disebut oleh dalam perkara 5.1 kita lupa bahawa program MES, program Jom ‘*Shopping*’, program air percuma, program-program universiti. Ini adalah daripada sumbangan daripada anak-anak syarikat yang diberi kepada MBI. Jadi gambaran yang menyatakan bahawa seolah-olah dividen, seolah-olah anak syarikat ini ‘*totally loss*’ saya ingat saya tidak boleh bersetuju. Yang kedua saya lihat saya nak sebut.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras tolong ringkaskan ada lagi pembahas.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Ya saya ringkaskan saya nak sebut juga kejayaan KSSB memberi sumbangan 86 juta, ini adalah satu rekod yang baik dan 5.2 ada menyatakan tentang Lembaga Pengarah yang menekan soal Lembaga Pengarah bebas atau tidak bebas. Pada saya siapa pun yang duduk di situ yang penting adalah sistem perjalanan SOP sesebuah GLC itu. Dan saya difahamkan bahawa MBI dan pasukannya telah mengadakan SOP dan LOA kepada semua GLC yang sedia ada. Kita minta beri peluang kepada mereka ini untuk buktikan bahawa SOP boleh berada. Kalau SOP ini ada LOA ini ada jelas maka siapa pun yang duduk di situ saya yakin boleh dikawal dengan baik. Yang ketiga, yang terakhir tentang maklumat yang disebut dalam 5.3 dasar ‘*transpercy*’ kepada dewan, saya agak ini bukankah kita telah ada enakmen FOI. Enakmen maklumat kebebasan, kebebasan maklumat saya baca definisi yang saya sebut di dalam enakmen ini bahawa ia melibatkan anak-anak syarikat. Maksud anak syarikat yang disebut di sini adalah syarikat jabatan kerajaan, syarikat yang dikawal oleh kerajaan, apa syarikat milik kerajaan bukankah kita telah ada FOI di sini. Jadi mengapa jawatankuasa ini seolah-olah tidak memberikan keyakinan kepada enakmen yang ada kenapa perlu ada satu usul yang khusus untuk melihat kepada perjalanan anak-anak syarikat yang lain. Secara ratanya Tuan Speaker, Paya Jaras ingin supaya jawatankuasa ini jika ada pernyata-pernyata di masa hadapan memberi satu fakta yang seimbang, tidak memberi gambaran, tidak memberi ‘*clue*’ kepada kawan-kawan kita daripada Sungai Panjang, itu tengok panjang je lehernya itu apa dia nak tengok, seolah-olah kita ini dalam keadaan yang tidak terurus. Ini gambaran yang ketiga jadi saya minta jawatankuasa ini memberi pandangan yang ada pada wakil rakyat di dalam dewan, memberi pandangan yang membina dan saya minta bahawa kita memberi peluang kepada MBI berdasarkan maklumat yang kita terima, memberi

peluang kepada mereka untuk buktikan bahawa anak syarikat ini boleh dibangunkan, boleh dimajukan ke hadapan dengan adanya penstruktur semula DEIG, sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Speaker, saya ingin juga menyokong kertas ini.

TUAN SPEAKER: Lima minit ya.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Saya tidak ada banyak perkara yang saya ingin timbulkan tinggal lagi saya ingin membawa balik perbincangan kita kepada kertas penyata ini yang memang asalnya untuk menstruktur semula anak syarikat. Tetapi bagi saya apa yang dicadangkan ini adalah satu saranan yang boleh diambil pakai oleh MBI di dalam menguruskan MBI dan anak-anak syarikat serta badan-badan berkanun yang ada. Walaupun kita lihat cadangan yang lepas telah diberi dan alhamdulillah saya rasa Jawatankuasa Pilihan JP-ABAS akan terus memberi cadangan-cadangan, ianya sebagai satu medium untuk kita memberikan sokongan dan dukungan supaya kita terus melaksanakan dan mengamalkan, mendukung amal-amal akauntabiliti transparensi dan juga kompetensi ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah pun memberi ulasan pada penyata yang lepas yang mana ulasan itu saya harap pihak pembangkang jangan salah ertikan. Beliau telah menjawab bahawa ianya adalah memadai dengan apa yang Dato' Menteri Besar jawab pada sidang yang lepas. Maknanya penjelasan telah dibuat, kita mohon supaya adanya penjelasan mungkin dalam kertas putih tetapi bagi Dato' Menteri Besar merasakan bahawa telah pun dijawab dan pihak kami menerima ia sebagai satu saranan dan satu tindakan yang telah pun diambil dan apa yang hendak saya cakap di sini kita mestilah melihat penyata ini secara lebih positif. Saya mohon sangat baik pihak kerajaan ataupun pihak pembangkang kita ambil sebagai positif untuk menyediakan satu '*flat form*' dan medium yang lebih '*transferes*' dan lebih berwibawa dalam di dalam menguruskan kerajaan. Ini bukan isu apa nama GLC tersebut. Ini adalah isu meletakkan landasan yang '*proper*' yang betul supaya mana-mana juga GLC atau apa-apa juga penstruktur yang dibuat akhirnya nanti akan mengikut tata kelola yang terbaik yang mana kita semua mengimpikan '*good goverment*' yang sewajarnya diadakan. Jadi saranan yang diletakkan ini pada saya bukan sahaja berdasarkan apakah yang kita dengar dalam pendengaran tertutup itu tetapi sebenarnya ia adalah juga hasil dari perbincangan dengan pihak Audit dan sebagainya. Jadi salah satu perkara yang saya ingin tegaskan di sini Tuan Speaker saya mohon saranan-saranan ini dipertimbangkan untuk dikaji kerana keperluan ini adalah amat penting. Dalam banyak-banyak perkara yang disarankan ini saya ingin memohon supaya pihak kerajaan mewajibkan, atau mewajibkan MBI membentangkan laporan kewangan kepada Dewan Undangan Negeri. Perkara ini tidak dibuat memang tidak terikat selama ini,

jadi itu sahaja nak tegaskan supaya ada suatu usaha daripada pihak kerajaan mungkin mengambil kira tiga saranan yang atas tetapi akhirnya saya nak supaya MBI ini mengemukakan laporan kewangan supaya kita boleh meneliti bahawa dividen-dividen yang kita mahu ianya masuk sebagai CSR kepada kerajaan dan tata kelola ini baik diuruskan dengan baik. Itu sahaja dengan ini saya menyokong penyata tersebut.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: Sungai Panjang.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang lima minit.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: Terima kasih Tuan Speaker, dengan izin saya mengambil bahagian usul no 41 berkaitan dengan penambah baikkan struktur tadbir korporat yang mana ini ada berkaitan dengan perkara-perkara yang disebut Paya Jaras, Sekinchan ada menyebut, Sungai Panjang beberapa kali dalam ucapannya. Tetapi saya nak menyebut satu perkara penting apa yang kita hujah, yang kita perdebatan adalah semua berkaitan dengan dokumen yang ada pada kita iaitu saya merujuk kepada jawatankuasa JP ABAS. JP ABAS yang lepas sebutkan tentang saranan teras dan juga saranan sokongan dan hari ini pihak Speaker menyebut dan merumuskan juga iaitu pihak kerajaan tidak dipaksa untuk menerima saranan-saranan ini disebut di peringkat awal tadi. Dari ini menimbulkan persoalan kepada kita apa masalahnya dengan menerima suatu cadangan dengan membentang satu kertas putih bagi menjelaskan peranan pengurusan dan sistem urus tadbir di DEIG. Apa masalahnya? Kalau itu menjadi suatu permasalahan yang besar saya sebutkan di dalam dewan yang mulia ini mengapa dia menjadi satu masalah dan dalam saranan itu tadi.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang balik kepada saranan dalam penyata.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: Ia di dalam.

TUAN SPEAKER: Maklum balas DEIG tidak ada dalam penyata ini.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: Maksud saya, saya merujuk kepada penghujahan yang dikeluarkan berkaitan dengan urus tadbir korporat. Ok, saya pergi yang kedua disebut beberapa kali dalam saranan-saranan ini bagi pihak saya ADUN Sungai Panjang kita tidak ada masalah untuk membuat penambah baikkan-penambah baikkan. Tetapi di dalam dewan yang mulia ini apa salahnya kita membuat '*check and balance*' dan kalau ada apa-apa isu yang berbangkit sebagai contohnya isu yang kita kemukakan jadi jawab. Jadi saya fikir ini '*flat form*' yang kita ada, tentang sidang media yang disebut beberapa kali saya manfaatkan '*flat form*' sidang media yang ada di Bangunan Annex jadi kalau keadaan itu tidak mahu diguna pakai oleh kami, saya fikir penambah baikkan itu tidak perlu. Dan tentulah sidang media ini berbeza, kalau sidang media yang dibuat oleh.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Mohon mencelah.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: Sidang media yang dibuat oleh Sungai Panjang dan juga sidang media yang dibuat Sekinchan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Mohon mencelah.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: Sebelum sedikit sahaja bab Sekinchan kalau dia buat sidang media besok pagi dia dah sebut itu gurauan sahaja. Jadi ini tentunya berbeza. Yes silakan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Sungai Panjang pertama kali saya mencelah Sungai Panjang sebenarnya. Tapi apa yang ingin saya nak tanya Sungai Panjang boleh tak berjanji di dalam dewan yang mulia ini supaya tidak membelitkan fakta di luar sana. Isu DEIG sebenarnya tidak ada isu tahun lepas, sidang yang lepas, tinggal lagi bila dibelitkan fakta sehingga dapat coverage di dalam TV, berjam-jam di dalam situ saya rasa itu masalah besarnya. Jadi saya mohon Sungai Panjang supaya hari ini berbahas dengan panjang lebar lebih baik, Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Boleh mencelah.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: Pencerahan dia tidak boleh ‘double’ pencerahan Kota Anggerik. Bagi saya buat penjelasan dulu dan saya fikir hari ini barulah hari ini rupanya pengiktirafan kepada kami apa yang kami sebut ini sebenarnya adalah membelit-belitkan keadaan. Walhal apa yang saya sebut itu tidak jauh larinya daripada apa yang disebut dalam saranan teras jawatankuasa teras atau pun saranan sokongan. Yang mana akhirnya hari ini Paya Jaras sudah pun konar 360 darjah dalam hujahnya tidak sama langsung dengan lepas mungkin kerana dapatan-dapatan yang baru yang diterima. Dan kalaulah dapatan-dapatan baru yang diterima itu dikongsikan dengan Sungai Panjang tentulah penghujahan Sungai Panjang hari ini berbeza seperti biasa sebab saya hanya mendapat dapatan apa yang dikemukakan daripada jawatankuasa JP-ABAS. Saya lihat perkara 5.1, 5.12 iaitu bertujuan mengasingkan objektif sosial komersial yang mana ini disebut di dalam beberapa perkara. Tetapi apakah keimbangan kita tidak akanlah di dalam dewan yang mulia ini menzahirkan keimbangan itu merupakan satu kesalahan yang mana kalau disebut di sini ialah akan mengakibatkan perbelanjaan luar bajet yang mungkin tidak akan dibelanjakan mengikut hala tuju polisi dan petunjuk kerajaan negeri seperti yang diluluskan oleh dewan yang mulia ini. Pada saya ini adalah ‘check and balance’ yang sedia ada kalaulah hanya ada satu sahaja Sungai Panjang di sini yang bercakap berkaitan dengan isu ini dan bercakap berkaitan dengan puluhan dan ADUN-ADUN yang lain jadi saya tidak ada masalah kerana pada saya kita berhujah berdasarkan fakta yang sedia ada. Disebut beberapa kali berkaitan

dengan DEIG, disebut yang tidak beroperasi, belum beroperasi tetapi akhirnya sudah beroperasi tetapi pada saya jawablah dengan sebaik mungkin. Dan pada saya kerajaan negeri juga ada media mereka, mereka ada media Selangor Kini mereka, mereka ada media TV Selangor jadi perkara-perkara ini takkanlah saya nak sebut keperluan ADUN Sungai Panjang perlu berdebat dengan Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa. Kan berkaitan dengan isu tata tadbir urus korporat ini daripada saya perkara-perkara ini boleh kita perjelaskan di dalam dewan yang mulia ini pada saya tidak timbul isu masalah, tidak timbul kita isu membelitkan fakta, pada saya bahan yang kita terima ada tetapi walau bagaimanapun saya menyokong jawatankuasa.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang saya nak jelaskan masalahnya bukan buat PC di luar masalahnya ada forum dalam dewan ini yang lebih bagus untuk mendapatkan maklumat tapi Sungai Panjang tidak gunakan forum ini.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: Betul saya gunakan pada hari ini.

TUAN SPEAKER: Untuk isu-isu spesifik Sungai Panjang buat '*press conference*' dekat luar.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: Saya gunakan pada hari ini.

TUAN SPEAKER: Baru lepas ditegur Sungai Panjang belajar.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: Hari ini dah saya gunakan dan semalam juga berhujah.

TUAN SPEAKER: Ok, ok ringkaskan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: Ringkaskan pada saya Tuan Speaker jawatankuasa pilihan penambah baikkan tadbir urus jadi saya menyokong tetapi ini juga tidak menolak, tidak menidakkan pihak kami di Barisan Nasional untuk membuat '*check and balance*' berkaitan dengan isu ini, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kinrara lima minit.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Tuan Speaker, Kinrara ingin turut serta dalam perbahasan dalam usul yang dibawa oleh Damansara Utama. Yang Pertama sekali saya ingin membuat penjelasan bahawa usul ini adalah dipersetujui oleh semua Ahli JP-ABASS dan Damansara Utama hanya membawa usul ini mewakili JP-ABASS untuk membawa usul ini. Yang kedua tentang apa yang disebut tadi oleh Paya Jaras masalah DEIG ini sebenarnya ditimbulkan kerana diputarbelitkan oleh UMNO. Kami menyokong sepenuhnya usaha Yang Amat Berhormat untuk menstrukturkan semula anak-anak syarikat Selangor.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan boleh.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Tunggu saya habis dahulu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ini fitnah ini mana ada UMNO putar belit.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Nanti saya bagi masa, kami hanya, Duduk, saya hanya ada lima minit kami menyokong sepenuhnya usaha Yang Amat Berhormat untuk menstrukturkan semula anak-anak syarikat Selangor dan janji Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk wujudkan satu mekanisme sebelum DEIG bermula untuk beroperasi. Jadi sekiranya ia.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan, saya tidak puas hati kata UMNO memutar belitkan, saya sendiri boleh yang menyokong usul itu. Apa kata UMNO tidak ada kena mengena apa salah UMNO dalam dewan ini Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Tadi Y.B. Permatang sokong secara peribadi bukan UMNO, tadi saya dah cadangkan sekiranya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya dah cakap di dewan.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Sekiranya UMNO setuju dengan penyata ini.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tidak ada. Saya tidak boleh setujulah kalau kata UMNO.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Sedia membantu.

TUAN SPEAKER: Kinrara, Permatang tolong duduk. Kinrara balik kepada saranan dalam penyata.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Penyata ini disediakan dalam satu penerangan pendengaran *open hearing* ya dengan pengurusan. Jadi semua itu ada dirakam sekiranya Paya Jaras mengkhawatir fakta-fakta itu tidak betul saya rasa Paya Jaras boleh minta rakaman itu daripada Dewan. Saya balik kepada saranan saya ingin merujuk kepada saranan 5.1. iaitu Perbelanjaan Luar Bajet *Off Bajet spending* saya nampak saranan ini sebenarnya adalah sangat liberal dan penting. Pagi ini Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah menjawab satu soalan saya bahawa MBI telah memberi sumbangan sebanyak RM8.517 juta sumbangan CSR pada tahun 2015. Dan satu soalan saya soalan bertulis yang saya terima jawapan itu tentang PKNS. Sumbangan CSR yang telah dilakukan oleh PKNS dan anak-anak syarikatnya ini

jawapan yang saya terima. 2013 sebanyak RM26 juta dan 2014 maaf 2013 sebanyak RM26 juta. 2014 sebanyak RM111juta sumbangan CSR. Dan kedua-dua MBI dan PKNS dapat menyumbang satu jumlah CSR yang begitu tinggi setiap tahun. Ini menunjukkan kedua-dua syarikat ini masih mendapat menjana keuntungan yang tinggi dan pengurusannya sebenarnya amat baik. Kami tidak menuduh sesiapa dan tidak khuatir ketulusan sesiapa. Ini adalah satu cadangan daripada saranan-saranan adalah cadangan daripada JP-ABAS. Kerana kami merasa masih ada ruang untuk mempertingkatkan Tadbir Urus Korporat MBI dan anak-anak syarikat Negeri Selangor. Kita boleh nampak, saya balik kepada soalan bertulis yang saya dapat tentang sumbangan CSR PKNS. Kita boleh nampak pada Tahun 2014 sejumlah RM111 juta daripada PKNS telah di belanja untuk CSR. Dan menurut penyata pendapatan PKNS 2014, keuntungan PKNS pada 2014 adalah RM111 juta telah digunakan untuk sumbangan CSR. Persoalan saya ialah siapakah yang luluskan perbelanjaan ini?. Tentunya pengurusan PKNS saya bukan hendak soalkan ketulusan pengurusan tetapi ada tak cara yang lebih baik untuk menggunakan sumbangan sejumlah sebesar RM111 juta. Cara yang lebih baik adalah nilai ini jumlah wang ini diberi kepada Kerajaan Negeri dan biar Kerajaan Negeri membuat keputusan. Di mana kita hendak guna jumlah wang ini untuk CSR dan di bentang dalam perbelanjaan dalam Dewan Yang Mulia ini.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Mohon pencelaan tak bagi saya duduk.

TUAN SPEAKER : Kinrara tak ada masa tahu, Kinrara ada 5 minit

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Kinrara apa yang disebut, apa yang Kinrara sebut itu sebenarnya adalah mempersoalkan ketulusan tapi dengan bahasa yang lebih baik.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Yang ini bukan fasal ketulusan. Saya sebenarnya memuji ketulusan kerana kedua-dua syarikat ini masih dapat menjana keuntungan yang lebih tinggi. Jadi dengan ini saya berharap ini *off bajet standing* atau Perbelanjaan Luar Bajet boleh diperbetulkan dan digantikan dengan bayaran dividen kepada Kerajaan Negeri. Saya ingin merujuk kepada satu lagi soalan yang dikemukakan oleh Damansara Utama tentang keluasan tanah yang dimiliki MBI dan anak-anak syarikatnya. Jawapannya adalah jumlah keluasan tanah MBI dan anak-anak syarikatnya ialah 21,315 ekar. Ini jadi saya nampak adalah sangat penting. Saranan-saranan dalam penyata ini dipandang berat supaya tadbir urus boleh ditingkatkan lagi dan kesilapan-kesilapan dulu seperti pembangunan *joint venture* yang tidak membawa keuntungan yang maksimum kepada Kerajaan Negeri tidak diulang lagi. Jadi inilah saranan-saranan yang dicadangkan oleh JP-ABAS. Sekian sahaja saya menyokong usul ini.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang pembahas terakhir. 5 minit.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kerana memberi peluang saya berbahas. Menyokong usul daripada Damansara Utama. Pertamanya saya ingin ingatkan Dewan Yang Mulia ini bahawa perkara yang berkaitan kepada ketulusan merupakan satu aspek yang sangat penting dalam pentadbiran negeri. Dan saya ingin mengimbau bahawa isu yang telah dikemukakan oleh SELKET tentang salah guna kuasa oleh Kerajaan sebelum ini terhadap PSNB dan anak-anak syarikat sungguh mengagumkan dan memerlukan perbaikan. Dan oleh sebab itu, sejak ditubuhkan di atas dasar ini Mantan Tuan Speaker Sg. Pinang telah mewujudkan 3 Jawatankuasa Pilihan Khas persoalan ABAS saya *point* biar dia tidak komenlah. Dan itu memberi fokus yang lebih tertumpu pada GLC dan sejak 2008 hingga ke hari ini JPK-ABAS dan JP-ABAS telah mengemukakan di Dewan Yang Mulia ini sebanyak 24 usul yang berkaitan dengan GLC. Jadi kalau kita kira bahawa yang dikemukakan pada hari ini menempatkan satu kemuncak yang sangat tinggi iaitu satu pengharapan bahawa MBI mewajibkan MBI membentangkan laporan kewangan kepada Dewan Yang Mulia ini dan memberikan laluan kuasa pada Jabatan Audit Negara untuk mengaudit MBI. Ini merupakan satu hasrat yang sangat tinggi dan sangat murni daripada Dewan agar yang diusahakan berterusan akan dapat mencapai kesudahan yang baik. Kerana dalam konteks Pendengaran Tertutup perbincangan-perbincangan yang kita kumpulkan saya ingin menarik perhatian kepada Dewan yang mulia ini. Bahawa seorang Mantan Menteri Besar Kerajaan Selangor daripada Barisan Nasional pada hari ini telah bersama-sama Pakatan Harapan menegaskan bahawa Nasional di sebalik Kerajaan Selangor pada tahun 80an dan 90an telah mewujudkan GLC adalah untuk (dengan izin) *to bress ni bering* untuk birokrasi. Untuk mencepatkan proses yang melambatkan penubuhan aktiviti-aktiviti perniagaan yang patut dianjurkan oleh syarikat Kerajaan. Itu telah dinyatakan dan hasratnya baik tetapi apabila pengabaian dengan prinsip-prinsip ketulusan ke tahap di mana penyalahgunaan kuasa dilakukan maka berlakulah apa yang sangat sedihkan di mana dalam *conferencing* contohnya dalam memberikan kuasa sewenang-wenangnya telah mengambil tanah guna tanah tanpa dimasukkan ke dalam kiraan buku. Dan oleh sebab itu kita melihat dalam konteks hasrat yang hendak diwujudkan kita mahu mewujudkan ketulusan yang sangat tinggi. Dan Menteri Besar kita percaya pada pembentangan usul GLC dulu kita menyatakan tidak mempersoalkan kebijaksanaan, kewarasan, kewajaran Menteri Besar dalam membuat keputusan dalam mengujudkan DIG. Kerana unjuran kita adalah tahap pengurusan, penstruktur semula GLC Selangor menggunakan MBI. Dan ini adalah pandangan yang kita kongsi daripada Jabatan Audit Negeri Selangor. Dan oleh sebab itu kita melihat bahawa apa yang dilakukan oleh Menteri Besar adalah wajar. Memandangkan pada hari ini operasi belum bermula dan dengan itu kita unjuran ke depan sekiranya operasi bermula kita mencadangkan agar tahap *air Integriti* itu lebih ditingkatkan standard lebih tinggi hingga membolehkan satu kawalan hingga apa yang tak mungkin berlaku dalam perkhidmatan Mantan Menteri Besar Ijok. Dan apa hari ini dan ADUN Pelabuhan Klang yang kita sangka membersihkan penyusunan GLC-GLC kemudian membuat kesilapan dengan menggunakan peruntukan yang

luar biasa dalam membayar *staff* MBI. Jadi perkara-perkara ini kita semua kita kena ambil pengajaran yang mana seorang Menteri Besar.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Yang Berhormat ya. Saya minta pencerahan sikit. Memandangkan Yang Berhormat membangkitkan nama saya, saya terima kasihlah atas penghargaan tersebut. Cuma saya hendak tanya selepas 7 tahun kita tubuhkan jawatankuasa seperti ABAS, PADAT dan sebagainya. Sepatutnya di peringkat jawatankuasa Dewan itu juga harus penambah baik daripada segi tugas kerjanya. Saya hargai banyak laporan penyata telah pun dibentangkan berbanding dengan dahulu tapi yang kita pentingkan bukan sahaja daripada segi kuantiti daripada kualiti juga harus lihat . Bagaimana satu laporan yang baik yang kita harapkan jika ada 3 muka surat kemudian ditambah satu laporan daripada luar yang begitu tebal mengharapkan setiap EXCO dan pegawai meneliti laporan itu sendiri tanpa ulasan daripada jawatankuasa itu sendiri. Jadi saya tidak nampak dahulunya ada satu laporan yang cuma 3 muka surat dan dilampirkan dengan satu rujukan yang tebal dan mengharapkan jawatankuasa Dewan jawatankuasa Kerajaan menerima bulat-bulat. Jadi itu saya minta juga di peringkat jawatankuasa juga harus mempertingkatkan kualiti kerjanya. Kalau hendak hujah, hujah macam mana pun buat hujah dengan baik buat petikan cari daripada laporan tersebut barulah nampak kualiti bukan setakat kuantiti bukan sahaja ketebalan itu. Ketebalan itu kadang-kadang akan menebalkan kita. Menebalkan pemikiran kita. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Sg. Pinang. Memang dalam pembentangan kita laporan JP-ABAS ini biasa antara 5, 7 - 8 muka dengan sokongan CD, bahan-bahan dan sebagainya. Jadi kali ini mungkin ringkas ia merupakan satu yang patut dibaca sekali pada jawatankuasa bersama penyata PJ Sentral berkaitan dengan satu lagi kegiatan GLC dan Perbadanan Kerajaan Negeri Selangor. Jadi saya ucapkan terima kasih Dato' Sg. Pinang kerana sentiasa peka dengan legasi menuju JP-ABAS. Dan dengan itu saya menyokong bahawa kita tidak menimbulkan ketegangan Dewan. Tetapi adakah wajar hasrat Ahli-Ahli Dewan Negeri untuk mewujudkan satu standard ikon Integriti lebih tinggi dan kita mensasarkan ke depan agar semuanya boleh melancar dengan baik. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Sekinchan ya sebagai pembahas terakhir dalam usul oleh Damansara Utama. Saya meneliti usul oleh penyata Damansara Utama saya nampak kewajaran kita perlu *check* dan *balance* yang tulus ya supaya Kerajaan kita lebih proaktif dalam merangka semua dasar GLC dalam badan berkanun. Jadi saya hendak beritahu dalam Dewan yang mulia ini Tuan Speaker tidak pernah dalam sejarah di mana-mana di dalam Dewan-Dewan pun Dewan Negeri Selangor yang paling tulus. Mana mungkin kita bisa boleh mendapat seperti ini dengan cara sedemikian rupa dengan jawatankuasa yang begitu banyak dengan laporan yang

begitu banyak inilah Negeri Selangor kredit harus diberikan kepada Dewan Negeri Selangor. Dan sini juga saya ingin nyatakan, nyatakan di sini bahawa apa yang ditekankan oleh daripada Y.B. Sg. Panjang bahawa DIG ini perlu satu kertas putih saya pun pelik dengar daripada tadi kertas putih, kertas putih ini bukan sahaja bersuara di sini itu baru pertama kali bersuara di sini. Dia bersuara seluruh road show di kampung-kampung tentang kertas putih. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Sg. Panjang

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Mohon mencelah

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Syarikat belum beroperasi belum lagi berjalan syarikat tersebut dia minta kertas putih yang patut diberi kertas putih adalah 1MDB satu Malaysia dalam bahaya.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Mencelah sikit Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Wang sebanyak RM4.2 Bilion telah hampir lesap, tapi sampai sekarang tidak ada kertas putih patut balik beri tahu Najib

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Sabar Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Bagaimana ini kertas putih bagi, tidak ada kertas putih. Ini belum kalau tidak puas hati

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Sekinchan boleh buat penjelasan atau tidak

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tidak bagi

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Ok, terima kasih. Jangan marah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kalaulah tidak puas hati dengan penjelasan Negeri dengan 1MDB pergi buat Suruhan Jaya Pencegahan Rasuah buatlah laporan. Saya lain kali dah cakap dah buat tapi tidak faham lagi Pembangkang ini khususnya Sg. Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Boleh buat penjelasan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ini saya hairan besok lagi keluar opp skandal DEIG

Y.B. TUAN Dr. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker minta mencelah.

TUAN SPEAKER : Saya tengah. Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kota Anggerik.

TUAN SPEAKER : Sekinchan 5 minit tahu.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Jiran Sekinchan. Adakah Sekinchan tahu bahawa SPRM telah pun menyemak fail-fail DEIG. SPRM (Gelak) SPRM didapati tiada kes dalam DEIG. Tetapi yang ada kes ialah dibuang keji yang ada kes dipecat Pendakwa Raya SPRM tiada kes dalam DEIG.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Y.B. Kota Anggerik. Menimbulkan soal SPRM itulah yang saya tegaskan. Apa tujuan apa agenda yang tersirat mengutip Sg. Panjang. Sg. Panjang minta kertas putih tujuannya adalah untuk menimbulkan keraguan. Keraguan kyonnya seolah-olah ada skandal lepas itu hendak pergi road show ceramah ini kerja Pembangkang dahulu sudahlah, sudahlah Sg. Panjang jangan bikin malu orang kampung la...

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Dulu kau pun buat ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Dulu saya pernah buat benda macam itu. Cukup la.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ : Sekinchan dulu boleh buat sekarang kita tak boleh buat ke?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Jadi kita dah buat jadi benda tu tak betul berulang. Tak patut.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ : Sekinchan, ambil ilmu Sekinchan sedikit dulu. Sekinchan kalau tak bagi, Sekinchan.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Cukup la. Jangan jadi Raja Putar Belit.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Lu orang buat muka wa merah lo.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bagi lah mencelah Sekinchan tu. Jiran Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak bagi.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Jiran Sekinchan, jiran.

TUAN SPEAKER : Sekinchan kata tak boleh. Sila duduk.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak bagi. (gaduh). Kota Damansara lagi satu. Kota Damansara tuduh Sekinchan DAP nak ambil tanah orang Melayu, manakah bukti saya ambil tanah orang Melayu? Kita ambil tanah di Sekinchan kita tukar dengan harga yang sama luas yang sama, dari Selangor rekod membuktikan dengan fakta bukan auta.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sekinchan, celahan la Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tanah orang Melayu tak hilang malah lebih. Saya nak cabar Kota Damansara tunjukkan mana Sekinchan ambil tanah orang Melayu tanpa gantian. Ini fitnah jahat daripada UMNO Kota Damansara. Keluar Sinar ini, jangan main *resist*. Jangan main *resist* dalam Dewan. Jangan cuba guna tuduh DAP. Ini tak betul.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Boleh saya mencelah sedikit.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sekinchan bagi lah peluang.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Sekinchan, boleh tak.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ : Tuan Speaker, lebih 5 minit ni.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya *slow*, saya *slow* sebab Kota Damansara nak cuba naik. Ok, saya balik kepada Usul kita, cuba naikkan isu...

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Naik apa, naik apa?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sentimen perkauman, Sekinchan nak tanah orang Melayu ini jahat, sejahteranya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Kalau boleh

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Bagi saya mencelah, bagi saya mencelah. Tak bagi pula.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ini masa saya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Sekinchan.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Tak bagi pula. Takut ke?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Balik kepada tuduhan daripada Permatang...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Pertama kali Sekinchan tak bagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM :mengatakan retorik, ketelusan di Dewan ini retorik,betul-betul retorik PAC di peringkat Parlimen, nak siasat 1MBD tiba-tiba tukar jadi Menteri, itu retorik. Yang ini kita bagi ada perbahasan, ada pertanyaan semua diberi peluang, Pembangkang diberi peluang. Retorik. Jangan jadi jaguh seperti itu. Cukup la seperti itu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak bagi, saya tak bagi.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bagi tuduhan tak berani nak jawab. Bagilah saya mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya tak bagi.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Kata nak bagi pendapat dalam Dewan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya bagi Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Pertama saya nak menjelaskan yang baru ni kalau nak bagi perdebatan ada buat tuduhan dibuat oleh Sungai Panjang, hanya buat PC di luar sedangkan PC nya beroperasi sesiapa pun boleh buat PC. Dia pun berbahas dalam Dewan. Tadi nak berdebat dalam Dewan pula tak bagi. Saya nak tanya ni penjelasan ini fasal *racist* ni. Ya, sebenarnya *racist* ni adakah bukankah Sekinchan sendiri yang mahu supaya oleh sebab BNO itu diduduki ramai oleh kaum Cina di situ maka ditukar namanya. Tidak gunakan nama Noh Omar. Kata Noh Omar ini tidak disukai rakyat. Ini lah sifat *racist*. Apa yang nak ditukar kepada nama Ng Suee Lim?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ini saya jelas. Terima kasih kepada Sungai Burong. Tentang Bagan Nakhoda Omar yang saya cakap itu saya dalam nada yang lawak sebab dia ada kaitan dengan Noh Omar.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ : Eh, mana boleh lawak. Kalau nak lawak masuk Maharaja Lawak. Lawak apa. Ini kat Dewan mana boleh lawak. Kalau dah lawak masuk Maharaja Lawak. Itu *racist*

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tidak ada niat.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang, Semenyih, Permatang...

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Dewan dirakam tau. *Hansard* dirakam. Sekinchan kalau nak buat lawak masuk Maharaja Lawak. Memang *racist*.

TUAN SPEAKER : Semua diam. Siapa Speaker? Kalau nak cakap tanya kebenaran siapa? Apa nama? Sekinchan. Maaf. Habiskan, habiskan cepat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya balik lah kepada tajuk tentang pembangkang. Pembangkang yang nak cuba gunakan DEIG ni untuk cari modal politik. Mereka dah lesu, tak ada modal politik nak gunakan DEIG, tak apalah rakyat tak akan percaya. Percaya orang akan tahu kenapa 1MDB duit pergi ke mana. Itu perlu Kertas Putih. Ok dan saya nak cadangkan kepada Kerajaan Negeri bahawa anak-anak syarikat ini kita perlu pantau khususnya daripada kes-kes mahkamah. Sebab perjanjian yang kita laku itu yang saya khawatir sebab banyak yang saya nampak kes-kes mahkamah kadang-kadang pergi kita kalah. Kita perlu bayar duit yang banyak, ini perkara yang saya lebih ambil perhatian, Jadi saya harap Yang Amat Berhormat dalam konteks penyata ini kena lebih tekan dalam konteks ini. Kalau boleh bincang, kita bincang jangan sampai ke mahkamah kita dah penasihat Undang-undang bagi pandangan nanti akhirnya kita kalah. Itu yang saya cukup risau dalam perkara ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Baiklah pihak Kerajaan, jika ingin membalas. Saya bagi Kerajaan memberi penjelasan dahulu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya telah mendengar dengan tekun dan teliti sama ada pembentangan daripada wakil Jawatankuasa ini dan juga pembahas-pembahas yang lain yang sebahagian besarnya adalah Jawatankuasa itu sendiri yang terlibat dalam perbahasan. Dan ada juga daripada Ahli-ahli Dewan Negeri dan Pembangkang yang sertai pembahasan tersebut. Saya kira tidak ada Kerajaan dalam dunia ini yang bersedia mendengar dengan tekun pandangan-pandangan yang diberikan. Maka tidak benarlah kalau ada andaian atau tanggapan bahawa Menteri Besar ataupun Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ini tidak mengambil sikap terbuka. Kita dengar dan andaian Yang Berhormat Sungai Panjang bahawa 'Apa takut? Ini cadangan penambahbaikan'. Siapa kata kita takut? Kita tidak pernah takut malahan dalam sesi yang lepas saya berdiri selama 37 minit untuk menjawab Jawatankuasa yang sama. Walaupun mengikut Peraturan Dewan saya tidak perlu jawab terus kepada Jawatankuasa dan Penyata yang dibentangkan. Kalau nak ikut peraturan, saya sekadar mengatakan saya ambil maklum, saya akan berikan makluman secara bertulis dalam sesi yang akan datang. Tetapi saya mengambil tanggungjawab untuk menjawab persoalan yang berbangkit kerana saya lihat ada kecenderungan untuk memutar belitkan fakta tentang penubuhan DEIG ini sehingga ianya menjadi satu topik perbincangan yang hebat. Ada pihak yang cuba melakukan *road show* seluruh negeri Selangor, forum setiap malam, kononnya rakyat Selangor mahu mendengar penjelasan tapi saya lihat kerusi lebih banyak daripada orang yang hadir. Sehingga *road show* itu

tinggal *road* sahaja, *show* tak ada. SPRM pun bergegas masuk tapi sekali lagi Kerajaan ini Kerajaan Pakatan Rakyat yang peduli rakyat, yang tidak takut dengan kebenaran. Kita serahkan semua dokumen, kita memberikan kerjasama, kita tidak pecat atau pindahkan Pegawai SPRM dan akhirnya kebenaran tetap kebenaran. SPRM telah pun membuat keputusan bahawa tidak ada salah laku dalam pembentukan dan perjalanan DEIG. Sunyi sepi, Sungai Panjang sunyi sepi, TV3 sunyi sepi, Utusan Malaysia sunyi sepi.

Hari ini berbangkit semula, mereka ada agenda yang tidak sihat. Mereka cuba menenggelamkan Belanjawan Negeri Selangor 2016 yang nyata adalah Belanjawan yang terbaik yang pernah dibentangkan bagi negeri dan rakyat. Tapi saya tidak ada masalah saya nak jawab pada petang ini sekali lagi tak payah tunggu sesi yang akan datang, walaupun saya tahu esok, TV3, Utusan Meloya akan menggunakan perkara ini. Sebab itu saya nasihatkan juga rakan-rakan saya dibelah sini berhati-hati sementara teguran pandangan itu baik tetapi kadang-kadang kita ghairah untuk melakukan sesuatu sehingga kita terperangkap dalam permainan mereka. Saya tidak ada masalah malahan saya nak umumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pengurusan MBI yang baru yang terdiri daripada golongan profesional muda yang kompeten dan wibawa, telah pun, telah pun mengemukakan draf awal penambahbaikan Enakmen MBI kepada Penasihat Undang-undang Negeri dan sedang diteliti oleh Kamar. Dah serah dah. Kalau saya nak gunakan kuasa mutlak Menteri Besar seperti yang dituduh oleh beberapa individu saya tak perlu pinda Enakmen MBI sebab kuasanya besar. Malahan Pelabuhan Klang yang diagung-agung sebelum ini seorang tokoh korporat yang wibawa, yang telus, yang hebat tidak pernah ambil sebarang inisiatif untuk meminda Enakmen MBI. Ini kali pertama semenjak MBI ditubuhkan 1994, Kerajaan inilah yang mengambil keputusan untuk meminda dan menambah baik Enakmen MBI.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Boleh mencelah? Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya rasa yang mengagung-agungkan juga adalah di kalangan Kerajaan bukanlah kami. Sebab tu, lebih-lebih lagi Sekinchan yang memang selalu tepuk meja seperti mana yang ada sekarang. Terima kasih Yang Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tak apa ni peringatan kepada semua. Jangan kita mengagung-agungkan individu tapi kita tengok apa kerja, keikhlasan seseorang itu melakukan. Zaman sebelum 2008 pun menggunakan MBI dan anak syarikat MBI khususnya PNSB sebagai '*political vehicle*' untuk pergi ke *Disneyland*, melawat anak di luar negara. Ini SELCAT telah dapati. Mengapa saya nak pinda Enakmen MBI? Kalau saya nak gunakan kuasa saya, saya tak pinda. Tetapi saya melihat ini sebagai tanggungjawab Kerajaan yang ada sekarang ini adalah Kerajaan yang bertanggungjawab untuk menguruskan aset-aset ini dengan amanah dan telus. Sebab itu kita mencadangkan ditubuhkan DEIG. Jawatankuasa tadi dalam pembentangan merujuk kepada Temasek. Inilah yang dilakukan oleh kerajaan

Singapura sebab MOF, *Minister of Finance (MOF) Inc.* itu tidak boleh terlibat secara langsung dalam perniagaan. Maka diasingkan tugas tersebut. MOF sama juga di Malaysia, ada *MOF Inc.* yang terlibat dari soal dasar kewangan negara tetapi diwujudkan Khazanah bagi menguruskan aset-aset Kerajaan Persekutuan. Di Singapura diwujudkan Temasek bagi tujuan yang sama. Ini lah yang nak dilakukan Kerajaan Negeri Selangor. Di bawah MBI ada 12 anak syarikat tapi saya nak beritahu ada juga silap. PKNS bukan anak syarikat MBI. Janganlah diselitkan dalam perbahasan dikaitkan dengan PKNS, kadang-kadang fakta kita juga tak betul dalam perbahasan. Yayasan Selangor bukan anak syarikat MBI. Namun ada 12 kumpulan anak syarikat MBI yang bertahun-tahun gagal memberikan pulangan dan dividen kepada Kerajaan Negeri. Apakah salah hari ini Kerajaan yang bertanggungjawab untuk menguruskan aset ini secara lebih telus dan terbuka mengasingkan tugas tersebut? Kalau Temasek boleh berjaya mungkin ada satu dua perkara yang perlu diperbaiki, mengapa kita tidak mengambil satu usaha yang lebih inovatif bagi memastikan ada pengasingan dan tidak berlaku pertindihan aktiviti ekonomi melalui pembentukan *cluster-cluster* yang saya sebutkan sebelum ini. Ini yang dilakukan yang telah kita buat DEIG ini telah didaftarkan tetapi operasinya belum bermula, biarlah Kerajaan melihat apakah struktur *Governance* yang perlu dikawal untuk memastikan perjalanan DEIG ini baik. Saya tidak ada masalah kalau Jawatankuasa mencadangkan dibentuk Jawatankuasa Risiko, dibentuk Jawatankuasa Pencalonan, dibentuk Jawatankuasa Tender. Itu lah yang sedang kita lakukan. Kamal sedang meneliti apakah garis panduan dari segi perundangan untuk memastikan DEIG ini benar-benar telus pernah telus dan bertanggungjawab. Beri peluang untuk Kamal menasihati MBI apakah langkah yang terbaik, tetapi kalau dalam saranan atau syor itu seandaian mula ada tuduhan, ada saya kira itu tidak profesional. Syor yang dikemukakan adalah untuk penambahbaikan bukan buat tuduhan dan andaian dan saya berharap perkara ini dapat diberikan perhatian. Saya telah nyatakan tadi umum bahawa pengurusan yang baru telah pun kemukakan draf awal penambahbaikan perjalanan MBI kepada Kamal untuk mendapat nasihat perundangan sebaik sahaja dapat nasihat ini kita akan perkemaskan lagi penstrukturan *governance* dan kita akan maklum kepada Dewan. Ini telah berlaku seperti PKNS, PKNS ini Ahli Lembaga yang datang daripada pimpinan politik hanya 3 orang minoriti yang itu majoriti, daripada Kementerian Kewangan, daripada JKR, daripada Jabatan Perdana Menteri. Kita tidak terlibat dalam jawatankuasa tender, kita tidak terlibat dalam jawatankuasa perolehan dan akaun ini di audit setiap tahun oleh Ketua Audit Negara dan dibentangkan dalam Dewan, kita boleh lakukan tetapi kalau kita nak terperangkap dalam permainan UMNO di DEIG ini sama 1MDB, mana sama, tak sama. Kita tak terima derma, tak ada, kita bersedia di siasat, jawatankuasa boleh panggil PAC, saya minta Sungai Burong dalam sesi yang lepas, terimalah jawatan Ketua Pembangkang sebab saya nak PAC mesyuarat setiap hari, biar saya tak buat kerja Menteri Besar hari-hari mengadap Sungai Burong nak tanya, tanyalah. Tidak ada apa yang akan kita selindung sebab ini tanggungjawab kami kepada rakyat di negeri Selangor, itu sahaja.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Minta penjelasan, oleh kerana keprihatinan yang besar, sekarang ini pun boleh tak minta pengerusi yang sekarang buat juga mesyuarat hari-hari untuk orang kata membuat *auditing*, tak payalah suruh Sungai Burong yang menjadi Ahli biasa, Pengerusi itu arahkan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ini dalam sistem demokrasi kalau UMNO, UMNO faham itu apa demokrasi, demokrasi lah. Demokrasi ini supaya ada *check and balance* biasanya Ketua Pembangkang jadi Pengerusi PAC, jadi sekarang ini masalah UMNO Ketua Pembangkang pun tak ada. Tak apalah lantiklah Pelabuhan Klang sebagai Ketua Pembangkang, apa salahnya? Kalau UMNO yang 12 ini tak ada calon, tak layak lantik Pelabuhan Klang, biarlah dia jadi Ketua Pembangkang, dia jadi Pengerusi PAC hari-hari kita boleh adakah mesyuarat. Berbeza dengan 1MDB, mesyuarat pun tak berani, dipanggil pun tak datang, bertolak dalih jangan samakan 1MDB adalah skandal kewangan rompakan yang terbesar dalam dunia pada hari ini.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Minta penjelasan sedikit, saya nak balik ke belakang sedikit kerana isu mengenai Ketua Pembangkang, yang tadi saya dah bangkitkan yang di bawah dalam jawatankuasa ini oleh Pandamaran tetapi saya bukan isu ini kenapa satu jawatan yang tidak di Enakmenken dalam Peraturan tidak ada Peraturan tidak ada dalam Peraturan Tubuh tetapi diberikan satu jawatan sebagai Ketua Pembangkang. Sebelum ini pun kita ada lantik Ketua Pembangkang tak ada isu pun kecuali Dewan sedia melantik masukkan dalam Peraturan Tetap Ketua Pembangkang, bersekali dengan Pengerusi-pengerusi PAC tak ada masalah kami boleh terima. Itu sepatutnya yang sepatut Pandamaran ingat bahawa Usul Dewan itu sepatut halangannya jadi ada penambahbaikan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Permatang kalau itulah halangannya kenapa terima kereta baru ini, kenapa Sungai Burong terima kereta untuk seminggu.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Ini tuduhan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ini sebenarnya tahan wahyu daripada Tanjung Karang, takut dengan Tanjung Karang. Tanjung Karang kata pulangkan kereta, pulangkan kereta Tanjung Karang kata jangan terima, Sungai Burong, Sungai Burong...

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Jangan buat tuduhan tak betul. Ingat saya dapat kereta telah lama, kereta ini telah lama dapat sebab saya Ketua Pembangkang jadi bila saya dah tak jadi Ketua Pembangkang biasnya ialah memulangkan kereta tersebut dulu kereta lama kemudian Yang Berhormat jadi Menteri Besar baru bagilah kereta baru. Itu tak masalah kereta lama dengan kereta masa itu saya jadi Ketua Pembangkang tapi bila saya tak jadi Ketua Pembangkang

maka saya serahkan kereta itu. Itu kronologinya itu.. jangan orang kata dituduh, nak di manipulasi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Maknanya....

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: *In good faith*, tau dengan izin. Prasangka dengan niat baik, saya menyerahkan kereta ini balik dengan niat baik sebab saya tidak lagi menjadi Ketua Pembangkang.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Sungai Burong dah.... lain kali bila Sungai Burong nak cakap orang putih ini izinkan dulu, izinlah, terima kasih, baiklah tak apa. Maknanya Sungai Burong pernahlah terima jawatan Ketua Pembangkang walaupun ia tidak di Enakmen kan, betul? Betullah Permatang dengar itu? Dia orang tua, dengar orang tua. Baiklah tak apa Yang Berhormat Tuan Speaker saya nak rumuskan ini daripada Perbahasan hari ini dan juga sesi yang lepas, apa rumusan kita dapat? Umumnya Dewan ini menerima kenyataan bahawa ada kewajaran untuk DEIG ini ditubuhkan bagi tujuan fokus kepada hasrat yang dinyatakan oleh Kerajaan negeri iaitu untuk menguruskan aset-aset milik MBI ini bagi mencapai penciptaan nilai yang kukuh dan mampan *substable value creation*. Itu kita terima melainkan Sungai Panjang atau Permatang nak putar belitkan kenyataan tapi Dewan terima hakikat dengan fakta yang ada, pengalaman selama hari ini yang menyebabkan anak-anak Syarikat ini walaupun asetnya besar tetapi tidak memberikan pulangan yang baik, adakah wajar dan inilah amalan yang telah dilakukan oleh negara-negara termasuk Malaysia. Cuma yang dibahaskan ialah bagaimana DEIG ini boleh diurus dan ditadbir dengan bertanggungjawab, telus dan terbuka. Inilah yang sedang dilakukan oleh Kerajaan negeri yang saya nyatakan tadi, kita telah kemukakan draf awal tentang penambahbaikan supaya Kamar dapat menasihati Kerajaan negeri dan MBI bagi tujuan yang berkenaan. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi:-

“ Bahwasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Saranan Penambah baik Struktur Tadbir Urus Korporat Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) dan Anak-anak Syarikat yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 87 Tahun 2015 ”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. **USUL INI DIPERSETUJUI.**

SETIAUSAHA DEWAN: Usul No. 42 Tahun 2015, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

TUAN SPEAKER: Baiklah Kampung Tunku tidak hadir, saya gugurkan Penyata ini, persilakan Setiausaha Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya, Usul No. 43 Tahun 2015, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

TUAN SPEAKER: Saya gugurkan juga.

SETIAUSAHA DEWAN: Seterusnya, Usul No. 44 Tahun 2015, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:- “Bahwasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Program di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 90 Tahun 2015”

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pendengaran telah tutup, program yang di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa dan Kampung telah pun berjalan dengan baik dan 3 peranan telah kami catitkan dalam Jawatankuasa tersebut. Yang pertama peranan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa. Yang kedua peruntukan pembangunan tahun 2015 dan yang ketiga pelaksanaan dan peruntukan program. Jawatankuasa merasakan semua pun telah pun diedar kepada Yang Berhormat sekalian jadi saya untuk meringkaskan terus kepada saranan jawatankuasa. Yang pertama Kerajaan negeri hendaklah menyelesaikan masalah infrastruktur dengan menyediakan akses jalan kepada kawasan kampung pembinaan fasiliti seperti bekalan elektrik dan air serta akses kepada teknologi maklumat bagi menjana ekonomi setempat. Yang kedua jawatankuasa menyarankan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa hendaklah mengkaji semula fokus dan teras program-program yang sedang dilaksanakan dan merangka program yang bukan sahaja memberi tumpuan kepada pembinaan kemahiran yang khusus tetapi kemahiran berfikir dan kreatif. Contohnya program perniagaan yang mengajar dan menggalakkan pengguna sumber kewangan yang efektif dan permasalahan produk yang sesuai. Yang ketiga Kerajaan Negeri hendaklah merangka program di mana dia *local knowledge* penduduk kampung dalam bidang perubatan tradisional kemahiran dalam kraf tangan, pertanian dan

TUAN SPEAKER: Seri Serdang tak payah baca semua saranan, semua sudah ada. Bahas.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Terus bahas, oleh itu Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan setelah kita edarkan perkara ini dan saya rasa perkara ini telah pun kebanyakannya dicadangkan oleh Jawatankuasa telah pun di gulung waktu penggulungan EXCO baru ini. Banyak telah pun melakukan perkara-perkara yang di mohon oleh Jawatankuasa, jadi saya mohon supaya Usul ini disokong, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Penyokong.

PENYOKONG: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Baiklah saya buka untuk dibahaskan. Pihak Kerajaan ada sesiapa yang ingin memberi penjelasan?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih, Tuan Speaker, saya mengucap terima kasih kepada JPK-Pembasmian Kemiskinan. Untuk makluman bahawa sebenarnya tidak ada peruntukan kursus di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa Kampung Tradisi peruntukan pembasmian kemiskinan kian pun begitu beberapa incentif yang telah diambil dan sedang berjalan pada masa ini. Saya akan mengambil maklum atas saranan-saranan yang disarankan oleh Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan ini dan *Insya-Allah* saya akan memberikan jawapan kerana sebahagian besar pun sudah berjalan di dalam Sidang yang akan datang, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi:-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Program di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 90 Tahun 2015”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. **USUL DIPERSETUJUI.**

TUAN SPEAKER : Baiklah Setiausaha Dewan tunggu sebentar saya persilakan Dato' Menteri Besar untuk membawa Usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa suatu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“ Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung Persidangan sehingga selesai semua Urusan Dewan ”.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. **USUL INI DIPERSETUJUI.**

TUAN SPEAKER: Silakan Setiausaha Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul no. 45 tahun 2015, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“ Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Negeri Pejabat Tanah dan Daerah (JP-PADAT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Masalah Kecurian Pasir di Kawasan Pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah di Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 83 Tahun 2015 ”.

Tuan Speaker dan Ahli Dewan sekalian, Penyata ini secara khususnya membentangkan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh beberapa Pejabat Daerah dan Tanah antaranya Pejabat Tanah dan Daerah Petaling, Gombak, Hulu Langat, Klang, Kuala Langat dan Kuala Selangor. Dan pembentangan penyata ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Kerajaan Negeri berkaitan dengan masalah berkenaan dan mengemukakan syor perlu diambil supaya masalah kecurian dan *stok pile* pasir secara haram dibendung dan elak kehilangan. Berdasarkan kepada penemuan dan fakta jawatankuasa menyarankan 12 saranan dan 2 saran utama daripada Jawatankuasa adalah berhubung dengan penguatkuasaan yang perlu daripada Jawatankuasa adalah berhubung dengan penguatkuasaan yang perlu dikuatkuasakan di samping menyarankan juga kepada Kerajaan negeri mempertimbangkan supaya unit penguat kuasa ini diberikan perlindungan yang sewajarnya sama ada dalam bentuk insurans atau pun ganjaran atau pun insentif yang setimpal. Keduanya Kerajaan Negeri melalui PPGS diharapkan mendapat dasar atau polisi yang jelas mengenai isu *stok pile* pasir laut. Memandangkan setengah PDT merasakan bahawa Pekeliling dari Pejabat Tanah dan Galian Selangor Bilangan 2.2014 hanya terpakai untuk aktiviti *stok pile* pasir. Di samping itu juga, saranan jawatankuasa supaya teknologi-teknologi terkini dapat digunakan bagi

keberkesanan penguatkuasaan di peringkat penguat kuasa. Berdasarkan kepada perkara-perkara tersebut Gombak Setia mencadangkan penyata ini, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Penyokong.

PENYOKONG: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Baiklah Usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan. Pihak kerajaan jika ingin memberi penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, penyata yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Gombak Setia ini akan diberikan perhatian serius oleh Kerajaan Negeri kerana pastinya aktiviti kecurian pasir ini akan memberi kesan ekonomi kepada negeri dan juga rakyat negeri Selangor dan semua saranan dan syor yang dikemukakan akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi:-

“ Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah dan Daerah (JP-PADAT) bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Masalah Kecurian Pasir di Kawasan Pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah di Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 83 Tahun 2015 ”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul No. 46 Tahun 2015, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“ Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan P.J. Sentral Development Sdn. Bhd. (PJ Sentral) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 86 Tahun 2015 ”.

Tuan Speaker Kertas Bilangan ini telah menulis apa yang siasatan dan penemuan yang kita daripada kes P.J. Sentral Development Sdn. Bhd. dan saya tidak berhasrat

untuk berbincang panjang. Cuma nak menegaskan di sini bahawa JP-ABAS menulis semua laporan berdasarkan verbatim-verbatim yang di bawah oleh saksi-sakti yang kita *summon* di pendengaran tertutup dan fakta-fakta di P.J. Sentral juga disahkan oleh saksi-saksi juga so saya rasa bahawa tuduhan yang bahawa ini tidak menurut fakta itu tidak munasabah sebab apa yang kita letak di laporan kita adalah verbatim dari saksi. Jikalau saksi yang salah bermakna verbatim itu yang salah kalau bukan jawatankuasa yang buat pendengaran yang buat *interpretation* dengan izin *our self*. So saya harap Dewan yang mulia ini boleh menerima dan membaca dan pasti bahawa semua fakta-fakta laporan yang di bawah ini adalah berdasarkan verbatim jika tidak percaya boleh mendengar verbatim-verbatim di cd. Sekian sahaja Damansara Utama memohon mencadang.

TUAN SPEAKER : Penyokong

PENYOKONG : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Baiklah Usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan. Pihak kerajaan jika ingin memberi penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Damansara tadi penyata ini berdasarkan keterangan dan kenyataan yang diambil secara verbatim daripada beberapa orang saksi. Kerajaan Negeri ingin mencadangkan untuk menambah baik jawatankuasa ini dan Penyata yang dibentangkan, saya akan mencadangkan kepada Penasihat Undang-undang Negeri untuk menulis surat kepada Ketua Hakim Negara bagi mendapatkan semua bahan-bahan bukti, keterangan nota prosiding dan juga alasan penghakiman dan diserahkan keseluruhan dokumen ini kepada jawatankuasa untuk diteliti kerana kes ini telah pun dibawa ke Mahkamah sehinggalah ke peringkat *Court* dan sudah tentulah keterangan yang telah dibentangkan di dalam prosiding ini satu keterangan yang bersumpah.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya minta celah sedikit, saya nak beri penjelasan, yang kes prosiding itu kita sudah dapat dokumen tersebut.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Okey, kalau jawatankuasa dah dapat saya kita elok kita teliti secara verbatim setiap keterangan yang diberikan untuk tindakan selanjutnya, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi:-

“ Bahwasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) bagi Dewan

Negeri Selangor berkenaan P.J. Sentral Development Sdn. Bhd (PJ Sentra) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 86 Tahun 2015”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata TIDAK. Usul dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat Usul No. 47 Tahun 2015, seterusnya Usul Pelantikan Dua (2) Orang Ahli Dewan Negara Bagi Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dimaklumkan dua (2) orang Ahli Dewan Negara bagi Negeri Selangor Darul Ehsan iaitu Yang Berhormat Senator Mohan a/l S. Thambirajah dan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali yang dipilih oleh Dewan Negeri Selangor menurut Perkara 45(1) dalam Perlembagaan Persekutuan akan tamat tempoh perkhidmatan mereka sebagai Ahli Dewan Negara mulai 6 Disember 2015.

Mengikut Peruntukan subperenggan 1(2) Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan, pemberitahu berhubung perkara ini telah dihantar kepada semua Ahli Yang Berhormat bagi mengemukakan pencalonan. Saya telah pun menerima dua (2) pencalonan bertulis yang telah dicadang dan disokong oleh Yang Berhormat Ahli- ahli Dewan Negeri dan juga telah diterima dan ditandatangani oleh kedua-dua calon tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mengikut subperenggan 1(2) Jadual Ketujuh, Perlembagaan Persekutuan, hendaklah diadakan undian bagi memilih calon yang diumumkan. Bagi maksud ini, nama-nama ahli mengundi sekali bagi setiap kekosongan. Oleh sebab ada dua kekosongan bermakna tiap-tiap Ahli Yang Berhormat berhak mengundi sebanyak dua kali sahaja. Baiklah, sekarang saya mempersilakan pencadang pertama Yang Berhormat Sungai Pinang untuk mengemukakan cadangan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan “ Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan memilih Senator Chandra Mohan a/l S. Thambirajah sebagai Ahli Dewan Negara mewakili Kerajaan Negeri bagi tempoh selama tiga (3) tahun.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Encik Chandra Mohan a/l S. Thambirajah merupakan seorang aktivis hak pekerja yang mempunyai pengalaman yang melebihi tiga puluh tahun. Beliau pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Politik selama 18 tahun kepada mendiang Dr. V. David, seorang bekas Ahli Parlimen dan pejuang pekerja yang terkena. Beliau menyertai pergerakan pekerja melalui Kesatuan Pekerja Pengangkutan (*Transport*

Worker Union) dan menjadi Pegawai Perhubungan Perusahaan Kesatuan ini selama 18 tahun, iaitu mulai tahun 1977. Dalam 18 tahun ini, beliau bersama-sama dengan tokoh-tokoh TWU lain telah memperjuangkan pelbagai isu berkaitan dengan hak dan kebijakan pekerja, termasuk gaji minimum.

Dari segi latar belakang akademik, Encik Chandra Mohan memegang Ijazah Sarjana Sains dari Universiti Western Sydney, Australia dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengurus Sumber Manusia selama dua belas tahun.

Penglibatan dan pengalamannya dalam bidang pengurusan sumber manusia dan berhubungan perusahaan menyebabkan beliau dilantik sebagai Ahli Panel Mahkamah Perusahaan selama 11 tahun, iaitu daripada tahun 1997 sehingga 2008. Sehubungan dengan itu, Encik Chandra Mohan dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa ATP, Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) atau *Human Resource Development Council*, sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia. Beliau memegang jawatan ini selama 5 tahun.

Sejak tahun 2000, beliau dilantik sebagai pensyarah sambilan dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia dan Pengurusan Perhubungan Perusahaan di sebuah Universiti swasta Selangor.

Encik Chandra Mohan juga telah berkhidmat sebagai Ahli Majlis di Majlis Perbandaran Kajang sejak tahun 2008 sehingga 2012. Di samping itu beliau pernah menjadi penasihat kepada beberapa Persatuan Penduduk dan institusi tempatan. Dari segi penglibatan politik pula, beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengerusi dan juga Setiausaha DAP Selangor. Kini beliau adalah Bendahari DAP Bahagian Hulu Langat dan juga Pengerusi DAP Cawangan Sungai Chua, Kajang.

Pengalamannya yang luas dalam bidang perjuangan pekerja dan perkhidmatan kepada rakyat merupakan *credential* ataupun kelayakan bagi beliau untuk dilantik sebagai Ahli Dewan Negara. Beliau juga merupakan Ahli Dewan Negara pada 17 Disember 2012 sehingga 16 Disember 2015

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini saya memohon mencadangkan.

TUAN SPEAKER: Penyokong.

PENYOKONG: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Untuk Pemilihan Ahli Dewan Negara seterusnya dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, saya memohon mencadangkan

" Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan memilih Dr. Mohd. Nor Monutty @ Muhammad Nur Manutty sebagai Ahli Dewan Negara mewakili Kerajaan Negeri bagi tempoh selama tiga (3) tahun "

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Dr. Mohd. Nor Monutty @ Muhammad Nur Manutty mempunyai Sm.Pi (Sarjana Muda Pengajian Islam) dalam bidang Usuluddin & Falsafah) dari Fakulti Pengajian Islam, UKM pada tahun 1974. Beliau merupakan pemegang Master dalam pengajian Agama, Jabatan Pengajian Agama, dari Universiti Temple, Philadelphia, Amerika Syarikat pada tahun 1978. Beliau juga merupakan pemegang Ijazah Kedoktoran (Ph.D) (Pemikiran Islam & Perbandingan Agama), dari Universiti Temple, Philadelphia, Amerika Syarikat. Antara lain belia adalah aktiviti sosial, ahli akademik serta tokoh politik.

Dalam Bidang Pendidikan, Dr. Mohd. Nor Monutty @ Muhammad Nur Manuth menyumbangkan khidmatnya sebagai Pengajar Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam (UKM) dari 1974 hingga 1978, Pensyarah Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam (UKM Bangi) 1978 hingga 1983, Pensyarah Kanan, Markas Ilmu Teras Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 1983 hingga 1990, Profesor Madya Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Gombak, 1990 hingga 1999, Perunding Pendidikan Islam *Muslim Convert Association of Singapore*, Singapura dari tahun 2000 hingga 2010, Pensyarah jemputan *Markfield Institute of Higher Education* untuk sekolah pengajian siswazah, Markfield Leicestershire United Kingdom dari Jun hingga Disember 2005, *Fellow Academic Kanan*, Akademik Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS) Selangor 2008 hingga 2012. Profesor Madya Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial Unisel di Bestari Jaya dan Shah Alam Selangor, 2013 hingga sekarang dan Pegawai Dasar Agama kepada Menteri Besar Selangor Januari 2015 hingga sekarang.

Antara buku-buku yang ditulis oleh beliau berjudul *Anugerah Islam kepada Tamadun Islam dan Demokrasi, Polimik Kalimah Allah Antara Targhib dan Tarhib dan Pemikiran Makasid Shariah Al-Raisum*. Dr. Muhammad Nur Manutty telah lama berkecimpung dalam politik. Beliau merupakan salah seorang pengasas Parti Keadilan Nasional dan lain-lain jawatan yang dipegang adalah Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi dari tahun 1999 hingga 2002, Ahli Majlis Pimpinan Pusat 2008 hingga sekarang, Ahli Biro Politik 2008 hingga 2014 dari Oktober 2015 hingga sekarang. Ketua Penerangan Keadilan Pusat daripada 2010 hingga 2014, Pengurus Majlis Pimpinan Keadilan Negeri Perak 2010 hingga sekarang, Ahli Majlis Presiden Pakatan Rakyat Pusat 2011 hingga sekarang, Ahli Majlis Pakatan Rakyat Negeri Perak 2010 hingga sekarang, Pengurus Biro Pemahaman dan Pemantapan Agama 2013 hingga sekarang. Beliau juga terlibat dalam dunia antarabangsa iaitu sebagai

Pensyarah undangan di program-program perkadiran kepimpinan HFSO dan WAMY berpangkalan di Kuwait dan Riyadh Saudi Arabia, Pensyarah undangan program dakwah di Akademi Dakwah Universiti Islam Antarabangsa Islamabad dan Pakistan dan Dewan Dakwah Islamiah, Jakarta Indonesia 1990 hingga sekarang. Berantisipasi sebagai pembentang kertas-kertas kerja dalam *Conference E-Conference* tempatan, serantau dan antarabangsa seperti Islam dan isu-isu demokrasi, dialog peradaban pendidikan Islam. Antaranya Persidangan Parlimen Dunia mengenai agama-agama di Barcelona, Sepanyol tahun 2005, Persidangan memperingati *Badiuzzaman Al-Nursi*, Istanbul Turki 2007, Persidangan Antarabangsa memperingati 30 tahun *Malik bin Nabi* anjuran Majlis Tertinggi Islam Algeria, tahun 2008, Sidang Meja bulat antara sarjana-sarjana Islam Iran bersama sarjana Islam Jepun anjuran Kementerian Rural Tehran, Iran 2008, Persidangan Antarabangsa agama, keamanan dan cabaran globalisasi anjuran Universiti Kuwait 2012 dan Persidangan Antarabangsa *Hospitality in ... and Asian Cultures* anjuran *University Mahidul* Bangkok, Thailand 2013.

Beliau turut memegang jawatan dalam aktiviti sosial seperti berikut Setiausaha Agung PKIM, Presiden ABIM, Timbalan Presiden Wadah, Pencerdasan umat, Ahli Badan Perunding Islam Malaysia, Ahli Lembaga Pengarah IKIM, Ahli Lembaga Pengarah IKD, Ahli Syariah Koperasi Belia Islam ABIM, Ahli Lembaga Penasihat Akademik Kolej Darul Hikmah Kajang, Ahli Majlis Syura kerajaan negeri Pulau Pinang, Pengarah Casmec (*Centre For Studying in Modernity in Civil Society Petaling Jaya*) 2000 hingga sekarang. Di dalam bidang pentadbiran, beliau memegang jawatan sebagai Dekan Hal Ehwal Pelajar Universiti Islam Antarabangsa pada tahun 1990 hingga 1995 dan juga sebagai Dekan Pusat Pendidikan Lanjutan dan Khidmat Masyarakat Universiti Islam Antarabangsa pada tahun 1995 hingga 1999. Beliau telah dianugerahkan *Bintang Paduka Curah Simanja Kini* oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada tahun 1996. Pengalamannya yang luas dalam bidang dunia keilmuan dan pendidikan Sebaran Islam dan Kesefahaman Antara Agama serta khidmat kepada masyarakat merupakan *credential* ataupun kelayakan bagi beliau untuk dilantik sebagai Ahli Dewan Negara. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Menyokong?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang berhormat sekalian, kedua-dua cadangan ini telah pun disokong. Sebelum undian dijalankan, saya melantik wakil-wakil untuk mengira undi mengikut bahagian. Blok A, sebelah kanan saya, Yang Berhormat daripada kawasan Bukit Lanjan. Blok B, depan saya, Yang Berhormat daripada kawasan Sekinchan dan Blok C, sebelah kiri saya Yang Berhormat daripada kawasan Sungai Burong. Ketua-ketua Blok, diminta menandakan (ketawa), ketua-ketua Blok diminta menandakan *tick* untuk yang bersetuju dan X yang tidak bersetuju di dalam borang

yang disediakan. Saya meminta untuk pengundian dibuat sekarang. Ahli-ahli yang Berhormat yang menyokong Senator Chandra Mohan a/l S. Thambirajah, sila bangun. Ketua Blok sila catat. (Ahli dewan ketawa) Yang berdiri letak *tick*, yang tidak berdiri letak X. Yang berdiri, letak *tick*, yang tidak berdiri letak X. Tolong maklumkan kepada saya apabila selesai dibuat pengiraan. Blok A, selesai.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Selesai Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Selesai. Blok C, selesai. Blok B selesai. Bila selesai boleh duduk. Tuan Speaker tak perlu. (Ahli dewan ketawa). Biarkan (ketawa). Baiklah, kalau selesai boleh duduk dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong Dr. Muhammad Nor Manuty, sila bangun. Ketua Blok sila buat pengiraan. Yang bersetuju, yang berdiri letak *tick*, yang tidak bangun, letak X. Baiklah, Ketua Blok yang telah selesai sila kemukakan borang undian tersebut kepada Setiausaha Dewan sekarang. Setiausaha Dewan sila buat pengiraan undi. Keputusan pengundian, pemilihan Ahli Dewan Negeri adalah seperti berikut, satu, Senator Chandra Mohan a/l S. Thambirajah 38 bilangan undi. Nombor dua, Dr. Muhammad Nur Manuty @ Muhammad Nur Manuty bilangan undi 38 (ketawa) maaf. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini Dewan Negeri Selangor mengisyiharkan bahawa Senator Chandra Mohan a/l S. Thambirajah dan Dr. Muhammad Nur Manuty @ Mohd Nur Manuty dipilih sebagai Ahli Dewan Negara mewakili kerajaan negeri Selangor (Ahli dewan tepuk tangan) untuk tempoh selama 3 tahun. Setiausaha Dewan untuk Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul No. 48 Tahun 2015, Usul di bawah Peraturan Tetap (26) oleh Yang Berhormat Sri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :

“ Bahwasanya dewan yang mulia ini mendesak kerajaan Persekutuan untuk memberi rawatan perubatan dengan segera kepada Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Penasihat Ekonomi Negeri Selangor ”.

Tuan Yang Dipertua Speaker, saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini untuk mendesak kerajaan Persekutuan untuk memberikan rawatan perubatan dengan segera kepada Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Penasihat Ekonomi Selangor. Pada hari ini, telah genap 277 hari Dato’ Seri Anwar Ibrahim dipenjarakan sebagai tahanan politik oleh Mahkamah Kerajaan Malaysia. Seperti yang kita maklum, pemenjaraan beliau bukan sahaja dikecam di dalam negara malah di seluruh dunia. *NST International* pada Februari yang lalu menjustifikasi Dato’ Seri Anwar Ibrahim sebagai seorang tahanan politik dan berkata keputusan Mahkamah adalah satu perhakiman yang amat buruk dan hanya merupakan lembaran terbaru dalam usaha

kerajaan Persekutuan untuk mendiamkan pengkritik kerajaan. Begitu juga dengan Kumpulan Kerja Penahanan Arbitrary (PBB) *United Nations Working Group on Arbitrary Detention*, ini yang dipanggil sebagai *UNGWD*, dengan izin Speaker, *is a fine member independant than impartial body. Approved by the United Nations Human Rights Council and is currently composed an expert from Australia, Berlin, Mexico, South Korea and Ukraine. It is mandated to consider and render opinion about alleged cases of arbitrary detention. The government of Malaysia holds a seat on the UN Human Rights Council from 2006 until 2013. As such, we believe that the Malaysian Government should abide by this opinion and its recommendations.* Dari segi *recommendation* yang telah dibuat oleh *UNGWD* ini ialah nombor satu, Dato' Seri Anwar Ibrahim dipenjarakan secara *arbitrary*, ragu-ragu atau sewenangnya. Dinafikan hak perbicaraan yang adil, dipenjarakan kerana sebab-sebab politik, dinafikan hak rawatan menurut *International Prohibition Against Torture or Other Cruel Inhuman or Degrading Treatment*. Dan ini telah menunjukkan adalah untuk membebaskan Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan serta-merta, kita tanya dan memastikan hak politik beliau yang dirampas dikembalikan. Walaupun penerimaan desakan dan tekanan yang hebat dari pelbagai pihak, kerajaan Persekutuan masih lagi tidak berganjak dengan keputusan mereka, keadaan kesihatan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Sejak penahanan Dato' Seri Anwar Ibrahim Februari lalu, keadaan kesihatan beliau semakin merosot. Seperti yang dimaklumkan secara lisan oleh doktor yang merawat, tekanan darah beliau tidak normal. Terdapat pertumbuhan di atas buah pinggang, ligamen yang koyak pada bahu, artritis yang kronik dan berat badan yang menyusut sekurang-kurangnya 6 kilogram. Kemerosotan kesihatan beliau adalah serius dan perlu dirawat segera. Walaupun beliau memerlukan perhatian dan rawatan perubatan dengan segera, Dato' Dr. Jayandran Sinnadorai yang merupakan doktor yang dilantik oleh Kementerian Dalam Negeri untuk memantau Datuk Seri Anwar Ibrahim berulang kali manafikan rawatan yang perlu diberikan kepada beliau. Dan yang paling kritikal *recommendation* menjalani rawatan fisioterapi setiap minggu, fisioterapi secara intensif telah dicadangkan semenjak bulan Mac lagi oleh doktor orthopedik yang akan mengurangkan kesihatan dan mengekalkan mobiliti dan kekuatan otot tetapi telah, telah acap kali ditanggungkan atas arahan Dr. Jayandran. Kesannya, kecederaan dan kesakitan yang dialami oleh Datuk Seri Anwar meningkat. Yang mana Dr. Jayandran hanya memberikan ubat tahan sakit sahaja. Bukan memastikan fisioterapi intensif di hospital buat Datuk Seri Anwar. Oleh kerana campur tangan politik dan gangguan tidak profesional oleh beliau, pihak untuk rawatan perbedaan untuk Datuk Seri Anwar juga amat terhad sekiranya. Dr. Jayandran masih lagi membuat keputusan berkenaan penjagaan sebelum dan selepas perbendaan. Dr. Jayandran sudah mempunyai sejarah layanan yang buruk kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim sejak tahun 2003.

Memburukkan lagi masalah kesihatan beliau adalah tempat kurungan bersendirian dalam satu sel kosong dengan baldi untuk mandi, tandas cangkung dan dalam keadaan panas dan lembap dengan pengudaraan yang minimum. Maklum balas

dari kementerian, maklum balas dan tindakan dari Kementerian Dalam Negeri apabila masalah kesihatan Datuk Seri Anwar Ibrahim ini diketengahkan dan didesakkan berulang kali oleh para peguam yang mewakili beliau, Kementerian Dalam Negeri melalui Timbalan Menterinya Dato' Norjaslan Mohamad mengatakan Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima rawatan istimewa yang tidak diberi kepada banduan lain. Ini adalah tidak berasas sama sekali kerana keadaan kesihatan Datuk Seri Anwar bukan bertambah baik tetapi bertambah merosot. Ini adalah kerana mungkin tafsiran rawatan istimewa yang berbeza yang dilaporkan kepada Dato' Norjaslan. Bagi Dato' Norjazlan fisioterapi sebanyak 10 kali itu, dipenjara dan tempoh lapan bulan mungkin sudah dianggap istimewa sedangkan hakikatnya rawatan berkenaan sangat sedikit dan tanpa melengkapkan yang sempurna seperti di hospital untuk memastikan kesihatan Datuk Seri Anwar terjamin. Saya ungkap kembali fisioterapi di penjara hanyalah 10 kali saja sejak 10 hari bulan hingga sekarang. Ini bermakna rawatan fisioterapi adalah sekali setiap tiga setengah minggu berbanding dua hingga tiga kali seminggu seperti yang disarankan doktor. Hanya dua kali rawatan di hospital iaitu pada bulan Jun dan Julai selama lima hari setiapnya. Inilah sahaja rawatan fisioterapi yang bermandai hospital yang telah diberikan. Yang dituntut dan diminta bukan rawatan istimewa tetapi rawatan sempurna. Datuk Seri Ibrahim perlu diberikan hak rawatan yang sempurna untuk merawat kesakitan saraf pada bahu kanannya dan mungkin pada tengkuknya. Sebagai tindak balas kepada dakwaan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Zahid Hamidi yang menyatakan mesin-mesin khas akan dibawa masuk ke penjara untuk merawat Datuk Seri Anwar Ibrahim, saya ingin nyatakan betulkan jika saya salah. Mesin tidak sebarang mesin atau peralatan dibawa masuk seperti *shock mass machine* ataupun *ice machine*. Kenyataan Datuk Zahid Hamidi ini saya lihat hanyalah sebagai melepaskan batuk di tangga sebagai rekod jika perlu dalam siasatan Kumpulan Kerja Penahan *Arbitorany* PBB. Beliau cuba untuk memesong dan mengaburi siasatan serta dapatkan Kumpulan Kerajaan Penahan *Arbitorany* PBB ini. Oleh kerana Datuk Seri Anwar tidak menerima rawatan yang sempurna, pihak keluarga dan peguam telah memohon supaya beliau dibenarkan untuk mendapatkan rawatan di luar negara. Tetapi permohonan ini telah ditolak oleh Kementerian Dalam Negeri.

Saya petik kenyataan Timbalan Pengarah Jabatan Penjara yang bertanggungjawab ke atas polisi penjara iaitu Supt. Hashim yang menyatakan Sek. 37-1 Akta Penjara 1995 dengan jelas menyatakan seseorang banduan hanya boleh terima rawatan di hospital kerajaan bukan di hospital swasta apatah lagi di luar negara. Tetapi kenyataan Supt. Hashim seolah-olahnya tidak selari dengan Sek. 31, boleh diurus, dirumuskan ialah adalah pendapat dan tafsiran mengikut acuan Supt. Hashim semata-mata. Jadi, apakah sebenarnya yang dinyatakan Sek. 31, 37-1 Akta Penjara ini? Sek. 37-1 berkaitan penyakit banduan menyatakan sekiranya banduan menghadapi penyakit yang serius yang mana tidak terdapat fasiliti yang mencukupi untuk rawat merawat banduan tersebut pegawai bertugas atau semasa ketiadaannya pegawai yang bertanggungjawab selepasnya boleh dengan surat daripada pegawai

perubatan mengarahkan supaya banduan tersebut diberi rawatan di hospital kerajaan. Tidak langsung disebut dalam Sek. 31 ini apa-apa berkenaan hospital swasta ataupun luar negara. Tiada sebarang kenyataan yang menyatakan banduan atau tahanan penjara tidak boleh dirawat di hospital swasta atau luar negara. Sek. 37-1 juga tidak menyatakan sebab tidak boleh dirawat di hospital swasta ataupun di luar negara. Apa yang difahami ialah pihak kerajaan tidak akan menanggung bil rawatan banduan di hospital swasta dan luar negara. Itulah sebabnya dinyatakan perlu dirawat di hospital kerajaan. Kos rawatan di hospital swasta dan luar negara ini sudah tertentu perlu dibayar oleh Datuk Seri Anwar dan ini bukanlah isunya kerana sudah tentu pihak keluarga akan membuat demikian. Saya berasa sangat kecewa dengan maklum balas, maklum balas Kementerian Dalam Negeri dan hakikatnya Datuk Seri Anwar Ibrahim ditidakkannya haknya. Sudahlah hak mendapat rawatan sempurna ditidakkan. Beliau juga berhadapan dengan halangan-halangan yang lain. Semenjak beberapa bulan lepas, akses keluarga dan peguam telah dihadkan. Kebenaran lawatan keluarga penjara adalah sekali dalam tiga minggu. Lawatan barisan peguam pula adalah dua kali seminggu secara purata. Walaupun beliau pada masa ini mempunyai sebanyak 15 kes sivil, jenayah dan syariah yang sedang dijalankan. Halangan ini merupakan pencabulan terhadap hak-hak asasi beliau seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Datuk Seri Anwar Ibrahim mestilah dibebaskan segera. Usaha yang perlu dilakukan, saya mengusulkan dan mengajak Dewan Yang Mulia ini menggesa supaya Datuk Seri Anwar diberi rawatan perubatan mengikut pilihannya. Bebas dari sebarang campuran tangan politik yang akan menghalang penjagaan sebelum dan pacak perbedaan dan memberikan kesan negatif terhadap kualiti hidup beliau. Datuk Seri Anwar Ibrahim mesti dibebaskan segera selaras dengan penuam dan desakan Kumpulan Kerajaan Penahanan Arbitori PBB. Kerajaan Malaysia perlu segera membentarkan Datuk Seri Anwar Ibrahim mendapat rawatan yang sewajarnya dan menggantikan Dato' S. Jayandran dengan pakar yang lain untuk mengetuai panel rujukan perubatan.

Sebarang penangguhan hanya membuktikan sekali lagi bahawa Barisan Nasional sememangnya ingin berlaku kejam kepada seorang bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Ketua Pembangkang Malaysia yang juga Penasihat Ekonomi Negeri Selangor. Sebarang penangguhan di dalam pemberian rawatan kepada beliau hanya akan memudaratkan lagi keadaan seperti yang telah dinyatakan oleh peguam-peguam Datuk Seri Anwar permohonan ini telah dibuat sejak Februari tanpa sebarang komitmen oleh pihak kerajaan untuk menyediakan rawatan yang baik sehingga keadaan beliau menjadi semakin parah seperti sedia ada. Kerajaan Persekutuan perlu bertanggungjawab jika keadaan kesihatan Datuk Seri Anwar Ibrahim bertambah buruk. Sebelum saya akhiri usul ini, inginlah saya ingatkan pemenjaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kemerosotan kesihatannya yang kini parah adalah disebabkan pengorbanan beliau untuk rakyat Malaysia. Janganlah kita mengambil mudah nasibnya dalam tahanan. Walaupun beliau dalam keadaan sakit dan semakin kurus, namun semangat juangnya tidak lentur. Beliau berulang-kali

berpesan supaya rakan-rakan yang berjuang istiqamah dan bersabar. Dan dengan ini, pastinya saya dan rakan-rakan dalam Dewan Yang Mulia ini serta rakyat terbanyak di luar sana tidak akan berdiam diri selagi Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak mendapat hak yang sepatutnya dan dibebaskan. Sekian, Speaker.

TUAN SPEAKER : Penyokong.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Baiklah. Usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Sungai Panjang.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : *Bismillah Hirrahmanir Rahim. Assalamulaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.* Terima kasih kerana Sungai Panjang diberi peluang untuk berbahas dalam usul nombor 48 berdasarkan Peraturan Tetap 26-1 oleh Yang Berhormat Seri Andalas. Saya nak mulakan perbahasan ini dengan ungkapan yang disebut oleh Khalid Samad iaitu Ahli Parlimen Shah Alam, Pengarah Komunikasi Amanah. Dia sebut kalau dulu ada Pakatan Rakyat sekarang ada Pakatan Harapan. Bila sebut hubungan ini akhirnya satu hubungan yang pelik iaitu ada satu suami ada satu isteri tapi ada satu lagi wanita simpanan.

TUAN SPEAKER : Kaitannya dengan usul Datuk Seri Anwar Ibrahim?

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Itu mukadimah. Mukadimah.

TUAN SPEAKER : Mukadimah langsung tak mengena dengan usul.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Ini nak menunjukkan, saya...

Saya nak tunjukkan bahawa usul...saya nak membawa usul ini.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang kalau tak faham usul saya akan berhentikan saya nak minta pembahas lain. Terus kepada usul.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Saya nak sebutkan perkara ini yang pertama sekali, saya mempertikaikan mengapakah usul ini patut dibawa di dalam Dewan ini? Itu yang pertama. Kerana seperti yang disebut oleh Andalas itu ada beberapa perkara disebut ada berkaitan dengan Kerajaan Pusat. Tidak ada di kalangan kami yang boleh mewakili Kerajaan Pusat menyatakan apakah keistimewaan, apakah yang dimaksudkan sebagai perubatan yang sempurna, apakah yang dibolehkan sebab

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang, faham tak erti usul ya? Datuk Seri Anwar Ibrahim, Penasihat Ekonomi Selangor. Itu sebab usul ini dibenarkan dibahaskan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Sudah tentu Speaker. Saya nak sebutkan kenapa usul ini diluluskan? Kerana pada saya ia tidak ada kaitan langsung...

TUAN SPEAKER : Kalau usul Sungai Panjang masa dulu penganggur saya pun benarkan, kenapa saya tak boleh benarkan usul ini?

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Dengan kesejahteraan rakyat di Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Baiklah Sungai Panjang. Kalau tak nak bahas....

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Saya nak bahaskan tetapi kenapa rasional, kenapa perlu ada usul ini dibawa di Dewan Yang Mulia ini? Kerana di Parlimen ada Gombak.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Di Parlimen ada Lembah Pantai.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Kan? Jadi, maksudnya bawakanlah usul itu di sana sebab kita sepanjang dua minggu ini...

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Mencelah.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, mencelah.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : kita berhubung berkaitan dengan soal kesejahteraan rakyat, soal bajet dan daripada lapan usul yang dikemukakan pada saya ok, kita boleh terima pakai kerana apa ini disebut sebagai...

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Semua berkaitan dengan kesejahteraan rakyat. Tidak ada satu pun

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Mencelah.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Cuma yang satu ni saya fikir tidak sepatutnya masuk

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Mencelah.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Masuk berkaitan dengan ini.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Nak celah.

TUAN SPEAKER : Saya sudah putuskan sebagai Speaker saya benarkan usul ini dibahaskan kerana Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah Penasihat Ekonomi Selangor. Itu keputusan saya.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Ya, sebab tu saya persoalkan keputusan tersebut. Saya persoalkan.....

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Heyyyyy yaaa....

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Saya persoalkan...

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Pertama kerana....

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Pada saya tidak ada di pihak. Saya nyata, saya persoalkan keputusan tersebut kerana apa...

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : kerana tidak ada...

TUAN SPEAKER : Ya Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Peraturan Tetap.

TUAN SPEAKER : Peraturan Tetap mana satu?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya. Tuan Speaker, Peraturan Tetap 43. Keputusan Pengerusi adalah muktamad. Jadi kalau Yang Berhormat Sungai Panjang tidak bersetuju, maka hendaklah dibawa usul tidak boleh membantah seperti ini. Jadi, saya minta kalau Sungai Panjang nak teruskan membantah kena buat usul kalau tidak kena berhenti.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Saya tunggu Speaker. Saya tidak tunggu daripada EXCO.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ini Peraturan Tetap, ini bukan daripada..

TUAN SPEAKER : Baiklah Sungai Panjang saya tak bagi bahas lagi kerana Sungai Panjang tak nak bahas mengenai isi Usul tersebut.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Saya nak bahas mengenai isi tetapi...

TUAN SPEAKER : Pembahas yang lain.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Saya nak sebutkan tadi Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, Meru. Sungai Panjang tolong berhenti, saya sudah bagi banyak peluang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Saya nak sebutkan tadi ialah kenapa rasional dia, kenapa harus perkara ini..

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang tolong berhenti saya dah bagi banyak peluang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Tak saya nak katakan tadi ialah kenapa rasional dia.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang saya kata duduk.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Sebab saya nak katakan kenapa perkara itu hendak disebut, saya nak tanya apa rasionalnya

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Izinkan saya baca Peraturan Tetap

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Kenapa rasional isu ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya

TUAN SPEAKER : Ok.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Rasionalnya

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Rasionalnya isu ini kenapa nak dibahaskan di dewan yang mulia ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Peraturan Tetap ya. Peraturan Tetap 43- Tuan Speaker dalam Dewan ataupun Pengerusi dalam Jawatankuasa hendaklah bertanggungjawab dalam Pematuhan Peraturan-Peraturan Tetap dalam Dewan dan Jawatankuasa masing-masing dan keputusannya berkenaan dengan apa-apa perkara Peraturan Tetap mesyuarat tidak boleh minta timbang semula dan tidak boleh diulang kaji oleh Dewan kecuali dengan dikeluarkan Usul bersendiri bagi tujuan itu. Usul sedemikian ini perlu diberitahu sekurang-kurangnya dua jam kecuali pada hari Jumaat sekurang-kurangnya satu setengah jam sebelum mesyuarat mula bersidang. Usul ini berkehendakkan sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Ahli Dewan bangun di tempat masing-masing menyokong sebelum Usul ini dicadangkan. Jika kurang daripada satu pertiga orang ahli yang bangun maka Pengerusi hendaklah menolak Usul ini tanpa sebarang perbahasan. Ini bahasanya cukup jelas dan saya berharap Sungai Panjang orangnya kena sama dengan namanya.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Sungai Pinang, Meru silakan.

Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN : Terima kasih Tuan Speaker kerana membenarkan Meru membahaskan Usul nombor 48 yang dibawa oleh Seri Andalas dan Meru menyokong sepenuhnya cuma Meru nak bagi tahu bahawa semalam satu peristiwa penting yang berlaku pada diri saya sendiri iaitu saya bertemu dengan 42 orang daripada Borneo Post sorry Borneo Care, 42 orang bukan 52, 42 orang di mana 2 orang daripada Uganda dan 40 orang lagi adalah dari Sarawak dan saya minta izin daripada Tuan Speaker saya nak berbahasa Sarawak sikit. Antara benda yang mereka saya sampaikan kepada saya ialah *kenak sampe kenaktok katanya Dato' Seri Anwar Ibrahim masih lagi di dalam penjara, tok faham bakku berinku* (bahasa Sarawak) katanya. Dia kata dia pening kenapa sampai sekarang dia kata Dato' Seri Anwar Ibrahim masih lagi dalam penjara. Saya hairan bila saya tanya *one by one* minta maaf saya pula bercakap bahasa mereka saya tanya mereka ruparupanya mereka ini datang daripada mana? Daripada Serian, daripada Satok maknanya dalam tempat-tempat yang kita kata pendalaman tapi mereka tahu apa yang berlaku dan daripada Uganda tu pun tahu juga apa yang berlaku pada Dato' Seri Anwar Ibrahim. Hari ini saya pun nak..

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Minta penjelasan boleh Meru ?

Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN : Ya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Yang daripada Sudan tu ahli PKR ke bukan?

Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN : Itu saya tak tanya ahli apa, Borneo Care. Jadi saya nak bagi tahu bahawa sebenarnya di dalam Islam hak tahanan yang dibincangkan oleh para ulama dan ilmuwan dalam Islam amat teliti dan terperinci. Kita tengok tokoh-tokoh di dalam Islam seperti Umar bin Abdul Aziz, Khalifah Umar bin Abdul Aziz, Salehuddin Al - Ayubi dan juga Sultan Muhamad Al- Fateh, mereka ini walaupun berperang tetapi sebelah malam itu mereka pergi kepada banduan-banduan ataupun tahanan-tahanan perang mereka ini dan tengok pastikan hak-hak mereka diberi. Makanan mereka, pakaian mereka dan juga minuman mereka dan juga kesihatan mereka. Ini yang sepatutnya kita takut sebab bila kita ini yang Nabi sebut (Ayat Al-Quran) Nabi kata *Hendaklah kamu takut dengan doa yang dizalimi*. Dato' Seri Anwar Ibrahim ini bukan seorang banduan, dia adalah seorang tahanan politik dan dia dizalimi. Nabi kata (Ayat Al-Quran) *Kamu dah takut*, kata Rasulullah S.A.W takut kepada doa orang yang dizalimi dan orang yang dizalimi ini kalau mengikut Imam Syafie tak semestinya orang Islam, orang yang bukan orang Islam pun kalau dizalimi tapi kalau dia angkat tangan dan berdoa kepada Allah, Allah akan dengar dan akan mengabulkan doanya tuan-puan. Dalam Quran juga Allah mengatakan (Ayat Al-Quran) *Jangan kamu terikut dengan orang yang menzalimi orang-orang zalim ini, kalau kamu masih bersama-sama lagi dengan orang yang zalim ini maka kamu akan disambar di api neraka besok*. Itu yang disebut oleh Allah di dalam Al-Quran Nur Karim. Sebab itu saya nak rujuk balik seorang tahanan yang sedang menghadapi hukuman penjara masih lagi memiliki hak tertentu yang sepatutnya dipelihara. Hak tersebut termasuklah hak yang paling asas atau paling minimum dan merupakan sebahagian dari hak asasi. Ini amat jelas dalam hak asasi manusia di peringkat Antarabangsa. Sila rujuk UDHR *Universal Declaration of Human Right* 1948 ataupun..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker nak minta penjelasan.

Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN : Ya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Beri penjelasan sikitlah sebelum pergi jauh.

Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN : Ya silakan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih, Meru baik dia bagi saya. Saya nak tanyalah Meru apa maksudnya tahanan politik itu? Apa Yang Berhormat maksudkan Anwar Ibrahim sebagai tahanan politik sedangkan dia menjalani proses mahkamah selama 7 tahun, saya nak beza minta penjelasanlah.

Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN : Saya akan bagi hujung ini *Insyaallah* dan juga sila rujuk pada UIDHR *Universal Islamic Declaration Human of Right* 1990. Ini adalah juga sebenarnya perkara yang sama dituntut di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Bahagian 2 Perkara 5 hingga 13 untuk menyediakan peruntukan khusus tentang hak asasi manusia itu. Dato' Seri Anwar Ibrahim bukanlah seorang banduan tetapi tahanan politik tapi *until now* hingga ke hari ini kita dapati bahawa tidak ada satu penjelasan yang boleh diterima tentang apa yang kenapa beliau ditahan itu. Sebab itu saya ingin rujuk kepada syariah ataupun disebut sebagai *Maqasid Daroriah* ini minta maaf tak ada kena mengena dengan YB Sementa ya, *Maqasid Daroriah* iaitu menekankan atau pemberian nyawa atau jiwa iaitu Al-Haq yang sebenarnya mempertahankan sesiapa sahaja tak kira agama ketika mereka itu duduk di bawah tahanan sebagaimana diberikan hak untuk mendapatkan perubatan kesihatan dan sebagainya. Dalam kes itu rawatan Dato' Seri Anwar Ibrahim beliau bukanlah seorang tawanan perang, beliau ditahan dengan perbicaraannya yang masih diragui sehingga ke hari ini. Sakit yang dihadapi oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim sampai disebut dalam istilah perubatan..(istilah perubatan) ini kena tanya doktorlah. Ini mungkin Ijok boleh *explain* apa dia yang dialami pada bahu sebelah kanan beliau wajar dijawab segera. Saya merasakan Usul ini amat wajar dan bertepatan dengan undang-undang hak asasi Antarabangsa sebab dalam konsep dalam Islam itu sendiri sebab saya mengatakan bahawa sampai sekarang belum ada perbicaraan yang kita boleh terima seperti yang disebut dinaikkan oleh Permatang tadi tentang ini kes Dato' Seri Anwar Ibrahim belum ada kita bincang satu secara *open* kita untuk bincangkan apa sebenarnya kesilapan beliau ditahankan sebegitu lama jadi saya dengan ini menyokong apa yang dibawa oleh Seri Andalas.

TUAN SPEAKER : Saya benarkan yang doktor dulu. Doktor betul-betul ya, Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih pada Meru telah menjelaskan apa telah dan juga masalah Dato' Seri Anwar Ibrahim. Sebagai doktor saya ingat doktor yang menjaga ataupun menetapkan bahawa beliau boleh dapat rawatan ke tidak telah melanggarkan etika sebagai seorang doktor. Ini untuk makluman Yang Berhormat sekalian, yang pertama Dr. Jaya ialah doktor yang dirujuk atas kes Dato' Seri Anwar Ibrahim semasa beliau dibicarakan di mahkamah. Beliau ialah seorang pakar perubatan dalaman *internal medicine*. Sakit Dato' Seri Anwar Ibrahim ialah bidang ortopedik. Bagaimana Kerajaan Persekutuan membenarkan seorang pakar dalam bidang lain untuk menetapkan sama ada pesakit itu boleh dapat rawatan ke tidak. Ini yang saya nak bagi tahu kepada Yang Berhormat sekalian. Bermakna tahanan ataupun rawatan Dato' Seri Anwar Ibrahim ialah *politically motivated*. Beliau telah dinafikan untuk mendapat rawatan sakit beliau yang sepatutnya ditengok ataupun dirawati oleh pakar yang dalam bidang yang betul. Jadi saya nak beritahulah pihak sebelah sana Barisan Nasional, kalaularah saudara atau *family* Yang Berhormat jatuh sakit dan telah dirawati oleh pakar katalah beliau sakit jantung tetapi telah dirawati oleh pakar ortopedik atau pakar kulit bagaimana Yang Berhormat sekalian rasa. Itu sebab dalam ilmu

perubatan kita kena buat dengan izin *empathy* rasa sendiri bagaimana pesakit itu rasa baru kita faham tentang masalah itu. Jadi saya tak mahu bercakap panjang lebar, *be human empathize* itu sebab di dewan ini kita kena tekankan usulkan Dato' Seri Anwar Ibrahim sepatutnya dapat rawatan yang sewajarnya. Sekian, ribuan terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Terima kasih Tuan Speaker. Sungai Burong ingin mengambil bahagian juga dalam Usul yang dibawa di bawah nombor 48 iaitu di bawah Peraturan Tetap 26 yang dibawa oleh Yang Berhormat Seri Andalas. Berhubung dengan kesihatan Dato' Seri Anwar Ibrahim di penjara sebenarnya banyak saya dah dengar dengan teliti tadi kenyataan daripada pembawa Usul dan juga pembahas. Ini merupakan sangkaan-sangkaan dan kebanyakannya saya ingat mempunyai tujuan yang lain hal politik dari keadaan yang sebenar. Hari ini saya ingin memaklumkan perkara-perkara yang kita walaupun saya di dalam dewan tidak di dalam Parlimen tetapi saya mendapat maklumat untuk tujuan rekod menjelaskan kedudukan sebenar tentang rawatan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Kementerian Kesihatan melalui Akta Penjara 1995 telah melantik satu Panel Perunding Kanan Kerajaan untuk memeriksa dan merawat Dato' Seri Anwar Ibrahim ketika beliau di penjara. Berdasarkan pendapat panel ini Dato' Seri Anwar Ibrahim telah dijemput telah diberikan khidmat 3 lagi perunding ortopedik termasuk pakar bedah ortopedik pilihan Dato' Seri Anwar Ibrahim sendiri untuk memberikan pendapat berkenaan dengan kesihatan yang dihadapi oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya celah boleh tanya saya nak tanya sikit.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Jadi tuduhan yang menyatakan ..

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya nak tanya sikit boleh.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Nanti saya beri kemudian. Saya nak jelaskan tuduhan bahawa rawatan ortopedik

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Jawab soalan saya. Tanya soalan dulu tentang apa yang telah dikatakan oleh Sungai Burong tadi. Katakan ada 3 pakar perunding yang telah pun boleh tengok apakah nasihat yang dibagi oleh ketiga-tiga pakar itu kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim dan rawatan yang telah kena dibagikan kepada beliau sampai sekarang. Apa??

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Saya tidak tolak di dalam penjara apa yang dilakukan tapi berdasarkan apa yang maklumat kita terima daripada 3 panel tersebut menyatakan bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim perlu mendapat rawatan yang sama dan perlu menjalani juga fisioterapi intensif dan sebenarnya Dato' Seri Anwar Ibrahim ini ya telah mendapat sebenarnya keistimewaan yang orang lain pun tidak dapat menerima keistimewaan sebagai seorang banduan di dalam penjara. Ini termasuklah bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim ini diasingkan dalam sel yang khas dan tidak ditempatkan bersama banduan yang lain. Bilik penjara Dato' Seri Anwar Ibrahim juga mempunyai perpustakaan mini untuk kegunaan beliau. Keluarga Dato' Seri Anwar Ibrahim telah diberi jumpa, telah diberi peluang berjumpa sebanyak 15 kali dan sebanyak 65 kali bersama peguamnya dalam tempoh 38 minggu di penjara.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Ini. Boleh saya tanya?

Y..B DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Dato' Seri Anwar Ibrahim telah menjalani 83 kali pemeriksaan perubatan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Sungai Burong. Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : 10 kali rawatan

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Boleh saya tanya?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Fisioterapi

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Ini.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Di Hospital Kuala Lumpur sebanyak 7 kali.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Ini bagi dari mana kenyataan ini (fakta-fakta ini dari mana)?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Ini boleh (apa ini) pergilah rujuk dengan (apa ini)

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Dari menteri ke dalam negeri? Dalam Menteri Dalam Negeri ke?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Menteri Dalam Negeri. Saya nak bagi tahu lagi ni yang kenyataan daripada Menteri Dalam Negeri semasa

lawatan 4 hari di UK. Beliau telah memberi penjelasan bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim sebenarnya telah diberi rawatan yang istimewa berbanding dengan (apa) banduan-banduan lain.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Apa istimewanya? Apa istimewanya yang you katakan istimewa itu macam mana?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Ok. Saya akan jelaskan apa yang dinyatakan oleh Menteri Dalam Negeri semasa perjumpaannya dengan pemimpin-pemimpin di United Kingdom selama 4 hari yang lalu. Beliau telah menyatakan ya bahawa sebenarnya amat mengelirukan ya apabila dia mengetahui bahawa kad Dato' Seri Anwar Ibrahim ini tidak diberi sebarang rawatan oleh doktor pakar dan doktor-doktor Malaysia. Pertama sekali, beliau menjelaskan 7 pakar ortopedik untuk masalah bahu, 3 pakar daripada HKL dan 4 pakar daripada luar HKL. Kedua, untuk *second opinion* ya. Untuk sakit kronik bahu kanan Dato' Seri Anwar Ibrahim 4 pakar ortopedik dari luar panel, pakar termasuk 2 pakar ortopedik ya, endoskopi dan 2 *spot surgeon* yang diminta ya (telah di apa juga) diberikan. Tidak cukup dengan itu, seorang pakar ortopedik

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Boleh minta mencelah?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Seorang pakar ortopedik.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Kalau, kalau boleh bagi saya *treatment module* yang dibagi oleh pakar-pakar ini kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim. Berapa kali seminggu dia kena dapat fisioterapi dengan apa bahan-bahannya fisioterapi itu kena dilakukan dan adakah ini diikuti oleh pegawai penjara ataupun doktor-doktor yang berkenaan di dalam penjara. Itu saja. Saya tidak nafikan bahawa beliau telah diperiksa oleh beberapa pakar-pakar, tetapi apa *recommendation* oleh pakar itu telah dibagikan dan adakah *recommendation* ini diikuti oleh orang pegawai-pegawai di dalam penjara ataupun pegawai-pegawai di dalam Kementerian Dalam Negeri.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Boleh mencelah? Saya nak mencelah Sungai Burong. Boleh? Senang saja. Sungai Burong.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Permatang nak mencelah boleh?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Tak apa. Saya nak menjawab ini dulu (Seri Andalas) ya. Seri Andalas, yang pertama sekali kena jelaskan ya tidak ada keistimewaan yang diberikan terhadap pakar-pakar seperti yang diterima oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim. Dalam rawat bahu kanan dia ya. Itu. Dan pakar-pakar ini telah diberikan kepada beliau dan bukan saja itu atas juga

permintaan keluarga ya. Atas permintaan keluarga seorang pakar ortopedik etroskopi dan juga spot surgeon daripada Universiti Malaya Medical Centre. Juga turut terlibat membuat pemeriksaan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ini diminta oleh keluarga ya. Kementerian Kesihatan juga telah menafikan bahawa tiada peperiksaan radiologi kepada ataupun radiologi MRI (*Magnetic Rational Imagine*) dalam tempoh tiga bulan. Tidak ada. Ini tidak betul. Sebab dua MRI telah dijalankan pada 2 Jun 2015 dan 24 Ogos 2015. Laporannya telah disediakan oleh *radiology* Hospital Kuala Lumpur, malah *report* CG telah pun diserahkan sendiri kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim. Pokoknya segala pemeriksaan, uji kaji dan rawatan ya yang telah diguna oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah tahap profesional kedoktoran yang tinggi selaras dengan profesi doktor itu sendiri.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Mohon mencelah. Mohon mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Saya tidaklah mempersoalkan tentang kedudukan panel-panel itu tapi saya ingin menjelaskan apa yang telah disampaikan sebab saya tak tahu. Ini yang telah disampaikan oleh Menteri Dalam Negeri itu sendiri. Panel-panel pakar yang merawat banduan ya 17 orang pakar teknikal daripada 8 disiplin perubatan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Mohon mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Jadi, kalau Ijok kata tadi ya.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Boleh, boleh saya minta mencelah?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Ini secara perbarisan, saya nak nyatakan ini apa yang dimaklumkan

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Ini sangat aneh.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Ok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Kalau kita nak merawat sampai 7 pakar, saya nak beritahu atau saya nak tanyalah. Boleh tak Sungai Burong senaraikan nama-nama pakar yang merawat Dato' Seri? Jadi, kalaularah

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Mohon mencelah. Saya rasa

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Saya tahu kami akan sebagai (apa) doktor-doktor di Malaysia ini (persatuan) akan

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Sebenarnya dia tidak ada.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : akan ambil tindakan

TUAN SPEAKER : Saya faham. Sungai Burong hanya membacakan jawapan daripada menteri. Itu sebab kalau tanya pun Sungai Burong tak akan dapat menjawab. Jadi, jangan ganggu beliau. Biar beliau habiskan ucapan beliau dulu. Silakan Sungai Burong.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Mohon mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ini untuk sebagai rekod di sini. Kalau tak puas hati dengan penjelasan apa yang dinyatakan dalam Dewan ini (ya) ahli-ahli parlimen yang ada duduk dalam ini boleh buat perkara ini sebelum mempertikaikan

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Sungai Burong mohon penjelasan, mohon penjelasan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER A/L ARULANANDAM : Speaker,

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Timbalan Menteri atau minta

Y.B. TUAN DR. XAVIER A/L ARULANANDAM : Parlimen tak berani untuk bagikan ini dibahas di dalam parlimen.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Boleh tanya.

Y.B. TUAN DR. XAVIER A/L ARULANANDAM : Tak berani Speaker Parlimen tak berani.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Sungai Burong, Sungai Burong.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sungai Burong cuma baca saja.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Bagilah penjelasan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Tak adapun minta kebenaran kepada saya.

TUAN SPEAKER : Tak apa. Biar Sungai Burong habiskan. Beliau tidak akan dapat menjawab.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya bukan nak mencelah. Saya nak bertanya tentang benda yang saya tak jelas. Boleh tak Sungai Burong?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Nanti dulu. Saya nak ceritakan dulu. Sebab saya nak kata yang (apa ini) yang Ijok kata pakar itu ya. Orang lain merawat tapi di sini pakar ortopedik itu ada. Selain daripada 7 pakar teknikal, 8 disiplin ini tengok pakar perubatan ya, 2 pakar. Satu pakar perunding kanan pembedahan ortopedik. Dah ada disediakan. Jadi, kalau kata dia sakitnya itu berkaitan dengan ortopedik, dah ada dah doktor ortopedik di sini. Jadi, apa yang kenyataan yang dipertikaikan?

TUAN SPEAKER : Baiklah. Saya bagi 5 minit lagi Sungai Burong. Berapa panjang lagi jawapan?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Tak panjang. Jangan bimbang. Saya Cuma nak menyatakan apa yang Timbalan Perdana Menteri (Timbalan Menteri Dalam Negeri) ya.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Mohon penjelasan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Memberi penjelasan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Sungai Burong, minta penjelasan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Sungai Burong, mohon penjelasan. Batu Tiga, Batu Tiga.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Ya, saya nak sebutkan pakar lagi ya. Ada lagi pakar ini

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Pandang la sini. Batu Tiga, Batu Tiga.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Satu pakar perunding (7 pakar).

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tahu. Pakar-pakar itu kita dah tahu dah. Nak tanya penjelasan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Bagilah, bagilah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Mana you tahu pakar ini? Tak tahu lagi.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Sebab saya nak tanya, saya nak mohon penjelasan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Bagilah penjelasan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Saya baru nak cakap.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya nak mohon penjelasan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Macam mana boleh baca fikiran saya?

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Bagi penjelasan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya nak mohon penjelasan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Saya nak jelaskan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Kalau berani

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya nak mohon penjelasan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Dia tahu pula apa pakar yang

TUAN SPEAKER : Sungai Burong tak benarkan. Yang lain semua duduk. Biar Sungai Burong habiskan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Saya nak senaraikan pakar-pakar ya.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Kalau berani dia baca saja. Tak berani.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong teruskan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Teruskan?

TUAN SPEAKER : Teruskan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Pakar perunding kanan pembedahan ortopedik dan tulang belakang dan 6 pakar perundingan pembedahan ortopedik ya endoskopi dan *spot surgeon* ya. Eurologi (2 pakar perunding kanan ya eurologi), dermatologi (1 pakar)

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Sungai Burong baca saja tu. Tak pandang depan. Batu Tiga nak mencelah, nak mohon penjelasan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Duduk, duduk ya Batu Tiga. Duduk.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya tak pernah tanya Sungai Burong ni. Sekali saja.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Duduk. Saya tak bagi.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Tuan Speaker.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Apa pasal berdiri?

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Tak ikut peraturan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tak berani ni.

TUAN SPEAKER : Saya minta Morib, Batu Tiga duduk. Seri Muda pun duduk. Biar Sungai Burong habiskan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : bagi contoh yang baik.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Saya nak tanya.

(DEWAN SEDANG BERGADUH)

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Siapa nama pakar-pakar yang terlibat?

(DEWAN SEDANG BERGADUH)

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Saya ingat ini kesimpulannya. Kita cerita pun orang tak nak dengar ya. Tapi saya nak cakap sebab inilah namanya perunding-perunding yang juga pakar-pakar yang telah diberikan keistimewaan yang

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Mencelah Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Yang tidak ada pada banduan-banduan lain.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Boleh saya mencelah sikit? Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Ini saya nak menjelaskan.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Saya nak tanya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Keistimewaan ini hanya diberikan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Siapa nama pakar-pakar yang terlibat?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Kerana menghormati dia sebagai bekas ketua pembangkang. Ya. Agaknya lah. Itu. Jadi, yang lain itu kita jangan berniat jahat.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Nak tanya je satu.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Yang niat jahat nak melihat bahawa inilah kerajaan persekutuan tidak memberi layanan keistimewaan

TUAN SPEAKER : Sungai Burong. Dalam skrip ada tak nama pakar?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Apanya? Saya dah cerita yang lain ni.

TUAN SPEAKER : Semua nak tanya nama pakar kerana Sungai Burong ada nyatakan tadi ada rawatan daripada pakar. Jadi mereka nak tahu siapa pakar.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Ya, betul Tuan Speaker. Kami nak tahulah siapa nama pakar terlibat. Kalau ada, bagi. Kita nak tu. Jangan sebut saja. Kita nak tahu.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Sungai Burong, saya pun nak tahu apa penemuan pakar tersebut.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya cadang Sungai Burong bagi jawapan bertulislah.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Penemuan daripada hasil rawatan semua.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Penemuan-penemuan pakar ini ya.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Sungai Burong bagi jawapan bertulis jadi macam Exco nanti bagi jawapan bertulis pada dia orang ini.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Isu yang dibawa sini ialah pertama sebenarnya Seri Andalas nyatakan perlu rawatan segera ya. Saya nak ceritakan bahawa rawatan ini telah diberikan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim.

(DEWAN SEDANG BERGADUH)

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Perbezaan di antara rawatan dan pemeriksaan itu lain.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Tolong minta yang lain diam.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Apa rawatannya?

TUAN SPEAKER : Baiklah. Semua tolong duduk.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Hormat Tuan Speaker. Hormat, duduk Batu Tiga. Hormat Tuan Speaker.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Speaker.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Saya tak bagi laluan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tahu, tahu. Saya rasa Sungai Burong ni selalu *confuse*.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Saya tak bagi laluan, Tuan Speaker.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Selalu *confuse*.

TUAN SPEAKER : Saya rasa.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Sampai masa saya habis.

TUAN SPEAKER : Saya rasa dah jelas tak ada jawapan. Jadi, biar Sungai Burong habiskan. Sungai Burong, 5 minit.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker pun nampak nak menyebelahi Batu Tiga. Bukan tak ada jawapan. Saya ada jawapan. Tapi saya tak nak beri jawapan sebab saya nak pergi kepada apa yang dipersoalkan oleh Seri Andalas. Seri Andalas ini usulnya dalamnya jelas mengatakan supaya diberi rawatan segera kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam penjara. Saya nak menyatakan bahawa pertama sekali begitu keistimewaan yang diberikan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam penjara ini yang tidak diberikan kepada mana-mana banduan ya di Malaysia yang utama.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Speaker.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Speaker.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Yang keduanya, pakar-pakar bukan saja doktor-doktor (kesimpulannya ya) pakar-pakar ya.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Ada beza di antara jumpa pakar dengan rawatan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Jangan kacau. Tolong bagi arahan, bagi tahu kepada Sekinchan.

TUAN SPEAKER : Sekinchan, Morib, Batu Tiga, Kota Anggerik, biar dia habiskan dulu.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya rasa Speaker.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Jangan kacau. Bahaslah lepas ini. Lepas ini bahas ya. Yang kedua, pakar-pakar telah begitu ramai disediakan untuk merawat beliau. Selain daripada itu juga dibagi peluang kepada keluarga untuk menemukan pakar-pakar dia sendiri untuk memberi rawatan. Apa ni?

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Sungai Burong. Taman Medan mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Apa lagi nak dipertikaikan oleh Seri Andalas?

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Sungai Burong tahu tak perbezaan antara pemeriksaan dengan rawatan?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Sungai Burong confuse rawatan pemeriksaan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Rawatan tu termasuklah ujian-ujian pemeriksaan preskripsi dan sebagainya.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Rawatan dengan pemeriksaan Sungai Burong, apa bezanya?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ini lagi pengacau tiba-tiba. Tak minta kebenaran. Tidak menghormati Speaker pun. Tiba-tiba main kacau.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Tuan Speaker, saya nak hormat Puan Speaker minta izin nak

(DEWAN SEDANG BERGADUH)

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Nak bagi ke tidak?

Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN : Bagi Meru la. Meru sikit.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya nak bagi kesimpulan.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Kesimpulan apa?

TUAN SPEAKER : Kesimpulan, kesimpulan. Nanti bahas.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Kesimpulannya bahawa Usul ini ya sebenarnya hanya tuduhan-tuduhan. Tidak berasas ya. Kedua, nak (apa orang kata) nak mengelirukan rakyat supaya dengan ini menunjukkan bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim ini dianiaya/dizalimi. Meru menggunakan ayat-ayat Quran. *Insya-Allah* sesiapa yang menyalahgunakan ayat Quran untuk tujuan tertentu tunggulah nanti balasannya oleh Allah SWT kalau tidak di dunia ini

Y..B TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN : Boleh.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : *Insya-Allah* di akhirat nanti. Jangan cuba memperguna dan mempermainkan ayat-ayat Quran sesuka hatinya. Jadi, saya menolak Usul ini.

(DEWAN SEDANG KETAWA)

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN : *Allahu Akbar.*

TUAN SPEAKER : Baiklah, saya bagi satu lagi pembahasan. Kota Anggerik 5 minit.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, saya rasa Sungai Burong confuse.

(DEWAN SEDANG KETAWA)

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Kalau kita jumpa doktor, saya biasa jumpa doktor ortopedik. Doktor ortopedik akan *prescribe*. Itu namanya pemeriksaan. Kemudian, turun ke bawah untuk dapat rawatan, ubat-ubatan. Saya tanya apa ubatnya?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, dia ni membahas ke dia (apa ini)?

TUAN SPEAKER : Bahas.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Bahas.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya tanya Tuan Speaker.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Hormat Speaker.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Kalau Tuan Speaker tak bagi, saya duduk.

Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI : Hormat Speaker, Tuan Speaker ini *floor* saya. Soalnya bukan soal rahsia bahawa sistem kehakiman di negara ini telah pun dirobek-robek oleh pimpinan UMNO sejak Doktor Mahathir lagi. Bila mana UMNO diharamkan Perdana Menteri mengambil keputusan dipecatnya hakim. Dia ambil dilantik tribunal untuk memecat hakim. Ekoran daripada itu semenjak itu sistem kehakiman di negara ini dipersoalkan oleh semua orang. Soal sejauh mana kebebasan hakim-hakim dalam membuat keputusan. Kali kedua sistem kehakiman sistem di robek semula bila mana peguam negara yang belum habis tempoh perkhidmatannya telah dipecat perkhidmatannya. Ini menjadikan bahawa memang rakyat mempersoalkan bagaimana sistem kehakiman di negara ini dapat melaksanakan tugas dengan baik, sebab eksekutif mengganggu tugas sistem kehakiman. Sebab itu benarlah apa yang disebut oleh badan PBB pada 15 September yang lalu mengatakan bahawa penahanan Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah dibuat secara ragu dan sewenang-wenangnya dinafikan hak perbicaraan yang adil. Dipenjarakan sebab-sebab politik dinafikan hak rawatan. Ini bukannya badan dalam negeri, badan antarabangsa United Nation iktiraf bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah tahanan politik. Seandainya Dato' Seri Anwar Ibrahim masuk UMNO tak ada kes dah, kalau sebelum, kalau sebelum pilihan raya masuk UMNO

tak de kes, tetapi oleh kerana Dato' Anwar Ibrahim itu menentang UMNO dalam pilihan raya, dan mendapat sokongan majoriti maka jadi dipenjarakan. Yang ini yang dipersoalkan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh mencelah Kota Anggerik, ini usul ini Sri Andalas telah bawa pada sidang yang lepas suruh bebaskan Anwar Ibrahim, ini pasal kecederaan apa kait dengan hakim. Bicara telah dibagi 7 tahun penangguhan lebih 80 kali daripada Mahkamah Tinggi sampai Mahkamah Rayuan sampai Mahkamah Persekutuan mendapat berapa banyak keadilan. Satu hakim mahkamah tinggi, tiga mahkamah rayuan, lima mahkamah persekutuan. Apa lagi masalah tak adil. Semua orang dapat

TUAN SPEAKER : Betul Kota Anggerik tolong fokus isu rawatan.

Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, dalam sidang yang lepas bahawa bagaimana sistem kehakiman ini yang berpilih-pilih, dalam kes baru ini ahli tinju, AJ kata tak de kes sebab bukti yang polis bagi tak cukup sedangkan apa ni, soal pencerobohan itu jelas dan rakyat persoalkan proses kehakiman ini. Itu memang PBB menyatakan bahawa di penjarakan sebab politik dan iktiraf peringkat antarabangsa Dato' Sri Anwar dipenjarakan sebab politik. Sebab itulah sewajarnyalah kalau ini bukan tahanan biasa bukan sebab jenayah Dato' Sri Anwar sewajarnya dapat rawatan selayaknya sebaik-baiknya. Dan ini bukan kali pertama tapi dahulu ternyata bila dia dapat rawatan sebaik-baiknya kesihatannya semakin pulih. Tetapi dalam kes ini, kerajaan negeri menyebut tadi ada doktor-doktor buat rawatan saya tanya apa *equipment* yang ada dalam penjara, apa *equipment* dalam penjara. Rawatan itu mesti dibuat di hospital bukan di dalam penjara. Dan klinik-klinik yang tertentu tetapi dalam kes ini hanya doktor datang merawat.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Tuan Speaker boleh mintak penjelasan ini Kota Anggerik tahu ke, tak de masalah dia nak pergi dapat rawatan di hospital-hospital kerajaan tak de masalah bawa sahaja lah. Tak ada masalah malah tahu ke, Sri Andalas bahawa pihak penjara membenarkan bahawa Dato' Sri Anwar boleh membawa doktor-doktor dari luar negara untuk membuat pemeriksaan dan rawatan di hospital kerajaan Malaysia.

YB TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI : Kalau Sungai Burong maka Sungai Burong menyokong usul ini supaya Dato' Sri Anwar diberi rawatan sewajarnya seperti cadangan daripada Sri Andalas.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat boleh mencelah sikit apa yang Sungai Burong sebut dalam perbahasan beliau Dato' Sri Anwar Ibrahim sudah diberi rawatan jelas tadi dengan pakar-pakar yang disebut. Itu ialah jawapan yang diberi oleh Sungai Burong. Yang Berhormat kalau tak puas hati Ahli Parlimen boleh bawa dalam Dewan Rakyat boleh tanya. Jadi tanya Menteri Dalam

Negeri boleh jelaskan siapa pakar-pakarnya. Sebab itu usul di bawa dalam Dewan Negara atau pun Dewan Rakyat minta maaf. Jadi kita kena terima kenyataan itu dan saya nak sebut sikitlah kalau Yang Berhormat izinkan, saya tadi mintak mencelah Sungai Burung tak dapat, daripada rawatan pakar-pakar laporan daripada pakar-pakar yang merawat menyebut bahawa kecederaan Dato' Sri Anwar tidaklah kronik dan tidak memerlukan rawatan yang apa yang intensif dan beliau disediakan untuk diberikan beberapa fisioterapi untuk buat senaman setiap hari di penjara. Itu laporan yang ada saya dapat daripada menyemak apa jawapan Menteri Dalam Negeri, sebab itulah apa Sungai Burong tidak boleh jawab dengan jelas, sebab soalan ini dijawab di Parlimen jadi boleh Menteri Dalam Negeri menjawab menyemak apa jawapan di Parlimen.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik tolong habiskan. Dua minit Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI : Apakah *equipment-equipment* nya, alat-alat yang ada dalam penjara berbanding di hospital. Sebab itu kita minta supaya Dato' Seri Anwar Ibrahim diberi rawatan selayaknya dengan teknologi yang ada, yang ada bukan dalam penjara di luar dari dalam penjara. Lebih lagi bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim bukan tahanan jenayah dan *United Nation* akui bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah tahanan politik. Kalau inilah layanannya, bertapalah maknanya Kerajaan Persekutuan tidak prihatin kepada orang yang sangat berjasa kepada negara ini, bekas Timbalan Presiden UMNO oleh sebab dia menentang UMNO, makanya jadi tahanan begini, itulah saya menyokong usul ini supaya diberi rawatan segera kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku penasihat ekonomi negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Baiklah saya persilakan pihak Kerajaan jika ingin menambah apa-apa. Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Tuan Speaker, sewajarnya usul yang dibawa oleh Seri Andalas ini mendapat dukungan daripada semua. Tanpa mengira ideologi politik, kerana ini soal hak asasi seorang rakyat dalam negara ini. Jangan kita politikkan semua perkara. Kita mungkin ada perbezaan pandangan dan pendapat, tetapi bila kita kembali kepada prinsip dan hak seseorang sebagai rakyat Malaysia. Saya kira ia dukungan merentasi fahaman dan ideologi politik. Apa yang bahaskan oleh pembangkang saya tidak dapat nak menggulung ataupun memberi respons kerana saya tengok tadi dari segi gerak gaya itu, skrip ini disiapkan oleh seseorang saya tengok skrip yang sama ada di Sungai Burong, skrip yang sama ada di Permatang. Cuma kalau benarlah ada pakar-pakar yang memberikan rawatan apa salahnya Sungai Burong dan Permatang memberikan nama-nama yang berkenaan, jangan sorok ya jangan selindung fakta. Kemukakan nama-nama berkenaan fakta pakar pertama siapa nama.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Boleh minta penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Boleh

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Sebab benda ini pertama sekali saya nak menyangkal ya. Tuduhan bahawa skripnya adalah sama ya, kita dan ini tulisan tangan saya, saya dapat baca laporan, tulisan tangan saya. Di belakang ini tulisan tangan saya, bukan skrip apa ini. Ini ini bukannya, ini tulisan tangan saya, ini tulisan biru ini, di mana saya menulis, saya ni bila menulis dapat Perdana Menteri Dalam Negeri, saya baca laporan Menteri Dalam Negeri pergi UK. Dia menjelaskan kepada pemimpin-pemimpin di UK sana tentang kedudukan apabila ditanyakan oleh mereka kedudukan Dato' Seri AnWar Ibrahim yang menerima rawatan di penjara, jadi ini yang saya, ini tulisan saya, tulisan saya ini, tulisan saya. Jadi saya nak sangkal tu, tak betul kenyataan tu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Jadi tak delah nama, tak delah, tak de nama-nama pakar tu.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Nama tu kita kalau hendak kita boleh tipu, saya boleh merujuk kepada Timbalan apa ni kepada Menteri Dalam Negeri untuk memberikan laporan itu tetapi saya ingin mengusulkan adalah lebih baik kerana Bukit Antarabangsa juga seorang Ahli Parlimen mengapa terus sahajalah dapatkan maklumat itu daripada Menteri di Parlimen.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Sungai Burong, bila saya bercakap dulu, Yang Berhormat Sungai Burong tahu tak Parlimen di Malaysia tak sama dengan Dewan Undangan Negeri Selangor. Kita di sini kalau Sungai Burong minta daripada Speaker dapat. Kemukakan usul terima, di Parlimen tak dapat, malahan bila kita tekan kita kena gantung, jadi nak dapat maklumat macam mana jadi oleh sebab Sungai Burong ini memang rapat dengan Timbalan Perdana Menteri yang baru, sebagai pelaburan masa depan, jadi saya cadangan Sungai Burong tolonglah dapatkan nama-nama pakar itu dan kemukakan jawapan bertulis kepada saya, sebab saya nak tengok, siapa pakar-pakar yang dimaksudkan. Setakat hari ini hanya seorang doktor yang boleh menentukan segala-galanya iaitu Doktor Jayanderan yang merupakan doktor peribadi kepada Perdana Menteri. Ini Sungai Burong kena tahu. Dia tidak benarkan pakar-pakar yang lain untuk akses kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana bimbang maklumat yang tepat dapat diperolehi oleh keluarga dan dunia. Ini kenyataannya sebab itu, nanti-nanti Permatang, bila Sungai Burong dan Permatang mendakwa ada tujuh pakar bukan sukar bagi nama pakar-pakar tersebut. Mungkin doktor Mahathir salah seorang pakar saya tak tahu, mungkin ada doktor-doktor yang lain bagi nama dan kita akan semak sama ada keterangan yang diberikan oleh Sungai Burong betul atau tidak.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya minta penjelasan

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tak perlah penjelasan saya nak

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kalau boleh bagilah

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ok Permatang

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya Yang Amat Berhormat saya untuk berlaku adilah, kita boleh minta supaya Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri memberikan tetapi sebenarnya pada saya Speaker tidak bagi lama untuk berhujah dalam perkara ini, saya nak tanyalah apa sebenarnya pun kepentingan kerajaan dari segi sakitnya Dato' Seri Anwar Ibrahim ini, tak ada penting pun sebenarnya, apa kepentingannya secara jujurlah, tak ada apa kepentingan,

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Malahan saya bersetuju atas nama kemanusiaan kalau benar perkara itu betul memerlukan rawatan memang betul kita bersetuju kalau kepada semua orang sekali pun dia bertaraf banduan. Itu saya boleh terima.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Pematang kalau itu kenyataan Pematang kena berhati-hati ini soal *concern* kita, sebab itu saya mulakan mukadimah tadi ketepikan ideologi politik. Ini soal hak seseorang sama ada banduan ataupun rakyat biasa, berikan rawatan pemeriksaan yang diperlukan, kalau kerajaan kata ada tujuh pakar kemukakan nama, sebab yang apa yang kita diberikan maklum balas termasuk daripada Dato' Seri Anwar sendiri, yang keluar masuk ke penjara Doktor Jayendra. Penyokong kuat MIC, doktor peribadi Perdana Menteri sendiri yang tidak membenarkan pakar-pakar lain untuk mendekati Dato' Seri Anwar untuk membuatkan membuat *second opinion* sebab itu yang kita memberikan tekanan kepada kerajaan. kalau benar Sungai Burong kata tujuh pakar beri nama, untuk menafikan apa kami dakwa kepada hari ini.

YB DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Saya nak minta penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tak per, saya dah minta Sungai Burong telefon kepada Timbalan Perdana Menteri minta di *whatsapp* kepada Sungai Burong dan *forward* kepada saya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS : Minta penjelasan kalau tidak

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Seterusnya Sungai Burong, saya nak jelaskan apa yang dibawa oleh Seri Andalas ini bahawa saya kira satu

perkara yang penting di mana Dewan melihat begitu serius kemerosotan keadaan kesihatan Dato' Seri Anwar Ibrahim dan ini adalah bukan suara Seri Andalas, ini adalah suara majoriti rakyat Malaysia yang mahu Dato' Seri Anwar diberikan khidmat kesihatan dan rawatan yang terbaik.

Jangan takut dengan seorang manusia. Dah 17 tahun UMNO fitnah Dato' Seri Anwar Ibrahim, 17 tahun UMNO menzalimi seorang manusia dengan gunakan sistem kehakiman, gunakan sistem polis, gunakan sistem apa lagi perundangan, gunakan media siang malam, pagi petang tetapi Y.B. Sungai Burong, kalau Y.B. Sungai Burong tak setuju dengan Dato' Seri Anwar pun tak pe, tetapi ingat pilihan raya yang lepas, 52% rakyat Malaysia menyokong Dato' Seri Anwar (Dewan bertepuk). Inilah yang menjadi kebimbangan UMNO dan Barisan Nasional. Dia bimbang kalau Anwar keluar, Anwar sihat, UMNO yang akan nazak dan terkubur dalam pilihan raya yang akan datang. Tetapi saya minta sekali lagi, dengar suara Dewan ini walaupun Sungai Burong tak setuju tetapi Dewan akan mengangkat perkara ini terus ke Kerajaan Persekutuan supaya Dato' Seri Anwar mendapat rawatan yang terbaik, berlaku adil, jangan zalim, bukan sahaja kepada Dato' Seri Anwar tetapi jangan zalim kepada rakyat Malaysia. Jadi, Tuan Speaker, usul yang dibawa oleh Seri Andalas ini satu usul yang penting yang akan diangkat Kerajaan Negeri mendesak Kerajaan Persekutuan memberikan rawatan yang terbaik kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi:

“ Bahawasanya Dewan Yang Mulia ini mendesak Kerajaan Persekutuan untuk memberikan rawatan perubatan dengan segera kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim, Penasihat Ekonomi Selangor”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. USUL INI DIPERSETUJUI**.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat Seterusnya. Usul untuk Menangguhkan Dewan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Y.B. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Persidangan kita telah pun tamat. Dan dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sehingga suatu masa yang akan ditetapkan kelak.

Sebelum Y.B. Tuan Speaker menangguhkan sidang kali ini, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan Negeri yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan khususnya ketika Usul Belanjawan 2016 dibentangkan. Saya juga amat menghargai penyertaan pihak

pembangkang yang telah memberikan pandangan terhadap cadangan-cadangan yang harus dilakukan oleh kerajaan dalam melaksanakan belanjawan Negeri Selangor pada tahun akan datang.

Saya yakin sistem demokrasi seperti ini amat baik di mana kita mengiktiraf peranan pembangkang melalui sistem semak dan imbang ataupun *check and balance* dalam memastikan kepentingan rakyat di negeri Selangor ini terus terpelihara dan hasil negeri di dalam negeri Selangor ini dapat diagihkan secara adil serta dibangunkan demi kemakmuran semua rakyat tanpa mengira latar belakang. Saya juga melihat perjalanan Dewan kali bertambah matang, cukup positif, ada *consensus*, ada muafakat. Ini satu perkembangan yang cukup baik. Sebagai contoh, sebentar tadi kita menyaksikan pemilihan 2 (dua) Ahli Dewan Negara. Untuk makluman Ahli Dewan Negeri semua, sebenarnya rakan kita daripada PAS juga telah mengemukakan seorang calon untuk dipertimbangkan supaya dilantik sebagai Ahli Dewan Negara. Tetapi atas semangat kesepakatan, permuafakatan, saya bagi pihak Kerajaan Negeri ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada PAS yang telah menarik diri daripada mencalonkan dalam pemilihan Senator. Ini satu perkara yang cukup sihat. Demokrasi tidak semestinya kita bertembung dan berlawan. Konsensus dan muafakat itu juga merupakan juga sebahagian daripada proses demokrasi bukan sahaja PAS telah menarik diri daripada menawarkan calon mereka untuk dilantik sebagai Ahli Dewan Negara tetapi PAS juga secara terang-terangan telah menyokong calon yang dikemukakan oleh KEADILAN dan DAP dalam pelantikan Senator. Ini yang UMNO tak mahu. UMNO kalau boleh dia nak tengok tadi kita berpecah. Minta maaf Permatang. Minta maaf Semenyih. Minta maaf Dengkil.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sangkaan jahat tu Menteri Besar

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Minta maaf Kota Damansara.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya ingat tu sangkaan jahat Tuan Speaker

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Niat jahat tu. Tak pernah kita terfikir macam tu

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kita mencelah apa pun. Kita cuma tak mengundi aje.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Ha...Kita tak mengundi aje.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Niat. Saya dah boleh baca dan UMNO ni.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Tak niat. Kita tidak ada niat. Eh.... Macam mana seorang insan boleh membaca niat seseorang lain, tak boleh

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Air, daripada air muka Kota Damansara saya dah boleh baca dah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sungai Burong jadi SPR kira tau

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Walaupun, walaupun kita tidak ber *whatsaap*. (Dewan ketawa)

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Tak baik, tak baik Menteri Besar bersangka buruk. Allah tahu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Siapa kata *whatsaap*. salah. Kalau salah

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Bukit Antarabangsa ada *whatsaap*?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya tak ada *whatsaap*. Speaker. Tak salah *whatsaap*. Tiap-tiap malam mungkin, saya tak tahu lah Kota Damansara watsap dengan Cempaka (Dewan ketawa).

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Fitnah tu. Fitnah, bahaya. Bahaya, fitnah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ayat, ayat saya belum habis, nak tanya fasal perumahan, itu sahaja. Itu benda yang baik. Tadi khutbah Jumaat dengar. Oh.... Kota Damansara (Dewan ketawa). Cuma jangan, jangan, jangan ambil kesempatan ye. Kita mungkin ada perbezaan pandangan dan pendapat tetapi saya memberi jaminan Negeri Selangor ini akan ditadbir dengan amanah dan bertanggungjawab bagi menjaga kepentingan rakyat. Dan kita telah menyaksikan bagaimana perbaahan berjalan dengan baik dan lancar dan Alhamdulillah kita telah meluluskan Belanjawan 2016. Tetapi cabaran kepada saya, kepada Ahli-ahli Majlis Menyurat Kerajaan kepada semua Ahli Dewan Negeri ialah bagaimana kita nak laksanakan dan menjayakan belanjawan tersebut. Kita telah meluluskan satu belanjawan yang besar bernilai RM2.88 bilion. Kita ada gagasan yang jelas, *Smart Selangor Yang Peduli* tetapi yang penting ialah kita melaksanakan belanjawan tersebut berdasarkan 3 aspek kebertanggungjawaban yang telah saya ulang kali menegaskan. Yang pertama *unaccountability*, *Concurrent accountability* dan juga *expose accountability*. Maknanya eksekutif ada peranan, Dewan ada peranan, Ahli Dewan Negeri ada peranan untuk memastikan pelaksanaan ini benar-benar memikul dan berpegang kepada prinsip kebertanggungjawaban bagi menjayakan Belanjawan 2016. Untuk maksud itu, saya ingin mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri akan menujuhkan

Unit Khas Penyampaian Perkhidmatan *Delivery Unit*. Ini bukan PMO sebagaimana di Putrajaya yang hanya menumpukan soal kejayaan melaksanakan projek tetapi kita nak tumpukan soal penyampaian perkhidmatan yang baik dan efektif kepada rakyat dan unit ini akan memantau dan memastikan pelaksanaan inisiatif belanjawan yang dicadangkan, baru-baru ini termasuk Sistem Penyampaian Perkhidmatan.

Untuk menjayakan penyampaian perkhidmatan yang cekap ini, saya sekali lagi ingin mengiktiraf peranan penting yang telah dimainkan oleh penjawat awam. Saya mempunyai keyakinan penuh ye, terhadap kemampuan dan kebolehan penjawat-penjawat awam di Negeri Selangor yang cekap dan berwibawa dalam melaksanakan dasar dan program Kerajaan Negeri. Namun dengan rasa yang berat hati, saya terpaksa mengumumkan bahawa ini adalah sesi sidang Dewan yang terakhir yang akan disertai oleh Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri kita iaitu Dato' Haji Muhammed Khusrin bin Haji Munawi yang akan bersara pilihan pada 3 Januari 2016 yang akan datang. Setelah memberikan khidmat dan jasa yang begitu besar kepada kerajaan dalam perkhidmatan awam selama 36 tahun. Saya bagi pihak Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Negeri merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dato' Haji Muhammed Khusrin bin Haji Munawi atas khidmat beliau (Dewan bertepuk). Saya ingin merakamkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa beliau telah menonjolkan mutu kepimpinan yang cukup berwibawa kepada jentera kerajaan dan penjawat awam Negeri Selangor. Sayang sekali, saya dengan beliau agak singkat lebih kurang setahun perkhidmatan bersama tetapi dalam tempoh yang begitu singkat saya melihat dan mengenali keperibadian dan budaya kerja beliau yang cukup terpuji yang harus menjadi contoh kepada anggota perkhidmatan awam yang lain. Beliau merupakan contoh penjawat awam yang memiliki kesetiaan bukan setia kepada batang tubuh tetapi saya melihat kewibawaan beliau yang setia kepada prinsip dan setia kepada profesionalisme pengurusan pentadbiran awam yang amat-amat diperlukan oleh mana-mana kerajaan yang berjiwa rakyat. Dan inilah sosok kepimpinan penjawat awam yang amat diperlukan hari ini dan Kerajaan Negeri tidak mahu ilmu dankekayaan pengalaman beliau disia-siakan begitu sahaja dan Insya-Allah selesai persaraan beliau, biarlah beliau berehat sekejap dan kita berharap Dato' Haji Muhammed Khusrin akan terus membantu pembangunan Negeri Selangor di masa yang akan datang *Insya-Allah*.

Jadi, Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya berharap kita akan terus turun ke lapangan bekerja memberikan khidmat kepada rakyat dan saya percaya dengan semangat setia kawan dan perpaduan yang ditunjukkan dalam sesi kali ini bukan sahaja di kalangan Ahli-ahli Dewan Negeri Kerajaan tetapi juga dengan pembangkang, kami bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan semua dan membangunkan setiap daerah di Negeri Selangor ini tanpa mengira siapa yang mewakili kawasan yang berkenaan kerana ini adalah Kerajaan yang Peduli Rakyat yang mahu setiap daerah di negeri Selangor ini menjadi sebuah daerah yang *smart*, yang maju, yang membangun, yang peduli rakyat. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Penyokong.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan Persidangan ini, saya mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat

Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan atas kerjasama yang telah diberikan bagi melicinkan perjalanan Mesyuarat Ketiga Persidangan Penggal Ketiga kali ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha Dewan, Urus setia, Pelapor-pelapor dan semua petugas yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat bajet kali ini berjalan lancar.

Kepada semua Yang Berhormat, sila semak draf pernyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke Pentadbiran Dewan sekiranya terdapat sebarang pembetulan agar pernyata rasmi itu dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Muhammed Khusrin bin Haji Munawi yang merupakan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang ke-29 yang akan bersara pada tanggal 3 Januari 2016. Untuk makluman semua, pada tahun 1994 Yang Berhormat Dato' Haji Muhammed Khusrin bin Haji Munawi telah berada di dalam Dewan Negeri Selangor ini selama 2 tahun sebagai Setiausaha Dewan. Jadi kami ucapkan Selamat Bersara dan Selamat Maju Jaya kepada Dato' (Dewan bertepuk).

Dengan ini, saya tangguhkan sesi Persidangan ini hingga kesatu masa yang akan ditetapkan kelak.

(Dewan ditangguhkan jam 6.00 petang)